

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



KESAN REBAKAN BANDAR TERHADAP GAYA HIDUP
MASYARAKAT DI BANDARAYA JOHOR BAHRU



SIVA KUMAR T. RENU

UUM
Universiti Utara Malaysia

DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2020

KESAN REBAKAN BANDAR TERHADAP GAYA HIDUP
MASYARAKAT DI BANDARAYA JOHOR BAHRU



SIVA KUMAR T. RENU

UUM
Universiti Utara Malaysia

Tesis ini Dikemukakan ke Ghazali Shafie Graduate School of Government,
bagi memenuhi syarat untuk Penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah
Universiti Utara Malaysia



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

SIVA KUMAR A/L T RENU (99144)

calon untuk Ijazah Ph.D
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**KESAN REBAKAN BANDAR TERHADAP GAYA HIDUP MASYARAKAT DI BANDARAYA
JOHOR BAHRU**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **14 November 2019**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **November 14, 2019***

Pengerusi Viva : **ASSOC. PROF. DR. ALIAS**
(Chairman for Viva) **AZHAR**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **ASSOC. PROF. DR. HALIZA**
(External Examiner) **ABDUL RAHMAN**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **ASSOC. PROF. DR. ZAINAL**
(Internal Examiner) **MD ZAN**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **14 November 2019**
Date


Nama Pelajar : **SIVA KUMAR A/L T RENU (99144)**
(Name of Student)

Tajuk Tesis : **KESAN REBAKAN BANDAR TERHADAP GAYA HIDUP**
(Title of the Thesis) **MASYARAKAT DI BANDARAYA JOHOR BAHRU**

Program Pengajian : **Ph.D**
(Programme of Study)

Penyelia : **ASSOC. PROF. DR. TUAN PAH**
(Supervisor) **ROKIAH SYED HUSSAIN**

Tandatangan
(Signature)



UUM
Universiti Utara Malaysia

PENAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga menyerahkan hak cipta ini kepada pihak Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS) bagi tujuan penerbitan jika didapati sesuai.

SIVA KUMAR T. RENU
99144

MAC 2020



KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan keserjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan keserjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)
UUM Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Kesan rebakan bandar terhadap masyarakat di Bandaraya Johor Bahru sehingga kini masih kurang jelas. Kajian ini melibatkan empat objektif kajian iaitu menganalisis tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat sebelum rebakan bandar, mengenal pasti tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik gaya hidup masyarakat setempat masa kini, menentukan perbezaan psikografik gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru kesan daripada rebakan bandar, dan menentukan perbezaan psikografik gaya hidup pada masa kini berdasarkan latar belakang masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru. Kaji selidik dijalankan terhadap ketua isirumah di kalangan anak jati bandaraya ini yang berumur 45 tahun dan ke atas dengan jumlah keseluruhan responden seramai 500 orang. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif, Ujian t dan ANOVA sehalu. Dapatan kajian secara keseluruhannya menggambarkan bahawa gaya hidup responden pada masa kini adalah masih baik iaitu melibatkan konstruk nilai, minat, kehendak, kepercayaan, aktiviti dan keseluruhan psikografik gaya hidup. Namun begitu, konstruk gaya hidup yang sedikit merosot adalah sikap dan pandangan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru. Walau bagaimanapun, gaya hidup secara keseluruhan serta berdasarkan kepada setiap konstruk gaya hidup pada masa kini masih kekal pada tahap baik, tetapi ia berlaku sedikit penyusutan kepada tahap memuaskan melalui nilai min berbanding dengan sebelum rebakan bandar. Ini dibuktikan melalui analisis secara statistik inferensi iaitu Ujian t yang turut mendapati bahawa aspek gaya hidup secara keseluruhan bagi masyarakat di Bandaraya Johor Bahru menunjukkan berlaku perbezaan bandingan sebelum dengan pada masa kini iaitu kesan daripada rebakan bandar untuk kesemua konstruk gaya hidup dan keseluruhan aspek gaya hidup itu sendiri. Dalam konteks latar belakang responden itu sendiri pula, kajian mendapati secara umumnya faktor bangsa, pendapatan, pekerjaan, agama dan taraf pendidikan yang berbeza telah menyebabkan berlakunya perbezaan dalam gaya hidup dan tidak pula terhadap usia atau umur seseorang. Kajian ini mencadangkan agar masyarakat yang telah lama menetap di bandaraya ini perlu bersama meningkatkan nilai yang baik berkaitan gaya hidup iaitu melibatkan nilai diri, sikap diri, pandangan diri, minat diri, kehendak diri, kepercayaan diri, aktiviti diri atau rutin harian dan keseluruhan psikografik gaya hidup.

Katakunci: Bandaraya, Gaya Hidup, Johor Bahru, Psikografik, Rebakan Bandar

ABSTRACT

The impact of urban sprawl on the community in Johor Bahru City is still unclear. This study involves four objectives of study, namely to analyze the psychometric level of the local lifestyle before the urban sprawl, to identify the level of urban sprawl related to the psychometric scenario of the local lifestyle of the present day, to determine the psychometric differences in the lifestyle of the community in Johor Bahru City as a result of urban sprawl, and to determine the current lifestyle psychometric differences based on the background of the community of Johor Bahru City. A survey was conducted on the head of household amongst these original inhabitants aged 45 years and over with a total of 500 respondents. This study uses descriptive analysis, T test and one way ANOVA. The findings as a whole illustrate that respondents' lifestyles are still good today that involve the constructs of value, interests, desires, beliefs, activities and overall lifestyle psychographic. However, the slight deterioration of lifestyle is the self-attitude and self-view of the people in Johor Bahru City. However, lifestyle as a whole as well as based on every lifestyle construct nowadays remains at a good level, but it has slowed down to a satisfactory level by mean value compared to before the urban sprawl. This is evidenced by the inferential statistical analysis of T test also found that the overall lifestyle aspect of the community in Johor Bahru City shows a difference between the present and the before as a result of the urban sprawl for all lifestyle constructs and overall aspects of the lifestyle itself. In the context of the respondent's background, the study found that the different factors of race, income, occupation, religion and the level of education have led to a difference in lifestyle and not to someone's age. This study suggests that people who have lived long in the city need to jointly improve the value of lifestyle that involves self-value, self-attitudes, self-views, self-interest, self-determination, self-esteem, self-activities or daily routine and overall lifestyle psychographic.

Keywords: City, Johor Bahru, Lifestyle, Psychographic, Urban Sprawl

PENGHARGAAN

Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada penyelia saya iaitu Prof Madya Dr. Tuan Pah Rokiah Syed Hussain yang banyak memberikan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan tesis ini. Hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas jasa dan budi baik mereka atas apa yang dihulurkan kepada saya sepanjang sesi pembelajaran di Universiti Utara Malaysia. Tanpa penyeliaan yang mantap, tidak mungkin tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya bagi tujuan penganugerahan Doktor Falsafah (Development Management). Jutaan terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak pentadbiran Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Penolong Naib Canselor UUM COLGIS, Naib Canselor dan Universiti Utara Malaysia yang memberikan peluang untuk saya menyambung pengajian pada peringkat ini. Selain itu, tidak dilupakan juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Bandaraya Johor Baharu, Johor dan Jabatan Perangkaan Johor, Majlis Perbandaran Kluang, SMK Sultan Abdul Jalil, Kluang, dan lain-lain pihak yang tidak disebutkan nama mereka yang telah terlibat dalam pengumpulan data dan maklumat kajian. Ucapan terima kasih yang paling istimewa adalah ditujukan kepada isteri saya Vigneswari A/P Veloo dan anak-anak saya iaitu Vilosha Siva Kumar, Dehesh Varnnan Siva Kumar dan Krithaesh Varnnan Siva Kumar serta kedua-dua ibu bapa saya iaitu mendiang En. Renu A/L Thandarayan dan Pn. Pakian A/P Philip kerana mendorong saya membina masa depan, pendidikan dan penghidupan yang lebih baik dan cemerlang. Tidak lupa juga kepada pengetua SMK Sultan Abdul Jalil Kluang, Tn. Hj. Rozali Bin Hj. Jemali dan rakan guru En. Mogan A/L Periasamay yang banyak membantu dan memberikan semangat kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Akhir kata, saya berharap semoga hasil kajian ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada saya sendiri, masyarakat dan kerajaan khususnya.

KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB SATU PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang rebakan bandar dan gaya hidup masyarakat	2
1.3	Penyataan masalah	8
1.4	Persoalan kajian	13
1.5	Objektif kajian	13
1.6	Skop kajian	14
1.7	Kepentingan kajian	16
1.8	Organisasi penulisan tesis	18
1.9	Kesimpulan	20

BAB DUA ULASAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Definisi konsep	21
2.2.1	Konseptual dan operasional bagi rebakan bandar	21
2.2.2	Konsep dan pengukuran gaya hidup	22
2.3	Perspektif ujian psikografik	28
2.4	Asas teori bagi penilaian psikografik gaya hidup	32
2.5	Perspektif teori rebakan bandar	37
2.6	Senario rebakan bandar, faktor dan kesannya	46
2.7	Perbincangan mengenai Dasar Perbandaran dan Dasar Sosial Negara	54
2.7.1	Tumpuan Dasar Perbandaran Negara	54
2.7.2	Dasar Sosial Negara	61
2.8	Kajian lepas tentang rebakan bandar dan sumbangan keilmuan	67

2.9	Kerangka konseptual kajian	76
2.10	Kesimpulan	80
BAB TIGA KAEDAH KAJIAN		
3.1	Pengenalan	81
3.2	Latar belakang kawasan	81
3.3	Pembentukan instrumen kajian	84
3.4	Proses persampelan	86
3.5	Analisis kajian	100
3.5.1	Kajian rintis	100
3.5.2	Analisis deskriptif	101
3.5.3	Ujian t	104
3.5.4	ANOVA sehala	105
3.6	Kesimpulan	107
BAB EMPAT ANALISIS KAJIAN		
4.1	Pengenalan	108
4.2	Latar belakang responden	108
4.3	Tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat	112
4.3.1	Tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat sebelum rebakan bandar	113
4.3.2	Tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik gaya hidup masyarakat setempat masa kini	125
4.4	Perbezaan psikografik gaya hidup masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru kesan rebakan bandar	139
4.4.1	Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar berdasarkan konstruk ukuran gaya hidup	140
4.4.2	Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut blok perancangan bandar	142
4.4.3	Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut zon rebakan bandar	143
4.5	Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar berdasarkan latar belakang responden	144

4.5.1	Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori bangsa	144
4.5.2	Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori umur	148
4.5.3	Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori pendapatan	149
4.5.4	Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori pekerjaan	154
4.5.5	Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori agama	161
4.5.6	Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori taraf pendidikan	166
4.6	Kesimpulan	173

BAB LIMA RUMUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	174
5.2	Rumusan keseluruhan tentang rebakan bandar dan pencapaian objektif serta pernyataan masalah kajian	174
5.3	Implikasi kajian	186
5.3.1	Implikasi kepada perspektif ilmu dan psikografik gaya hidup	186
5.3.2	Implikasi kepada Dasar Perbandaran Negara	187
5.3.3	Implikasi kepada masyarakat di Bandaraya Johor Bahru	188
5.4	Cadangan kajian akan datang	189
5.5	Penutup	190

RUJUKAN 191

LAMPIRAN

1	Borang kaji selidik	206
---	---------------------	-----

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Perbezaan antara kawasan bandar dan desa secara tradisi yang diguna pakai meluas di dunia	3
Jadual 2.1	Item ukuran dan konstruk pembinaan konsep gaya hidup berdasarkan kajian lepas	27
Jadual 2.2	Definisi operasional bagi konstruk psikografik gaya hidup	30
Jadual 3.1	Zon rebakan, status bandar dan BP bagi MBBB	87
Jadual 3.2	Proses agihan sampel	88
Jadual 4.1	Kategori bangsa responden	109
Jadual 4.2	Kategori agama responden	109
Jadual 4.3	Kategori umur responden	110
Jadual 4.4	Kategori jantina responden	110
Jadual 4.5	Tahap pendidikan tertinggi responden	111
Jadual 4.6	Pekerjaan utama responden	111
Jadual 4.7	Pendapatan isirumah sebulan	112
Jadual 4.8	Nilai diri sebelum rebakan bandar	114
Jadual 4.9	Sikap diri sebelum rebakan bandar	115
Jadual 4.10	Pandangan diri sebelum rebakan bandar	117
Jadual 4.11	Minat diri sebelum rebakan bandar	119
Jadual 4.12	Kehendak diri sebelum rebakan bandar	120
Jadual 4.13	Kepercayaan diri sebelum rebakan bandar	122
Jadual 4.14	Aktiviti diri sebelum rebakan bandar	124
Jadual 4.15	Nilai diri masa kini kesan rebakan bandar	126
Jadual 4.16	Sikap diri masa kini kesan rebakan bandar	129
Jadual 4.17	Pandangan diri masa kini kesan rebakan bandar	131
Jadual 4.18	Minat diri masa kini kesan rebakan bandar	133
Jadual 4.19	Kehendak diri masa kini kesan rebakan bandar	135
Jadual 4.20	Kepercayaan diri masa kini kesan rebakan bandar	136
Jadual 4.21	Aktiviti diri masa kini kesan rebakan bandar	138
Jadual 4.22	Perbezaan min kesan rebakan bandar berdasarkan konstruk ukuran gaya hidup	141


Jadual 4.23	nilai taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan blok perancangan	142
Jadual 4.24	Perbezaan min gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut zon rebakan bandar	143
Jadual 4.25	Nilai taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan kategori bangsa	145
Jadual 4.26	Matriks LSD bagi ujian perbezaan sikap diri berdasarkan kategori bangsa	145
Jadual 4.27	Matriks LSD bagi ujian perbezaan pandangan diri berdasarkan kategori bangsa	146
Jadual 4.28	Matriks LSD bagi ujian perbezaan minat diri berdasarkan kategori bangsa	146
Jadual 4.29	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kehendak diri berdasarkan kategori bangsa	147
Jadual 4.30	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kepercayaan diri berdasarkan kategori bangsa	147
Jadual 4.31	Matriks LSD bagi ujian perbezaan aktiviti diri berdasarkan kategori bangsa	148
Jadual 4.32	Matriks LSD bagi ujian perbezaan gaya hidup keseluruhan berdasarkan kategori bangsa	148
Jadual 4.33	Nilai taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan kategori umur	149
Jadual 4.34	Nilai Taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan kategori pendapatan	150
Jadual 4.35	Matriks LSD bagi ujian perbezaan sikap diri berdasarkan kategori pendapatan	151
Jadual 4.36	Matriks LSD bagi ujian perbezaan pandangan diri berdasarkan kategori pendapatan	151
Jadual 4.37	Matriks LSD bagi ujian perbezaan minat diri berdasarkan kategori pendapatan	152
Jadual 4.38	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kepercayaan diri berdasarkan kategori pendapatan	153

Jadual 4.39	Matriks LSD bagi ujian perbezaan aktiviti diri berdasarkan kategori pendapatan	153
Jadual 4.40	Matriks LSD bagi ujian perbezaan gaya hidup keseluruhan berdasarkan kategori pendapatan	154
Jadual 4.41	Nilai Taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan kategori pekerjaan	155
Jadual 4.42	Matriks LSD bagi ujian perbezaan nilai diri berdasarkan kategori pekerjaan	156
Jadual 4.43	Matriks LSD bagi ujian perbezaan sikap diri berdasarkan kategori pekerjaan	156
Jadual 4.44	Matriks LSD bagi ujian perbezaan pandangan diri berdasarkan kategori pekerjaan	157
Jadual 4.45	Matriks LSD bagi ujian perbezaan minat diri berdasarkan kategori pekerjaan	158
Jadual 4.46	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kehendak diri berdasarkan kategori pekerjaan	158
Jadual 4.47	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kepercayaan diri berdasarkan kategori pekerjaan	159
Jadual 4.49	Matriks LSD bagi ujian perbezaan aktiviti diri berdasarkan kategori pekerjaan	160
Jadual 4.50	Matriks LSD bagi ujian perbezaan gaya hidup keseluruhan berdasarkan kategori pekerjaan	160
Jadual 4.51	Nilai taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan kategori agama	161
Jadual 4.52	Matriks LSD bagi ujian perbezaan nilai diri berdasarkan kategori agama	162
Jadual 4.53	Matriks LSD bagi ujian perbezaan sikap diri berdasarkan kategori agama	162
Jadual 4.54	Matriks LSD bagi ujian perbezaan pandangan diri berdasarkan kategori agama	163
Jadual 4.55	Matriks LSD bagi ujian perbezaan minat diri berdasarkan kategori agama	163

Jadual 4.56	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kehendak diri berdasarkan kategori agama	164
Jadual 4.57	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kepercayaan diri berdasarkan kategori agama	164
Jadual 4.58	Matriks LSD bagi ujian perbezaan aktiviti diri berdasarkan kategori agama	165
Jadual 4.59	Matriks LSD bagi ujian perbezaan gaya hidup keseluruhan berdasarkan kategori agama	165
Jadual 4.60	Nilai taburan F dan signifikan mengikut konstruk gaya hidup berdasarkan taraf pendidikan	166
Jadual 4.61	Matriks LSD bagi ujian perbezaan nilai diri berdasarkan taraf pendidikan	167
Jadual 4.62	Matriks LSD bagi ujian perbezaan sikap diri berdasarkan taraf pendidikan	168
Jadual 4.63	Matriks LSD bagi ujian perbezaan pandangan diri berdasarkan taraf pendidikan	168
Jadual 4.64	Matriks LSD bagi ujian perbezaan minat diri berdasarkan taraf pendidikan	169
Jadual 4.65	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kehendak diri berdasarkan taraf pendidikan	170
Jadual 4.66	Matriks LSD bagi ujian perbezaan kepercayaan diri berdasarkan taraf pendidikan	171
Jadual 4.67	Matriks LSD bagi ujian perbezaan aktiviti diri berdasarkan taraf pendidikan	171
Jadual 4.68	Matriks LSD bagi ujian perbezaan gaya hidup keseluruhan berdasarkan taraf pendidikan	172
Jadual 5.1	Rumusan min gaya hidup sebelum rebakan bandar	175
Jadual 5.2	Rumusan min gaya hidup masa kini kesan rebakan bandar	176
Jadual 5.3	Rumusan bandingan keseluruhan min gaya hidup sebelum dan pada masa kini kesan rebakan Bandar di Bandaraya Johor Bahru	177

SENARAI RAJAH

<i>Rajah 1.1</i>	Organisasi penulisan tesis	19
<i>Rajah 2.1</i>	Konstruk pengukur psikografik gaya hidup	29
<i>Rajah 2.2</i>	Pemetaan hierarki keperluan oleh Maslow	34
<i>Rajah 2.3</i>	Rebakan berdensiti rendah	38
<i>Rajah 2.4</i>	Rebakan berbentuk <i>leapfrog</i>	38
<i>Rajah 2.5</i>	Rebakan berbentuk riben	39
<i>Rajah 2.6</i>	Teori konsentrasi bandar oleh Burgess 1925	41
<i>Rajah 2.7</i>	Teori sektoral bandar oleh Hoyt 1939	42
<i>Rajah 2.8</i>	Teori pusat berganda oleh Harris dan Ullman 1945	43
<i>Rajah 2.9</i>	Teori guna tanah hibrid oleh Moses dan Isard 1955	44
<i>Rajah 2.10</i>	Kerangka konseptual kajian	77
<i>Rajah 3.1</i>	Perkembangan kawasan MBBJ sehingga tahun 2000 dan masa kini	82
<i>Rajah 3.2</i>	Kawasan Bandaraya Johor Bahru di bawah pentadbiran pihak berkuasa MBBJ pada masa kini	83



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BP	Blok Perancangan
CBD	<i>Central Business District</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Df	<i>differential</i>
DPN	Dasar Perbandaran Negara
DV	<i>Dependent Variable</i>
G1M	Gagasan 1Malaysia
IV	<i>Independent Variable</i>
K-S	Kolmogorov-Smirnov
LSD	<i>Least Significant Difference</i>
MAMPU	<i>The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit</i>
MBBJ	Majlis Bandaraya Johor Bahru
MPFN	Majlis Perancang Fizikal Negara
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
RFN	Rancangan Fizikal Negara
RMK	Rancangan Malaysia Ke-
SD	<i>Standard Deviation</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
S-W	Shapiro-Wilks
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Rebakan bandar (*urban sprawl*) merupakan suatu proses iaitu sesebuah bandar semakin meluas kawasannya dan berdensiti rendah ke arah kawasan pinggir. Situasi ini menjadi dilema kepada sebahagian besar bandar di dunia kerana wujudnya peningkatan jumlah penduduk ke kawasan pinggir (Blazek et al., 2008; EEA, 2006), sekaligus mampu memberikan kesan kepada gaya hidup (*lifestyle*) masyarakat (Gilli, 2009; Koven, 2006). Kesan rebakan bandar kepada persekitaran boleh berlaku pada tahap perkembangan sesebuah bandar ke arah kawasan pinggir (*urban outskirts* atau *urban fringe*). Walau bagaimanapun, Nechyba dan Walsh (2004) serta Okulicz-Kozaryan (2014) berpendapat pertumbuhan atau perkembangan sesebuah bandar menjadi suatu yang lumrah disebabkan oleh keperluan terhadap keceriaan, kesihatan dan keselesaan yang lebih baik berbanding dengan persekitaran pinggir bandar sebelumnya.

Samruhaizad Samian @ Samion et al. (2014) berpendapat tumpuan penduduk lebih cenderung kepada kawasan bandar bagi mendapatkan kehidupan yang lebih baik tanpa memikirkan kesan sebenar sekiranya mereka memilih bandar sebagai tempat tinggal. Ini suatu perkara yang biasa berlaku dalam mana-mana negara kerana bandar dianggap sebagai tempat tinggal yang boleh menjanjikan kehidupan sebenar kepada masyarakat. Hal ini jelas sebagaimana pendapat Su dan DeSalvo (2008) serta Sultana

dan Weber (2014) serta dan Eid et al. (2006) bahawa bandar menjanjikan peluang ekonomi, sosial dan kemudahan asas yang baik kepada masyarakat tanpa mengira status sosial, pendidikan, politik mahupun keturunan (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018).

Justeru, bagi merungkai kajian berkaitan dengan kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat, maka bab ini bertujuan untuk membincangkannya secara menyeluruh sebagai pendahuluan dalam beberapa topik. Topik-topik penting adalah latar belakang rebakan bandar dan gaya hidup masyarakat, pernyataan masalah, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian serta organisasi penulisan tesis bagi kajian ini.

1.2 Latar Belakang Rebakan Bandar dan Gaya Hidup Masyarakat

Sebelum membincangkan soal kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat di kawasan pinggir bandar, elok diketengahkan tentang dikotomi kawasan luar bandar atau Anuar Amir (1990) menyatakannya sebagai desa. Beliau menyatakan bahawa dikotomi kawasan bandar dan luar bandar boleh dilihat secara mudah dan ia agak sekata bagi mana-mana negara dalam dunia, sama ada negara maju atau sedang membangun. Pada asasnya, semua negara melibatkan soal pentadbiran pembangunan yang berasaskan kepada kriteria saiz penduduk, kepadatan penduduk, kawasan tepu bina, status pentadbiran, ratio penduduk dengan pertanian serta kemudahan tertentu. Kriteria-kriteria tersebut menjadi asas kepada pemisahan antara kawasan desa dengan bandar. Walau bagaimanapun, beliau mengetengahkan satu perbandingan dikotomi secara terperinci yang menunjukkan perbezaan ketara (Jadual 1.1). Perbezaan yang

berlaku adalah kepada semua penunjuk dikotomi dari ekonomi sehingga aspek migrasi.

Jadual 1.1.

Perbezaan Antara Kawasan Bandar dan Desa Secara Tradisi yang Diguna pakai Meluas di Dunia

Bil.	Dikotomi	Bandar	Desa
1.	Ekonomi	Didominasi oleh sektor industri	Lebih banyak aktiviti primari, sekunder, tertiar dan aktiviti yang menyokongnya
2.	Sektor pekerjaan	Pembuatan, pembinaan dan pentadbiran	Pertanian dan lain-lain aktiviti perkhidmatan serta sektor primari
3.	Pelajaran	Lebih tinggi daripada purata nasional	Lebih rendah daripada purata nasional
4.	Aksesibiliti kemudahan	Tinggi	Rendah
5.	Aksesibiliti maklumat	Tinggi	Rendah
6.	Demografi	Fertiliti dan mortaliti rendah	Fertiliti dan mortaliti tinggi
7.	Politik	Liberal dan radikal	Konservatif kepada perubahan
8.	Etnik	Pelbagai kaum dan status	Homogenus
9.	Migrasi keluar	Rendah	Tinggi

Sumber: diolah daripada Anuar Amir (1990)

Beliau juga mendapati bahawa bandar-bandar di Malaysia bermula dari tahun 1980-an begitu cepat berkembang dengan penumpuan pembangunan terarah di bandar-bandar tertentu, khususnya Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Georgetown. Ekoran daripada itu, maka jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar (*urban outskirts*) semakin rendah atau berkurangan. Hal sedemikian merupakan kesan daripada proses rebakan bandar yang semakin berlaku dari pusat ke pinggiran. Beliau berpendapat, kesan rebakan ini menyebabkan wujudnya isu berkaitan jumlah penduduk, ekonomi, pekerjaan, gaya hidup, aksesibiliti dan migrasi penduduk dan perkara tersebut juga disokong oleh Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun (2018).

Bagi Anuar Amir (1990) juga rebakan bandar berlaku disebabkan oleh pembangunan yang pesat dari kawasan pusat bandar dan memberikan kesan kepada kawasan sekitarnya. Hal ini menyebabkan sebahagian besar daripada kawasan petempatan luar bandar yang dianggap sebagai zon peralihan bertukar kepada ciri-ciri bandar dan mempunyai dikotomi kawasan bandar, sama ada secara fizikal mahupun diri manusia (dalam hal ini seperti gaya hidup dan ekonomi). Banyak desa yang berada di kawasan sempadan bandar bertukar atau tenggelam dalam arus pembangunan seperti hilang identiti sebenar kawasan, lenyap karektor diri anggota masyarakat serta semakin hilang identiti kebudayaan setempat. Beliau berpendapat bahawa pembangunan bandar di Malaysia sengaja dirancang untuk meluaskan kawasan pentadbiran sesebuah bandar. Perkembangan ini dianggap sebagai penerokaan aktiviti bandar ke kawasan luar bandar. Ini juga menunjukkan berlakunya fenomena limpahan pembandaran ke kawasan perkampungan dan pendapat tersebut juga disokong oleh Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil (2017).

Berikut adalah beberapa isu yang melingkari fenomena rebakan bandar sebagaimana kajian oleh pengkaji luar negara dari tahun 1990-an hingga kini. Pada tahun 1992, Bryant dan Johnson (1992) berpendapat rebakan bandar mewujudkan isu ancaman kepada aktiviti pertanian dan sosioekonomi masyarakat setempat yang berada dalam kawasan luar bandar kerana menyebabkan penguncupan keluasan kawasan pertanian, sekaligus mengecilkan skala pengeluaran hasil tanaman. Squires (1997) pula mengemukakan isu tentang ketidaktentuan dan luar jangkaan corak petempatan luar bandar yang akhirnya mewujudkan perbezaan kelas kediaman, permintaan untuk kawasan petempatan dan perbezaan ketara jenis kediaman di pinggir bandar. Sementara itu, kajian Burgess (1998) pula berkaitan wujudnya isu pembangunan

koridor berbentuk ribon yang mengasingkan petempatan luar bandar dari jenis gunatanah. Kajian dijalankan oleh Daniel (1998) pula mendapati rebakan bandar menimbulkan isu hilangnya perasaan memiliki terhadap kawasan bersifat peribadi, melonggarkan perasaan kejiiran dan pengasingan sosial untuk masyarakat (Kropf & Malfroy 2017).

Malah, kajian oleh Calthorpe (2000) pula menimbulkan isu peningkatan kawasan setingan bandar dan luar bandar kesan daripada rebakan bandar kerana masyarakat setempat gagal mendapatkan sumber pendapatan mencukupi ekoran peningkatan kos sara hidup. Kajian seterusnya adalah oleh Burchell (2005) mendapati wujudnya isu peningkatan kos pengangkutan disebabkan oleh peningkatan jarak perjalanan dalam urusan harian semakin kompleks. Bahkan, kajian oleh Bullard (2008) dan Power (2001) pula mendapati isu berkaitan gejala sosial kesan daripada peningkatan kebebasan diri hidup dalam sesebuah bandar serta keterbukaan kepada pergaulan lebih meluas oleh anggota masyarakat. Ini juga mempunyai kaitan dengan fungsi kekeluargaan yang semakin mencabar oleh kerana ibu bapa yang lebih komited dengan tugas bagi menyara keluarga (Oliveria, Monteiro & Pertanen 2015).

Selain itu, kajian oleh Davis et al. (2010) pula berkaitan isu peningkatan kos bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyelenggara prasarana bandar dan luar bandar. Kajian oleh Schneider dan Woodcock (2010) adalah berkenaan dengan wujudnya isu penghijrahan masyarakat secara kritikal dari kawasan luar bandar ke bandar bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Ini berlaku kerana kehidupan di kawasan pinggir bandar mempunyai kos hidup tinggi tetapi sumber pekerjaan tidaklah mampu menampung kos sara hidup dan sumber pekerjaan juga

tidaklah begitu banyak. Kajian oleh Frumkim et al. (2014) pula mendapati wujudnya isu tentang obesiti disebabkan oleh gaya hidup sudut pemakanan yang tidak menentu. Ia juga berkaitan dengan kesibukan berkerja menyebabkan masyarakat mengabaikan corak pemakanan sihat. Kajian oleh Duany et al. (2016) pula mendapati terdapatnya isu tentang risiko diri daripada keterdedahan kepada persekitaran bandar seperti kemalangan jalanraya, jenayah dan ancaman persekitaran semulajadi.

Kesan rebakan bandar juga berlaku dalam konteks hilangnya perasaan kekitaan terhadap tempat kelahiran atau sesebuah tempat yang mempunyai nilai sentimental diri. Kajian oleh Rosniza Aznie Che Rose et al. (2002) di Johor Bahru mendapati apabila sesebuah bandar merebak ke luar kawasan ke arah pinggir dan terlibat dengan tempat yang memiliki nilai diri tertentu, maka ia mendatangkan gangguan emosi kepada seseorang. Kajian oleh Rosniza Aznie Che Rose et al. (2002) mendapati masyarakat juga akan menjadi individualistik disebabkan oleh masing-masing akan menjaga kebajikan diri sendiri lebih daripada kepentingan orang ramai serta kesibukan harian sehingga menghilangkan perasaan kepedulian kepada masyarakat. Selain itu, mereka juga hilang semangat gotong-royong disebabkan perkaitannya dengan sikap individualistik. Mereka lebih mementingkan kerja berbanding dengan urusan kemasyarakatan dan pastinya semangat gotong-royong tidaklah menjadi asas pembinaan kehidupan diri, tidak sebagaimana masyarakat terdahulu atau dikotomi kehidupan desa (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018).

Dengan kata lain kajian kesan rebakan bandar ke atas gaya hidup masyarakat setempat perlu diteliti agar masyarakat pada masa kini mampu meneliti perbezaan yang berlaku akibat kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup mereka. Hal ini mungkin boleh

diteliti daripada segi nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti harian mereka. Kemua item penilaian tersebut dikenali sebagai psikografik gaya hidup masyarakat. Sekiranya perbezaan yang berlaku sebelum dan selepas rebakan bandar menjelaskan sesuatu nilai yang baik dan positif maka perkara tersebut mestilah diteruskan atau dikekalkan dalam masyarakat. Contohnya, sikap hormat menghormati orang tua, jiran tetangga, pemimpin dan sebagainya. Tetapi sebaliknya jika wujud nilai-nilai yang kurang baik misalnya, sifat individualistik di mana masyarakat sebelum rebakan bandar bersikap perihatin sesama mereka manakala masyarakat selepas rebakan bandar lebih bersifat individualistik. Maka hal ini perlu ditangani dan dibincang dengan sebaik mungkin supaya sikap atau nilai yang tidak baik dapat ditolak dalam masyarakat di Bandaraya Johor Bahru khususnya dan Malaysia amnya (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017).

Justeru, memandangkan rebakan bandar mempunyai pelbagai isu atau kesan kepada manusia, maka ia penting untuk diteliti secara ilmiah. Rujukan kepada beberapa isu yang timbul daripada perbincangan di atas menunjukkan bahawa rebakan bandar dalam konteks kesan gaya hidup kelihatan memerlukan kajian secara emperikal. Kelihatan perbincangan juga mengarah kepada luar negara, sedikit sahaja dalam negara sebagaimana dibincangkan dalam bahagian kajian lepas menerusi Bab Dua. Hal ini disebabkan oleh kerana kajian dalam negara berkaitan kesan rebakan bandar tidaklah begitu mendapat perhatian oleh pengkaji tempatan.

1.3 Penyataan Masalah

Proses atau kejadian rebakan bandar di Malaysia bukan suatu perkara baharu kerana ia berlaku kepada semua bandar di Malaysia khususnya dan bandar-bandar lain di luar negara amnya. Perbincangan soal kesan rebakan bandar dari pelbagai perspektif sosial banyak diperkatakan menerusi latar belakang rebakan bandar sebelumnya. Perspektif yang terkesan dalam pemikiran pengkaji adalah soal sosial berbanding kesan dalam sistem pemerintahan kerajaan dan alam sekitar (Kropf 2018; 2019). Dengan kata lain, rebakan bandar di sesebuah kawasan banyak meninggalkan kesan kepada psikografik masyarakat yang mendiami bandar tersebut. Ini termasuklah perkara berkaitan dengan nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti harian mereka. Contohnya, kajian dari perspektif sosial amat terkesan dan penting kerana pada pandangan Bonaiuto et al. (1999) ia melibatkan kelangsungan hidup manusia dan jati diri atau legasi budaya masyarakat. Kesan rebakan bandar terhadap aspek sosial menerusi gaya hidup masyarakat tempatan Bandaraya Johor Bahru berdasarkan kepada kajian lepas yang dibincangkan masih menunjukkan memerlukan kajian secara ilmiah.

Contohnya, secara lazimnya, rebakan bandar yang berlaku pastinya memberikan kesan kepada yang signifikan kepada aspek ekonomi dan sosial sama ada secara negatif mahupun positif. Contohnya, adalah menjadi satu masalah besar untuk mengatasi masalah sosial sebegini kerana ianya melibatkan orang perseorangan norma, nilai budaya dan juga agama dalam masyarakat yang giat mengejar kemajuan, banyak perkara dibelakangkan. Nilai dan perkara yang tidak boleh dinilai dengan wang ringgit dianggap “leceh” dan tidak penting. Apa yang perlu dan mustahak adalah nilai kebendaan. Kemungkinan nilai dan budaya serta ciri-ciri ketimuran akan

mudah hanyut mengikut arus perkembangan dunia yang pesat membangun (Azizi Yahaya et al., 2018; Azizi Yahaya & Jamaludin Ramli 2009).

Dalam menghadapi perkembangan masa transisi, remaja sentiasa menghadapi masalah penyesuaian. Penyesuaian ini sering kali menyebabkan remaja melakukan tindakan anti sosial yang seterusnya menyebabkan masalah kenakalan remaja seperti melepak. “Polis menahan 128 remaja di Johor Bahru” (Harian Metro; 16 Julai 2018). Semua isu di atas adalah berkaitan masalah lepak dan menjadi perbualan hangat dalam kalangan individu dan masyarakat. Fenomena ini masih tidak berubah di kebanyakan tempat seperti pusat membeli belah atau menghabiskan masa dengan kegiatan yang tidak berfaedah. Pada masa kini masalah sosial dipandang serius kerana takut merosakkan nilai serta keperibadian remaja, di mana remaja menjadi aset penting kerana remaja adalah pemangkin kepimpinan negara di masa akan datang (Azizi Yahaya et al., 2018; Azizi Yahaya & Jamaludin Ramli 2009).

Tingkah laku remaja yang suka menghabiskan masa lapang di tempat awam seperti kompleks membeli belah, perhentian pengangkutan awam dan tempat tumpuan orang ramai dikenali sebagai aktiviti lepak. Masalah ini telah menjadi satu budaya kepada golongan remaja khususnya. Budaya ini semakin memperlihatkan remaja masa kini yang tidak menyedari yang mereka adalah pewaris masa hadapan bagi menjayakan wawasan negara. Hal ini selaras dengan kajian ini mengenai kesan rebakan bandar dalam aspek psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Baharu.

Selain itu, kesan rebakan bandar di Bandaraya Johor Baharu juga menyebabkan kewujudan masalah setinggan yang serius iaitu berada di tangga kedua di Malaysia di mana seramai 13, 411 keluarga masih mendiami setinggan, Namun kewujudan setinggan sebenarnya mengundang kepada masalah-masalah yang lain antaranya wabak penyakit, pencemaran sisa pepejal dan peningkatan gejala sosial. Masalah sosial yang ketara adalah mencuri, pecah rumah, penagihan dadah dan sebagainya. Selain itu, krisis sosial juga berlaku akibat anak-anak yang membesar dalam persekitaran yang tidak baik dan sekaligus mereka terpengaruh dengan budaya sekeliling yang tidak sihat. Oleh itu, pembangunan dan proses urbanisasi memberikan kesan yang negatif kepada persekitarannya termasuklah Bandaraya Johor Baharu (Asiahh Ismail 2016).

Impak rebakan bandar terhadap manusia (satu daripadanya adalah ke atas gaya hidup iaitu isu ke-xi, tetapi tiada analisis terperinci disebabkan ia adalah sebuah dapatan kajian secara rumusan) pernah dibincangkan oleh Anuar Amir (1990) dalam tesis Doktor Falsafahnya yang menyatakan terdapat sejumlah kira-kira 18 isu penting. Ini menunjukkan bahawa kesan rebakan bandar bukan suatu isu remeh yang perlu diabaikan dalam kajian akademik, mahupun perancangan sesebuah bandar dalam Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan atau lain-lain dokumen perancangan bandar. Isu-isu yang dimaksudkan oleh beliau adalah:

- i. kesesakan kawasan kediaman,
- ii. kesesakan lalulintas,
- iii. *commuting trips* meningkat,
- iv. pencemaran alam sekitar,
- v. aktiviti berkaitan pertanian dan pendapatannya menurun,

- vi. *stress of amenities*,
- vii. *unskilled jobs* meningkat,
- viii. ancaman kepada kesihatan penduduk,
- ix. percanggahan aktiviti guna tanah,
- x. industri bercampur kediaman,
- xi. masalah gaya hidup yang tidak selaras dengan amalan setempat,
- xii. kenaikan nilai tanah,
- xiii. pengasingan diri dalam masyarakat,
- xiv. *culture resistance*,
- xv. ancaman kepada kelangsungan ekonomi tempatan,
- xvi. hubungan kekeluargaan atau *kinship* menjadi longgar,
- xvii. peningkatan jenayah sosial seperti kecurian, dadah, dan konflik antara kaum.

Namun bagi kajian seumpamanya yang pernah dijalankan (berkaitan dengan psikografik) adalah daripada aspek kejiranan, di mana kajian dilakukan oleh Cinyabuguma dan McConnell (2013) mendapati isu kejiranan telah merosot dalam kalangan penduduk akibat rebakan bandar yang berlaku. Hali ini perlu diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan supaya masalah kehidupan di bandar tidak berlaku secara berterusan. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Wiewel dan Schaffer (2001) dan Heim (2001) mendapati rebakan bandar juga memberikan kesan kepada kualiti alam sekitar, kualiti hidup dan persaingan ekonomi serta masalah mengekalkan kesamarataan dalam masyarakat (Kropf 2017).

Selain itu, Rosniza Aznie Che Rose et.al (2002) mengkaji kesan rebakan Bandaraya Johor Bahru terhadap hierarki konflik gaya hidup yang dialami penduduk. Hasil kajian

mendapati konflik ruang berada di tahap tertinggi dan aspek keselamatan juga mencatatkan kerisauan penduduk di tahap serius. Selain itu, Er Ah Choy et al. (2002; 2016) juga meneliti kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup di Bandaraya Johor Bahru secara umum tanpa memperincikan konstruk gaya hidup yang diukur. Hasil kajian mendapati gaya hidup cenderung ke arah yang lebih negatif berbanding positif.

Walaupun bagaimanapun, kajian tersebut tidak pula memperincikan konstruk ukuran secara jelas bagi menentukan gaya hidup kerana berasaskan konsep gaya hidup secara menyeluruh sahaja (ia adalah satu daripada kelemahan kajian ini sebagaimana dijelaskan dalam perbincangan kajian lepas dalam bab seterusnya). Sehingga pada masa kini, masih terlalu terhad kajian secara empirikal dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam soal kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup penduduk dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru sebagaimana dinyatakan dalam kajian lepas sebelumnya.

Justeru, berdasarkan kekurangan sumber rujukan atau hasil kajian terdahulu sehingga pada masa kajian ini dilakukan tentang kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) masyarakat di Bandaraya Johor Bahru khususnya dan bandar-bandar lain di luar negara amnya, juga menguatkan motivasi pengkaji untuk meneruskan kajian, sekaligus menguatkan rasional keperluan kajian ini dijalankan. Oleh kerana itu, pernyataan masalah atau isu kajian adalah tentang kurang jelasnya soal kesan rebakan bandar terhadap psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi merungkai isu kurang jelasnya soal kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru, maka empat persoalan penting dilontarkan iaitu:

- i. apakah tahap psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat setempat sebelum rebakan bandar berlaku?
- ii. adakah terdapat kesan rebakan bandar berkaitan tahap psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat setempat masa kini?
- iii. sejauhmanakah wujud perbezaan psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru kesan daripada rebakan bandar?
- iv. sejauhmanakah wujud perbezaan psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup pada masa kini berdasarkan latar belakang masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru?

1.5 Objektif Kajian

Bagi menjawab empat persoalan di atas, maka pengkaji merangka tiga objektif kajian.

Berikut adalah objektif-objektif kajian yang digariskan iaitu:

- i. menganalisis tahap psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat setempat sebelum rebakan bandar.

- ii. mengenal pasti tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat setempat masa kini.
- iii. menentukan perbezaan psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru kesan daripada rebakan bandar.
- iv. menentukan perbezaan psikografik (nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan dan aktiviti/rutin harian) gaya hidup pada masa kini berdasarkan latar belakang masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan adalah berdasarkan kepada skop kesan rebakan bandar khusus dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berdasarkan kepada dua kawasan iaitu Zon 1 (kawasan gabungan Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran dan Majlis Perbandaran), sementara Zon 2 adalah kawasan Majlis Bandaraya (setiap zon dijelaskan secara terperinci dalam Bab Tiga). Kajian bagi kedua-dua zon tersebut melibatkan dua situasi iaitu sebelum dan semasa atau pada masa kini. Antara rasional pemilihan Bandaraya Johor Bahru berbanding dengan lain-lain bandaraya adalah ia merupakan bandar terawal membangun, maju dan pesat berkembang bagi kawasan selatan Semenanjung Malaysia, malah bersempadan dengan negara Singapura serta menjadi pintu masuk utama dari arah selatan (perbincangan lengkap adalah dalam Bab Tiga iaitu bahagian rasional pemilihan kawasan kajian).

Kajian kesan rebakan bandar ini melibatkan perspektif psikografi gaya hidup masyarakat setempat yang pernah mengalami kesannya dari sejak awal penubuhan

bandar sehingga membentuk bandaraya. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terfokus kepada kumpulan umur tertentu yang dikira berdasarkan pengalaman menghadapi rebakan bandar. Pengiraan bagi kumpulan umur terfokus ini adalah: tahun semasa (masa kini iaitu 2017) ditolak dengan tahun penubuhan Lembaga Bandaran pada tahun 1933 menghasilkan umur minimum responden adalah kira-kira 84 tahun; mengambil kira tahun penubuhan Majlis Bandaran pada tahun 1956 akan menghasilkan minimum umur responden kira-kira 61 tahun; dan mengambil kira tahun penubuhan Majlis Perbandaran Johor Bahru pada tahun 1977 akan menghasilkan minimum umur responden kira-kira 40 tahun (tetapi umur responden perlu ditambah lima tahun kebelakang dan menjadikan usia atau pengalaman hidup selama 45 tahun supaya selaras dengan data statistik penduduk negara dan memudahkan pengkaji mengambil jumlah penduduk mengikut laporan banci iaitu bermula kategori umur 45 tahun).

Oleh itu, minimum umur responden bagi kajian ini adalah 45 tahun (pengalaman dari penubuhan Majlis Perbandaran hingga Bandaraya Johor Bahru) hingga minimum 84 tahun (pengalaman bermula dari Lembaga Bandaran hingga Bandaraya Johor Bahru). Akhirnya, hanya seramai 1,226,294 orang yang mendiami kawasan bandaraya ini sehingga laporan banci 2010 (yang mempunyai umur minimum 45 hingga 84 tahun dan ke atas) dijadikan sampel kajian. Malah, fokus kajian ini hanya melibatkan tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India kerana kumpulan warganegara ini yang mendominasi taburan penduduk bandar di Malaysia.

Sebagaimana dibincangkan sebelumnya, konstruk bagi penilaian gaya hidup adalah berdasarkan kaedah psikografi gaya hidup yang melibatkan tujuh perkara iaitu nilai,

sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan serta aktiviti atau rutin harian hidup. Oleh itu, mekanisma penilaian adalah berdasarkan disiplin psikologi sosial dengan menggunakan teori kajian psikologi sosial berkaitan.

1.7 Kepentingan Kajian

Perkembangan sesebuah bandar menyaksikan berlakunya perubahan kepada taraf bandar dan mampu mencapai status perbandaran, akhirnya berupaya menjadi sebuah bandaraya. Johor Bahru tidak ketinggalan dalam arus perubahan ini yang mana ia bermula dari sebuah bandar kecil sebagai pusat pentadbiran kerajaan atau negeri sehingga mencapai status Majlis Perbandaran dan seterusnya diangkat sebagai antara bandaraya penting di Malaysia selain daripada Kuala Lumpur, Ipoh, Georgetown, Kuching dan lain-lain. Perubahan dalam konteks rebakan bandar adalah jelas berlaku kepada bandaraya tertentu seperti Kuala Lumpur dan Johor Bahru seperti yang ditulis oleh Abdul Samad Hadi (2010) melalui tiga fasa. Namun demikian, perkembangan bandar secara drastik mula kelihatan sejak tahun 1970an dengan pengenalan DEB sehingga pada masa kini. Perkembangan dalam sektor perbandaran seperti pentadbiran, perniagaan dan perkhidmatan akhirnya mewujudkan persoalan penting tentang isu gaya hidup masyarakat setempat yang terkena tempias pembangunan dari pusat bandar membawa kepada kawasan pinggiran.

Kepentingan dari sudut keilmuan adalah dalam konteks lompang keilmuan kajian terdahulu (*research gap*) pengkaji mendapati masih memerlukan kajian dalam konteks kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup penghuni bandar di Bandaraya Johor Bahru. Sebagaimana dijelaskan dalam perbincangan sebelumnya, penelitian terhadap

kesan gaya hidup penting kerana melibatkan kelangsungan hidup manusia dan jati diri atau legasi budaya masyarakat.


Kepentingan dari sudut Dasar Perbandaran Negara (DPN) yang diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Ogos 2006 menekankan kepentingan pembangunan sesebuah bandar seharusnya mengambil kira pertimbangan sosial. Walau bagaimanapun, DPN tidak pula menjelaskan pentingnya kesan perbandaran terhadap gaya hidup masyarakat. Justeru, kajian berkaitan kesan rebakan bandar memerlukan penelitian sewajarnya kerana kajian terdahulu menunjukkan terdapat kesan negatif yang perlu ditangani hasil proses rebakan sesebuah bandar. Oleh kerana itu, kajian ini berperanan menjadi input kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam perancangan pembangunan bandar pada masa hadapan bagi mengurangkan masalah gaya hidup yang tidak sihat, sebaliknya perlu berasaskan budaya setempat.

Kepentingan dalam konteks sosial atau komuniti iaitu pemupukan nilai gaya hidup yang baik selaras dengan agama dan jati diri masyarakat juga ditekankan dalam Gagasan 1Malaysia (G1M*) (*G1M masih relevan untuk kajian ini kerana ia dijalankan bermula 2014 sehingga 2018). Umpamanya, berkaitan soal keijiranan, tolak-ansur, bertegur sapa dan tidak lupa akan budaya masing-masing. Oleh kerana itu, kajian ini memperlihatkan kesignifikanan dalam konteks pengurusan dasar dan keilmuan itu sendiri berkaitan kajian kesan rebakan bandar.

1.8 Organisasi Penulisan Tesis

Tesis ini dibahagikan kepada lima bab (Rajah 1.1) iaitu Bab Satu berkaitan dengan Pendahuluan kajian yang merangkumi perbincangan tentang latar belakang rebakan bandar dan gaya hidup masyarakat; pernyataan masalah; persoalan; objektif; skop; dan kepentingan kajian. Bab Dua pula adalah mengenai Ulasan Literatur pula kajian membincangkan tentang definisi konsep; perspektif ujian psikografik; asas teori bagi penilaian psikografik gaya hidup; perspektif teori rebakan bandar; senario rebakan bandar, faktor dan kesannya; kajian lepas tentang rebakan bandar dan sumbangan keilmuan; kerangka konseptual kajian; serta tumpuan Dasar Perbandaran Negara. Bab Tiga adalah tentang Kaedah Kajian yang membicarakan latar belakang kawasan kajian; pembentukan instrumen kajian; proses persampelan; dan analisis kajian.

Bab Empat adalah tentang Analisis Kajian melibatkan latar belakang responden; tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat; tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik gaya hidup masyarakat setempat masa kini; perbezaan psikografik gaya hidup masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru kesan rebakan bandar; dan perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar berdasarkan latar belakang responden. Bab Lima adalah Rumusan dan Perbincangan Kajian iaitu rumusan keseluruhan tentang rebakan bandar dan pencapaian objektif dan pernyataan masalah kajian; implikasi kajian; cadangan kajian akan datang.



Rajah 1.1. Organisasi penulisan tesis

1.9 Kesimpulan

Rebakan bandar merupakan perkara biasa berlaku di mana-mana negara, sama ada maju atau sedang membangun. Sekiranya kesan rebakan bandar gagal diurus, maka masalah kemunculan gaya hidup masyarakat yang negatif atau bertentangan dengan norma hidup setempat terus berlaku yang mendorong kepada rasa tidak puas hati terhadap pemerintah. Kerancangan pembangunan fizikal dalam ruangan bandar tidak boleh disekat semudah yang dirancang kerana ia membabitkan kelangsungan ekonomi masyarakat dan negara. Justeru, langkah pengurusan yang boleh dipilih bagi bandar yang sudah merebak dan tepu binanya meluas adalah dengan memastikan gaya hidup penghuninya benar-benar memenuhi norma hidup setempat atau budaya bangsa sendiri. Satu daripadanya adalah berdasarkan kepada dasar semasa negara seperti GIM yang boleh menjadi panduan untuk rujukan nilai setempat bagi masyarakat di Malaysia. Oleh kerana itu, kajian gaya hidup masyarakat kesan daripada rebakan bandar memerlukan kajian secara menyeluruh dan dalam hal ini sebuah bandaraya yang terletak di bahagian selatan Semenanjung Malaysia diambil sebagai kawasan kajian.

Oleh yang demikian, bagi merungkai perincian kepada bab ini, Bab Dua berikutnya membincangkan tentang beberapa perkara penting yang akan mengoperasikan kajian. Antaranya melibatkan perkara seperti definisi; senario rebakan bandar, faktor dan kesannya; kajian lepas tentang rebakan bandar dan sumbangan keilmuan; perspektif teori rebakan bandar dan gaya hidup; serta kerangka konseptual kajian.

BAB DUA

ULASAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sebagaimana dijelaskan dalam Bab Satu sebelumnya bahawa perbincangan dalam bab ini lebih memfokuskan tentang beberapa perkara penting yang akan mengoperasikan kajian. Topik-topik yang dibincangkan dalam bab ini adalah: pertama, definisi; kedua, perspektif ujian psikografik; ketiga, asas teori bagi penilaian psikografik gaya hidup; keempat, perspektif teori rebakan bandar; kelima, senario rebakan bandar, faktor dan kesannya; keenam, kajian lepas tentang rebakan bandar dan sumbangan keilmuan; ketujuh, kerangka konseptual kajian; serta kelapan, tumpuan Dasar Perbandaran Negara.

2.2 Definisi Konsep

Bahagian ini membincangkan tentang definisi bagi kajian kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru dalam konteks konseptual dan operasional.

2.2.1 Konseptual dan Operasional bagi Rebakan Bandar

Terminologi rebakan bandar (*urban sprawl*) mula diperkenalkan oleh Earle Draper pada tahun 1937 iaitu seorang perancang bandar dari Amerika Syarikat (Black, 1996). Berdasarkan kepada kajian literatur terdahulu, Ewing (1994), Ewing et al. (2003) dan Tsai (2005) membahagikan konsep rebakan bandar kepada tiga keadaan iaitu keadaan

di mana pembangunan berkepadatan rendah, berserak dan bertaburan merata-rata sehingga membentuk sebuah bandar yang besar. Kedua, terdapat pemisahan antara tempat tinggal penduduk dengan tempat di mana mereka berkerja. Ketiga, kekurangan kawasan lapang bagi fungsi-fungsi sokongan sosial. Galster et al. (2001), Resnik (2010) dan Wassmer (2008) berpendapat bahawa konsep rebakan bandar merupakan suatu bentuk guna tanah berkepadatan rendah dalam pembangunan yang melibatkan kombinasi daripada lapan perkara iaitu kepadatan, penumpuan, pengelompokan, bersambungan, pemusatan, kegunaan bercampur, kejiranan dan peluasan. Menurut European Environmental Agency (Brueckner & Fansler, 2001; EEA, 2006; Katiman Rostam et al., 2010; Livanis et al., 2006; McGee, 2010), rebakan bandar merupakan bentuk fizikal berkepadatan rendah dari sebuah kawasan bandar besar yang berasaskan pertumbuhan ekonomi dan meluas ke pinggir, biasanya menggunakan tanah pertanian. Malah, Peiser (2001) berpendapat rebakan bandar seharusnya melihat kepada bentuk bandar, guna tanah, kesan dan kepadatan pembangunan dalam sesebuah bandar (Kropf 2018).

Oleh itu, konsep rebakan bandar secara operasionalnya merujuk kepada sebuah bandar yang berkembang dari satu pusat berkepadatan tinggi membentuk kawasan berkepadatan rendah ke arah pinggirannya berdasarkan kepada fasa-fasa tersendiri melibatkan sejarah rebakan bandar.

2.2.2 Konsep dan Pengukuran Gaya Hidup

Perbincangan dalam bahagian ini dibahagikan kepada tiga perkara iaitu tentang definisi konseptual gaya hidup menerusi kajian atau pendapat pengkaji terdahulu; fasa pembentukan gaya hidup; serta perspektif kaedah pengukuran konsep gaya hidup.

i. Perspektif konsep gaya hidup

Konsep gaya hidup merupakan gambaran daripada ciri-ciri diri seseorang yang terbentuk daripada sejak lahir, tetapi pembentukannya akan mengalami perubahan apabila berlaku interaksi sosial dan persekitarannya. Menurut Spaargaren dan vanVliet (2000), istilah gaya hidup pada permulaannya digunakan oleh seorang ahli psikologi Austrian iaitu Alfred Adler (1870-1937). Istilah ini mula dikembangkan pada tahun sekitar 1950an bagi menerangkan corak kehidupan moden dengan mengambil kira dua perspektif iaitu bersifat *tangible* dan *intangible*. Perspektif *tangible* melibatkan aspek demografi seseorang iaitu profil diri, sementara *intangible* pula merujuk kepada psikologi seseorang seperti nilai, keutamaan hidup dan sudut pandangan diri terhadap sesuatu.

Sementara itu, Berzano dan Genova (2015) berpendapat gaya hidup juga mencerminkan sikap, nilai dan pandangan hidup seseorang berkaitan persekitaran mereka. Oleh kerana itu, gaya hidup bermaksud penghargaan diri, pembinaan budaya dan simbol yang mencerminkan identiti diri. Malah, pada pandangan Giddens (1991) pula gaya hidup seseorang mencerminkan minat, sikap, tingkah laku dan budaya seseorang atau kumpulan. Bagi Ansbacher (1967) dan Chaney (1996) menyatakan konsep gaya hidup agak sukar ditentukan dalam satu maksud dan satu terminologi kerana tafsirannya perlu bersandarkan kepada bidang kajian. Walau bagaimanapun, secara umumnya, Berzano dan Genova (2015) berpendapat terdapat tiga faktor yang mempengaruhi gaya hidup seseorang iaitu: pertama, cara menghabiskan masa merujuk kepada tindakan seseorang menggunakan masa lapang seharian; kedua, perhatian terhadap sesuatu adalah merujuk kepada minat melibatkan diri dalam apa juga

perkara; dan ketiga, pemikiran terhadap sesuatu perkara bersangkutan dengan persekitaran mereka.

Umpamanya, Kahle dan Gurel-Atay (2014) berpandangan bahawa gaya hidup adalah berdasarkan perspektif kepercayaan dan keterlibatan dalam aktiviti yang menggunakan sumber alam. Dalam konteks kesihatan pula, Case et al. (2002) dan Ponthiere (2011) berpendapat pendapatan keluarga, aktiviti dalam keluarga, cara pemakanan dan pendidikan keluarga mampu memberikan pengaruh kepada gaya hidup berkaitan penjagaan kesihatan diri anak-anak. Sementara itu, dalam konteks pembangunan atau perkembangan sesebuah bandar pula, gaya hidup masyarakat pada pandangan Bell dan Hollows (2006) merujuk kepada lokasi bandar. Persekitaran bandar akan mempengaruhi kejiranan, pemakaian, cara pemakanan dan pergaulan. Pada pandangan pengkaji seperti Eid et al. (2006), James et al. (2013), Lathey et al. (2009), Lopez (2004) serta Platinga dan Bernell (2007a; 2007b), mereka mendapati fenomena kegemukan berlaku disebabkan oleh kurangnya berjalan kaki atau sering menggunakan kenderaan walau ke mana sahaja mereka pergi, sama ada jauh atau dekat.

ii. Perspektif fasa pembentukan gaya hidup

Dari segi sejarah kajian gaya hidup, Berzano dan Genova (2015) menyatakan terdapat tiga fasa perkembangan iaitu kedudukan sosial, cara pemikiran dan cara bertindak. Fasa pertama merujuk kepada kajian awal gaya hidup yang memfokuskan kepada analisis struktur sosial dan kedudukan individu dalam masyarakat. Gaya hidup yang dimaksudkan adalah penggunaan sumber berlebihan demi mengejar penghormatan atau kejayaan. Bagi beliau, gaya hidup sebegini mempunyai kaitan dengan pandangan

Max Weber tentang seseorang yang ingin akan kejayaan gemilang dan mengekalkan status hidup mereka, gaya hidup secara bermewah-mewah adalah peraturan hidup mereka. Bagi Levine (1971) dan Wellman (1988), penggunaan sumber berlebihan demi mengejar penghormatan atau kejayaan pada pandangan Georg Simmel (seorang ahli sosiologi dan falsafah Jerman) merujuk kepada proses menghargai, pengenalpastian, perbezaan dan pengiktirafan diri kerana gaya hidup lebih kepada diri sendiri sebagai agen masyarakat. Oleh itu, fasa pertama cenderung kepada penghargaan diri demi kebaikan individu dalam mencapai status tertentu.

Fasa kedua, cara pemikiran yang merujuk kepada personaliti terpandu oleh nilai dan prinsip individu terbangun sejak tahun pertama kehidupan hingga pengakhiran hidupnya. Pendapat ini turut selaras dengan pendapat seorang tokoh atau pakar terapi psikologi iaitu Alfred W. Adler yang menyatakan bahawa psikologi manusia berkembang sejak kelahirannya bagi membentuk sebuah corak pemikiran sehingga ke suatu tahap konsisten atau mantap. Proses pemikiran ini turut dipengaruhi oleh persekitaran hidup mereka dalam suatu tempoh masa yang lama. Pada asasnya, Adler berjaya menghubungkan antara akal manusia dengan tingkah laku dan dalam proses hubungkait tersebut didapati budaya hidup kuat mempengaruhi tingkah laku yang akhirnya membentuk gaya hidup seseorang. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa gaya hidup dalam konteks cara pemikiran kuat dipengaruhi oleh budaya persekitaran seseorang sejak lahir sehingga kedewasaan mereka.

Fasa ketiga adalah cara bertindak yang menjadi perkara terakhir proses pembentukan gaya hidup seseorang manusia. Cara bertindak merupakan bukan suatu perkara yang dianggap mudah kerana ia melibatkan tingkah laku, cerminan diri dan kehidupan

harian. Bahkan, Bryant dan Jary (1991), Giddens (1984) serta Stones (2005) berpendapat cara bertindak ini terkait dengan Teori Pengstruktur (Structuralism Theory) oleh Anthony Giddens. Teori tersebut secara ringkasnya menerangkan bahawa cara bertindak berasaskan kepada struktur yang wujud dan disertai oleh terdapatnya agen. Dengan kata lain, Giddens (1984) mendapati struktur yang wujud dan disertai oleh adanya agen (persekitaran, organisasi dan manusia) boleh mempengaruhi cara bertindak seseorang. Oleh itu, cara bertindak dalam konteks ini merujuk kepada proses psikologi gaya hidup hiliran atau terakhir wujud akibat daripada kesan keterdapatn struktur dan pengaruh agen semasa sepanjang kehidupan setiap individu.

Justeru, tiga fasa kajian atau kehidupan manusia dari proses membentuk kedudukan sosial, cara pemikiran dan cara bertindak, akhirnya membentuk gaya hidup seseorang manusia, walau di mana mereka berada. Terkait dengan rebakan bandar, fasa-fasa ini menggambarkan bahawa kesannya tidak mustahil mampu membentuk gaya hidup berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain atau gaya hidup dahulu dengan masa kini.

iii. Perspektif pengukuran gaya hidup

Berdasarkan kepada perbincangan tentang definisi konseptual dan fasa perkembangan atau pembangunan konsep gaya hidup, kajian mendapati ia terbina daripada pelbagai konstruk dari bersifat demografi sehingga kepada psikososial. Klasifikasi item kepada dua bahagian utama iaitu konstruk demografi dan psikososial adalah bagi membezakan antara ciri-ciri diri seseorang (demografi) dengan ciri-ciri personaliti sosial (psikososial). Kajian mendapati item-item yang termasuk dalam konstruk

demografi adalah demografi keseluruhannya, pendapatan keluarga dan pendidikan keluarga. Sementara bagi konstruk psikososial melibatkan sejumlah 18 item sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1.

Item Ukuran dan Konstruk Pembinaan Konsep Gaya Hidup Berdasarkan Kajian Lepas

Konstruk Ukuran	Item pembina konsep gaya hidup
Demografi	<ul style="list-style-type: none"> - Demografi keseluruhannya - Pendapatan keluarga - Pendidikan keluarga
Psikososial	<ul style="list-style-type: none"> - Kedudukan sosial - Identiti diri - Sikap - Penghargaan diri - Keutamaan hidup - Budaya - Minat - Tingkat pendapatan keluarga - Tahap pendidikan keluarga - Nilai - Kejiranan - Pemakaian - Pergaulan - Cara pemakanan - Aktiviti dalam keluarga - Cara berfikir - Cara bertindak - Tingkah laku

Memandangkan terlalu banyak item ukuran yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, maka ia menjadi kabur dan sukar untuk menentukan item yang paling signifikan bagi kegunaan kajian. Oleh kerana itu, kajian ini mendapati perlu kepada satu ukuran stabil atau ukuran biasa dalam kajian gaya hidup iaitu psikografik (*psychographic*). Secara umumnya, pengukuran menggunakan kaedah psikografik bagi kajian gaya hidup melibatkan beberapa pemboleh ubah atau konstruk iaitu nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan, aktiviti dan rutin harian hidup


(Pearce et al., 1998; Reisinger & Mavondo, 2003) yang akhirnya mampu menggambarkan kesan rebakan bandar terhadap masyarakat. Menurut Hochbaum (2011), kaedah psikografik ini sering digunakan dalam kajian pemasaran bertujuan untuk menguji pemilihan jenama dan kesetiaan kepada sesuatu produk. Malah, ia juga pernah digunakan dalam kajian pelancongan bagi melihat kesan lokasi pelancongan terhadap pelancong sebagaimana dijalankan oleh Plog (1991) tentang perjalanan melancong. Justeru, pengukuran gaya hidup bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah psikografik kerana ia kelihatan agak stabil dan kerap digunakan oleh pengkaji terdahulu.

2.3 Perspektif Ujian Psikografik

Perbincangan menerusi bahagian ini memfokuskan kepada dua perkara asas iaitu dalam konteks perspektif serta definisi operasional setiap konstruk pengukur gaya hidup berasaskan Model Psikografik Plog. Dari segi sejarah, Model Psikografik Plog ini dibentuk oleh Stanley Plog pada tahun 1967 (Litvin & Smith, 2015). Model ini digunakan secara meluas dalam kajian pemasaran bertujuan untuk menguji gaya hidup berasaskan kepada pemilihan jenama dan kesetiaan kepada sesuatu produk (Hochbaum, 2011). Malah, ia juga pernah digunakan dalam kajian pelancongan bagi melihat kesan lokasi pelancongan terhadap pelancong sebagaimana dijalankan oleh Plog (1991) tentang perjalanan mereka dan hubungannya dengan gaya hidup pelancong.

Model ini terhasil daripada suatu kajian yang dijalankan oleh Plog sekitar tahun 1960an tentang penyelidikan “kenapa pelancong tidak mahu menggunakan kapal terbang?” dan “pelancong yang bagaimana dikatakan tidak mahu menggunakan kapal

terbang?” (Litvin & Smith, 2015). Menurut Wells (1974), setelah beberapa siri kajian secara kuantitatif dijalankan, beliau mendapati gaya hidup individu atau disebut sebagai psikografik adalah penentu kepada persoalan-persoalan di atas. Penelitian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Gladwell (1990), Pearce et al. (1998), Reisinger dan Mavondo (2003) serta Wells (1974) berpendapat konstruk pengukur penting yang terdapat dalam model ini adalah melibatkan tujuh perkara iaitu nilai baik, sikap positif, pandangan baik, minat baik, kehendak positif, kepercayaan betul serta aktiviti atau rutin harian yang baik (Rajah 2.1). Pada pandangan Plog, watak seseorang manusia adalah kekal dalam diri seseorang dan sukar untuk berubah, walau terdapat pelbagai pengaruh luaran atau persekitaran mereka. Oleh kerana itu, ia mampu menjadi pengukur kepada penilaian gaya hidup seseorang. Mekanisma model ini menghipotesiskan atau menghujahkan bahawa sekiranya kesemua konstruk berubah ke arah kebaikan, maka gaya hidup masyarakat adalah menjadi lebih baik. Dengan kata lain, operasional model ini mengukur perubahan sebelum dan semasa sesuatu berlaku. Dalam hal ini adalah melibatkan gaya hidup kesan rebakan bandar.



Sumber: Diolah daripada Gladwell (1990), Pearce et al. (1998) serta Reisinger dan Mavondo (2003)

Rajah 2.1. Konstruk pengukur psikografik gaya hidup

Berdasarkan kepada maksud bagi setiap konstruk psikografi gaya hidup, berikut merupakan definisi operasional (Jadual 2.2) yang disesuaikan daripada Litvin dan Smith (2015), Pearce et al. (1998), Plog (1991) serta Reisinger dan Mavondo (2003). Definisi operasional terlibat menjelaskan bahawa konstruk-konstruk gaya hidup terhasil kesan daripada perubahan dalam persekitaran mereka dan dalam kajian ini merujuk kepada perubahan daripada rebanan bandar.

Jadual 2.2.

Definisi Operasional bagi Konstruk Psikografik Gaya Hidup

Bil.	Konstruk	Definisi Operasional
1.	Nilai	... merujuk kepada sesuatu yang baik atau murni sifatnya dan ia hadir dalam diri seseorang kesan daripada persekitaran, seterusnya akan membentuk personaliti diri yang luhur.
2.	Sikap	... merujuk kepada kesan perubahan persekitaran terhadap pemikiran, pandangan dan tindakan. Kebiasannya, pengukuran psikografik bagi gaya hidup merujuk kepada sikap seseorang yang positif terhadap diri atau persekitaran mereka.
3.	Pandangan	... merujuk kepada penilaian diri individu terhadap sesuatu perkara dalam konteks yang positif atau baik, pastinya ia berasaskan kepada pengalaman dan keilmuan dalam diri seseorang.
4.	Minat	... merupakan kecenderungan diri seseorang terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam persekitaran kesan perubahan semasa. Minat yang baik mampu memberikan perubahan kepada gaya hidup seseorang secara sadar atau tidak sadar.
5.	Kehendak	... merujuk kepada keperluan yang sangat mendesak atau keperluan diluar daripada batasan kemampuan yang kadang-kala tidak sangat diperlukan oleh diri seseorang dan ia semata-mata bagi memenuhi naluri diri. Kehendak yang positif dalam konteks gaya hidup adalah berlaku sekiranya apa yang mereka perlukan bersesuaian dengan kemampuan diri. Sebaliknya, kehendak yang negatif berlaku sekiranya gaya hidup yang diamalkan di luar kemampuan diri.
6.	Kepercayaan	... adalah mempercayai sesuatu dengan cara betul atau benar sehingga membawa kepada perubahan gaya hidup kepada diri seseorang.
7.	Aktiviti atau rutin harian	... merujuk kepada aktiviti harian seseorang dan dijalankan secara kerap atau menjadi rutin hidup mereka, seterusnya mempengaruhi gaya hidup diri seseorang.

Sumber: diolah daripada Litvin dan Smith (2015), Pearce et al. (1998), Plog (1991) serta Reisinger dan Mavondo (2003)

Plog telah menjelaskan bahawa watak diri adalah kekal dalam diri seseorang dan sukar untuk berubah, walaupun terdapat pelbagai pengaruh luaran atau persekitaran mereka. Berdasarkan kepada kata kunci tersebut dapatlah diterjemahkan bahawa gaya hidup sememangnya adalah kekal dalam diri seseorang dan sekiranya rebakan bandar berlaku, maka kesan ke atas gaya hidup adalah sukar berlaku, tetapi ia tidak mustahil berubah disebabkan oleh pengaruh persekitaran. Oleh kerana itu, pengukuran gaya hidup bersandarkan kepada kesan rebakan bandar mempunyai asas yang kukuh. Cuma, persoalannya adalah bagaimana menentukan gaya hidup masyarakat dalam kawasan MBBB merupakan ekor daripada kesan rebakan bandar? Persoalan ini mungkin agak sukar dijawab, tetapi kajian ini cuba menyelesaikannya dengan kaedah memastikan setiap item ujian adalah berkaitan dengan kesan rebakan bandar dari perspektif atau pandangan anggota masyarakat. Setiap item ujian juga hanya terarah kepada keperluan untuk menjawab persoalan gaya hidup menerusi tujuh konstruk psikografik yang dinyatakan dalam Jadual 2.2 di atas.

Umpamanya dalam kes konstruk nilai satu contoh daripada item ujiannya adalah “Nilai murni masyarakat seperti menghormati orang lain pada masa dahulu iaitu sebelum Johor Bahru menjadi bandaraya adalah sangat baik” (bagi item ujian sebelum). Sebaliknya, bagi penilaian gaya hidup semasa (atau pada masa kini Johor Bahru menjadi bandaraya), contoh item ujian adalah “Nilai murni masyarakat seperti menghormati orang lain pada masa kini iaitu semasa Johor Bahru menjadi bandaraya adalah sangat baik”. Pengukuran menggunakan kaedah ini dianggap sebagai ujian berbentuk psikologi dengan memerlukan masyarakat mengingati kembali atau mengimbu gaya hidup mereka zaman sebelum hidup dalam sebuah kawasan bandaraya.

2.4 Asas Teori bagi Penilaian Psikografik Gaya Hidup

Terdapat satu teori penting yang sering dikaitkan dengan penilaian psikografik gaya hidup seseorang iaitu berasaskan kepada Teori Hierarki Keperluan (Motivasi) berdasarkan kepada pendekatan falsafah humanistik. Ini kerana, penilaian melalui kaedah psikografik adalah selaras dengan perkembangan keperluan manusia dalam proses kehidupan. Tokoh terkenal bagi menilai keperluan manusia adalah Abraham Harold Maslow melalui Teori Hierarki Keperluan Maslow (atau Teori Motivasi Manusia) pada tahun 1943 (Goble, 1970; Maslow, 1943; Mittelman, 1991). Teori ini menekankan bahawa manusia mempunyai kehendak yang bebas serta subjektif dan kebebasan inilah menentukan gaya hidup seseorang, seterusnya membentuk tingkah laku (Combs & Snygg, 1949). Maslow menekankan bahawa, manusia pada masa kini adalah makhluk yang aktif, kreatif dan subjektif, maka teori berbentuk humanistik merupakan sesuatu yang positif lagi optimistik kerana menekankan kepentingan diri ke arah pertumbuhan dan aktualisasi diri yang sebenar. Bagi Maslow, seseorang mempunyai peluang untuk memantapkan diri berdasarkan hubungan dengan dunia luar atau sebenar.

Teori ini secara umumnya sesuai dijadikan landasan untuk penelitian terhadap gaya hidup kerana Mittelman (1991) berpandangan bahawa manusia sebagai makhluk yang mempunyai perasaan, kehendak, keperluan dan matlamat. Malah, turut melihat manusia sebagai objek yang positif perlu dibangunkan demi merealisasikan potensi diri yang sebenar. Menurut Nur Arfa Efrilega (2008), seseorang perlu mengetahui bahawa manusia memiliki peluang untuk membangunkan diri berdasarkan hubungannya dengan persekitaran. Walau bagaimanapun, Plomin et al. (1997) berpendapat masalah yang wujud adalah terdapat juga seseorang yang gagal

mempelajari sesuatu daripada persekitaran kerana sifat dalaman diri yang ada sukar diubah. Rosnani Hashim (1998) dan Williams (2000) berpendapat sekiranya seseorang gagal mempelajari, tidak kreatif dan lemah, maka pastinya memberikan kesan negatif kepada pembentukan sahsiah diri yang akan mempengaruhi gaya hidup mereka.

Teori Hierarki Keperluan Maslow secara umumnya adalah baik dan sesuai dijadikan landasan untuk penelitian gaya hidup kerana ia membincangkan manusia sebagai makhluk yang mempunyai perasaan, keperluan dan matlamat. Malah, turut melihat manusia sebagai objek yang positif perlu dibangunkan demi merealisasikan potensi diri yang sebenar dengan mengambil kira bahawa manusia memiliki peluang untuk membangunkan diri berdasarkan hubungannya dengan persekitaran. Terdapat dua kritikan besar terhadap teori ini iaitu tidak bersifat emperikal melalui pembuktian saintifik (Hoffman, 1999; Schreiber, 2008) dan terdapat bias budaya (Goud, 2008; Rennie, 2008; Sommers & Satel, 2006) yang cenderung mengguna pakai budaya atau pemikiran yang hanya memihak kepada pihak barat. Walaupun terdapat kritikan, namun sebilangan pengkaji yang berbeza ideologi dan budaya seperti Edward (1999), Wahba dan Bridwell (1976) serta Wilson (1972) masih menggunakannya disebabkan oleh keperluan-keperluan dalam teori tersebut agak sinonim dengan kehidupan manusia sejagat.

Menurut Hoffman (1988), teori ini diilhamkan oleh Abraham Harold Maslow yang lahir di New York pada tahun 1908. Maslow dianggap sebagai bapa Psikologi Humanistik dan berjaya melihat diri manusia dari sudut keperluan atau motivasi yang memberi pengaruh terhadap tingkah laku diri. Beliau memperkenalkan Teori Hierarki Keperluan sekitar tahun 1943 berasaskan kepada beberapa perkara atau intipati proses

kehidupan sebenar. Menurut Goble (1970) dan Maslow (1943), pada dasarnya teori ini menekankan kepentingan kesempurnaan sendiri agar seseorang memiliki suatu kuasa motivasi yang tinggi dalam konteks meta-motivasi (motivasi tahap tertinggi). Sekiranya seseorang pelajar sebagai contohnya memiliki motivasi yang tinggi, masalah gaya hidup diluar daripada norma setempat atau digariskan oleh negara tidak berlaku. Malah, Maslow (1967) berpendapat bagi mencapai potensi diri dan motivasi yang baik, seseorang perlu memiliki fisiologi, keselamatan, kasih sayang dan penghargaan sendiri yang baik. Oleh itu, Carlson (2007), Koltko-Rivera (2006) dan Mittelman (1991) berpendapat motivasi yang baik perlu melalui proses dan susunan bermula dari tahap fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan sendiri sehingga kepada kesempurnaan sendiri (Rajah 2.2). Ini kerana, Schacter (2011) berpendapat setiap keperluan merupakan suatu proses yang berkaitan antara satu sama lain ke arah pencapaian matlamat atau tindakan masa hadapan manusia.



Rajah 2.2. Pemetaan hierarki keperluan oleh Maslow
Sumber: Diolah daripada Maslow (1967)

Menurut Anastasia Sri Mendari (2010), kebaikan Teori Hierarki Keperluan Maslow kerana menggabungkan aspek yang terdapat dalam Teori Tingkah Laku iaitu pengaruh luaran dan turut menggabungkan bersama dengan Teori Psikoanalitik yang berdasarkan aspek dalaman. Malah, Simons et al. (1987) berpendapat bahawa Maslow juga meletakkan manusia memiliki kuasa yang unik dalam menentukan tingkah laku diri atau membuat pilihan. Maslow berpendapat bahawa manusia secara genetiknya memiliki keperluan tertentu yang tersedia wujud dalam diri mereka. Keperluan-keperluan sebagai seorang manusia bermula dengan perkara membabitkan fisiologi dan psikologi secara hierarki yang akhirnya membawa kepada kesempurnaan sendiri dan perkara ini juga diakui benar oleh Gleitman et al. (2004) dan Goldstein (1995). Menurut Maslow (1998), sekiranya terdapat salah satu daripada keperluan tersebut adalah rendah atau terjejas, maka motivasi dianggap mengalami masalah yang memungkinkan seseorang cenderung melakukan gaya hidup tidak sihat.

i. Keperluan fisiologi

Peringkat ini merujuk kepada keperluan asas seseorang manusia sejak lahir hingga akhir hayat. Keperluan pada tahap asas ini merujuk kepada kecukupan makanan, minuman, udara, ruang dan pakaian. Keperluan ini adalah bersifat universal pada mana-mana masyarakat di dunia, walaupun berbeza sosio-ekonomi, geografi dan jantina.

ii. Keperluan keselamatan

Peringkat kedua ini melibatkan keperluan keamanan, keselamatan, keadilan dan keharmonian sama ada dari aspek persekitaran hidup, dalam rumah, luar rumah atau secara psikologi.

iii. Keperluan kasih sayang

Keperluan ini merupakan tahap ketiga keinginan manusia yang normal sama ada lelaki atau wanita bagi mewujudkan seorang individu yang yakin diri, disayangi, dihargai dan mendapat perhatian dalam kehidupan. Pada peringkat ini, seseorang memerlukan kasih sayang yang mencukupi bagi menghadapi dunia dan masyarakat umum agar mereka mampu menghargai diri sendiri.

iv. Keperluan penghargaan sendiri

Peringkat keempat ini merujuk kepada keperluan penghargaan terhadap diri daripada orang lain agar seseorang mampu berjaya dan tidak menjalankan sesuatu di luar daripada norma kehidupan. Pada tahap ini, seseorang perlu dihargai, diberikan perhatian, pujian, ganjaran atau sebagainya supaya diri seseorang merasakan bererti, diperlukan dan hadir dalam masyarakatnya.

v. Keperluan kesempurnaan sendiri

Pada peringkat tertinggi ini, keperluan yang diharapkan oleh seseorang adalah menjadi terbaik, merasakan wujud potensi diri, berguna dalam masyarakat, memiliki kepandaian, memiliki kemewahan, mampu berdikari, boleh menyelesaikan masalah sendiri, berjaya menangani cabaran hidup dan sebagainya. Sekiranya mereka memiliki kesemua aspek ini atau sebahagian daripadanya, masalah perubahan gaya hidup ke arah negatif sukar berlaku.

Secara amnya, dapat dirumuskan bahawa Teori Hierarki Keperluan Maslow boleh dipadankan dengan psikografik gaya hidup kerana perubahan gaya hidup seseorang adalah selari dengan keperluan hidup. Oleh kerana itulah, Plog menggunakan asas

teori ini untuk membangunkan Teori Psikografi berkaitan gaya hidup. Justeru, teori Maslow yang meletakkan keperluan paling asas sehingga peringkat tertinggi penghargaan sendiri adalah sinonim dengan gaya hidup seseorang ketikamana bandar semakin berkembang atau bandar meninggalkan kesan terhadap mereka. Kelima-lima peringkat yang digariskan oleh Maslow pada hakikatnya boleh melahirkan persoalan tentang lapan perkara iaitu nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan, aktiviti atau rutin harian hidup yang dimasukkan dalam model atau kaedah pengukuran secara psikografik.

2.5 Perspektif Teori Rebanan Bandar


Teori tentang rebanan bandar yang dibincangkan melibatkan beberapa perkara penting iaitu jenis rebanan bandar serta teori dan model rebanan bandar. Berikut adalah perbincangan berkaitan dengan teori tentang rebanan bandar.

i. Jenis rebanan bandar

Kepelbagaian maksud kepada konsep rebanan bandar terserlah apabila Carrio-Flores dan Irwin (2004), Ewing (1997), Frenkel dan Ashkenazi (2008), Galster et al. (2001), Lambert dan Meyer (2006), Malpezzi dan Guo (2001), Peiser (1989; 1990), Rafee Majid dan Hafizul Yahya (2010), Samruhaizad Samian @ Samion et al. (2014) serta Terzi dan Bolen (2009) melihatnya kepada empat jenis iaitu berkepadatan rendah, tidak berpanjangan (*discontinuity*), *leapfrog* dan riben (*ribbon* atau *strip*). Berikut penulis seperti Rafee Majid dan Hafizul Yahya (2010) serta Samruhaizad Samian @ Samion et al. (2014) memperincikannya:

a. *Rebakan berkepadatan rendah dan tidak berpanjangan*

Ia merupakan penggunaan tanah di samping bagi tujuan perbandaran di sepanjang sempadan metropolitan yang sedia ada. Jenis rebakan ini disokong oleh sedikit demi sedikit dengan kemudahan infrastruktur asas seperti air, elektrik, sistem pembentungan, telekomunikasi dan jalan. Justeru, ia berbentuk tidak berpanjangan untuk membentuk koridor (Rajah 2.3).



Rajah 2.3. Rebakan berdensiti rendah
Sumber: Rafee Majid dan Hafizul Yahya (2010)

b. *Leapfrog*

Pembangunan jenis ini tidak sejajar dengan kelompok tanah yang dimajukan iaitu banyak dipisahkan antara satu dengan lain daripada sempadan-sempadannya. Walau bagaimanapun, perbandaran jenis ini juga diiktiraf sebagai kawasan bandar. Rebakan yang berasigian dari pusat bandar merupakan pembangunan jenis berkelompok dari kawasan tepu bina ke kawasan baharu (Rajah 2.4).



Rajah 2.4. Rebakan berbentuk *leapfrog*
Sumber: Rafee Majid dan Hafizul Yahya (2010)

c. Riben

Rebakan pembangunan bandar secara beriben pula merujuk kepada serakan mengikut koridor pengangkutan jalan utama atau laluan transit pengangkutan awam ke arah luar dari pusat bandar. Namun demikian, tanah sepanjang laluan jalan tersebut melalui proses pembangunan mempunyai akses jalan yang sukar tetapi masih boleh menggunakan laluan yang berada di sekitarnya. Walau bagaimanapun, semakin hari pembangunan yang berlaku di kawasan sekitarnya menjadikan pembangunan berbentuk riben ini bersambung atau bercantum menjadi lebih meluas (Rajah 2.5).



Rajah 2.5. Rebakan berbentuk riben
Sumber: Rafee Majid dan Hafizul Yahya (2010)

ii. Teori dan model rebakan bandar


Kajian terhadap guna tanah dan perkembangan bandar telah mula diteliti sejak awal abad ke-19 lagi dengan terciptanya Teori atau Model Guna Tanah oleh Johann Von Thunen pada tahun 1826. Menurut O'Flaherty (2005), teori ini menekankan kepada domain ilmu ekonomi tetapi berasaskan kepada lokasi aktiviti ekonomi yang terbaik dengan merujuk kepada pasaran, pengeluaran dan jarak. Kawasan pertanian terbaik adalah ditentukan oleh kos dengan bersandarkan kepada jarak paling hampir dengan pasaran, sebaliknya kawasan pertanian yang tidak sesuai berada jauh daripada pasaran. Jacobs (1969) berpendapat pada awal abad ke-19, model ini digunakan di

Jerman sebagai rujukan penting dalam sektor pertanian kerana diandaikan mampu membawa pulangan lebih baik. Walau bagaimanapun, Bairoch (1988) berpendapat model ini kurang jelas dalam menerangkan soal rebakan bandar kerana menekankan kepada lokasi aktiviti pembangunan ekonomi berbanding dengan konteks bandar secara menyeluruh.

Oleh itu, Earnest W. Burgess pada tahun 1925 mencadangkan Teori Pemusatan (Konsentrasi) Bandar dan merupakan teori klasik kedua tentang pembangunan tetapi ia adalah pertama dalam konteks bandar (Burgess, 1967). Teori Burgess ini membahagikan rebakan bandar kepada enam zon iaitu Zon 1 adalah Daerah Pusat Perniagaan (*Central Business District* atau CBD) iaitu tempat tumpuan utama pelbagai perniagaan seperti hotel, bank, pusat pentadbiran dan sebagainya serta menjadi teras kepada ekonomi sesebuah bandar. Zon 2 adalah kawasan transisi yang menjadi *feeder* atau pembekal dan sektor perkilangan kepada CBD. Zon ini dianggap tidak stabil kerana menjadi kawasan tumpuan utama setinggan, pendatang asing dan kediaman kawasan ini adalah tidak selesa. Zon 3 adalah kawasan kediaman pekerja biasa dan buruh tidak mahir dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah. Justeru, Zon 2 dan 3 adalah kawasan bandar di mana mereka yang dalam kategori ekonomi berpendapatan rendah. Mereka tinggal di kawasan tersebut kerana dekat dengan sumber pekerjaan untuk memudahkan urusan seharian walaupun kawasan yang didiami kurang memuaskan dari aspek kualiti hidup yang sebenar.

Zon 4 pula merupakan mereka yang tinggal dalam status kelas sederhana kerana tidak begitu jauh dari CBD serta mendapat sedikit kebebasan dalam menentukan privasi atau ketenangan hidup. Zon 5 adalah kawasan tempat tinggal golongan elit atau


golongan atasan yang mencari ketenangan hidup dari hiruk-pikuk kota. Zon 6 yang dikenali sebagai ulang-alik juga merupakan kawasan elit atau bangsawan sepertimana Zon 5 dan mereka tinggal dalam kawasan agak jauh di sempadan kawasan bandar disebabkan ketenangan dan kemampuan mereka berulang-alik ke tempat kerja (Rajah 2.6).



Rajah 2.6. Teori Konsentrasi Bandar oleh Burgess 1925
Sumber: diolah daripada Burgess (1967)

Berdasarkan kepada perbincangan tentang Model atau Teori Burgess tersebut, jelas menunjukkan bahawa rebakan bandar boleh berlaku disebabkan oleh ketepuan pembangunan di kawasan CBD. Menurut Neuman (2005) dan Park (1967), sifat semulajadi manusia yang inginkan ketenangan jauh daripada persekitaran bandar yang sesak merupakan punca mereka keluar dari wilayah yang penuh dengan kepadatan pembangunan. Bahkan, mereka yang mempunyai kelas tertentu dalam masyarakat ingin mengelakkan diri daripada kesesakan, ada pula kumpulan anggota masyarakat yang berstatus lebih tinggi suka kepada kedamaian dengan memilih kawasan pinggir bandar. Oleh itu, berdasarkan kepada proses dan sistem rebakan tersebut yang dikemukakan oleh Burgess memperlihatkan rebakan bandar berlaku dari kawasan padat dalam CBD sehingga kepada pinggir bandar yang semakin kurang kepadatannya kerana hanya didiami oleh kumpulan tertentu sahaja.


Rebakan bandar juga boleh diteliti dalam Teori Sektoral Bandar yang dicadangkan oleh Homer Hoyt pada tahun 1939 (Hoyt, 1939) dan teori atau model sektoral ini adalah hasil pengubahsuaian terhadap cadangan Burgess. Rebakan bandar ini berlaku berdasarkan kepada sektor dalam bentuk kluster iaitu Sektor 1 adalah kawasan pejabat dan perniagaan yang terdiri daripada hotel, bank, pasar serta pusat membeli belah. Sektor 2 adalah industri ringan dan perdagangan, Sektor 3 merupakan kediaman buruh atau pekerja bawahan, Sektor 4 menunjukkan kediaman golongan menengah dan Sektor 5 terdiri daripada kediaman golongan atasan (Rajah 2.7). Rasional pembahagian sektor ini bagi Rodwin (1950) dan Smith (1962) adalah berdasarkan status masyarakat, fungsi sektor atau pekerjaan dan kategori impak aktiviti manusia. Oleh itu, model ini merubah pandangan bahawa rebakan bandar boleh berlaku berdasarkan kepada fungsi aktiviti manusia dan kesannya terhadap status seseorang dalam masyarakat kerana golongan tertentu amat mementingkan kepada kesejahteraan hidup.



Rajah 2.7. Teori Sektoral Bandar oleh Hoyt 1939
 Sumber: diolah daripada Hoyt (1939)

Seterusnya, Chauncy Harris dan Edward Ullman pula mencadangkan teori atau model klasik yang dilihat sama pentingnya dalam menerangkan proses rebakan bandar


(Rajah 2.8). Mereka mencadangkan Teori Pusat Berganda pada tahun 1945 yang merangkumi CBD berfungsi sebagai titik pertumbuhan kepada rebakan bandar dan fungsinya sama seperti CBD lain dalam teori oleh Burgess dan Hoyt (Reader, 2005). Walau bagaimanapun, CBD yang dinyatakan dalam teori ini bukan seperti dijelaskan oleh Burgess dan Hoyt kerana titik-titik pertumbuhan yang wujud adalah kurang jelas serta tidak semestinya membawa kepada rebakan bandar dengan lebih meluas. Hal ini berlaku kerana bandar boleh berlaku di mana-mana yang membawa kepada kewujudan CBD baharu lantas membentuk pola pusat berganda lain. Hal ini jelas kerana rebakan bandar pada masa kini juga turut memiliki hampir persamaan di mana rebakan bandar utama boleh terjadi selari dengan bandar kelas kedua atau bandar kecil berdekatan.



Rajah 2.8. Teori Pusat Berganda oleh Harris dan Ullman 1945
 Sumber: diolah daripada Reader (2005)

Perkembangan ilmu dan kajian dalam perancangan serta guna tanah bandar pada dekad seterusnya menyaksikan wujud Teori Guna Tanah Hibrid oleh Leon Moses dan Walter Isard pada tahun 1955 (Isard et al., 1998). Mereka menggabungkan konsep yang terdapat dalam Teori Konsentrasi (Burgess), Teori Sektoral (Hoyt) dan Teori Pusat Berganda (Harris dan Ullman) bagi menerangkan tentang guna tanah bandar.

Kekuatan dalam teori-teori klasik tersebut digunakan bagi merumuskan tentang guna tanah bandar tanpa meninggalkan fungsi atau kewujudan CBD. Peranan sistem perhubungan dianggap penting dalam menjelaskan perubahan guna tanah yang akan berlaku dalam sesebuah bandar. Bahkan, sistem pengangkutan juga dilihat mampu mengubah struktur sosial dan ekonomi masyarakat yang tinggal dalam sesebuah bandar (Rajah 2.9). Justeru, konsep bandar yang dilihat sebagai bersifat monosentrik (iaitu satu titik tumpuan pada satu CBD) menjadi polisentrik (iaitu banyak terdapat CBD). Oleh demikian, teori mereka menjelaskan bahawa rebakan bandar boleh berlaku dengan kewujudan beberapa CBD dan jaringan perhubungan yang memberikan kesan kepada masyarakat bandar.



Rajah 2.9. Teori Guna Tanah Hibrid oleh Moses dan Isard 1955
Sumber: diolah daripada Isard et al. (1998)

Stanislaw Ulam dan John Von Neumann pula memperkenalkan Teori Cellular Automata (atau Automaton) pada tahun 1940 (von Neumann & Burks, 1966; Wolfram, 1983) berasaskan prinsip polisentrik. Teori ini menerangkan tentang konsep rebakan bandar yang berlaku sebagaimana perumpamaan sebuah komputer dalam dunia yang mempengaruhi kehidupan. Seseorang akan terikat dengan teknologi ini dalam kehidupan bandar sepertimana juga bergantung kepada jiran, kawan atau pihak tertentu untuk mencapai kehidupan yang lebih baik. Hal ini berlaku sama seperti sebuah bandar bergantung kepada bandar yang lain. Mereka menggunakan pendekatan bersandarkan kepada hubungan antara pelbagai bandar dalam menentukan rebakan secara lebih cepat.

Berdasarkan kepada perbincangan beberapa teori di atas jelas menunjukkan bahawa rebakan bandar berlaku dalam pelbagai punca, keadaan dan proses yang tersendiri mengikut zaman dan fungsi bandar itu sendiri. Hal ini berlaku pada pandangan Berger (1978), Pacione (2001), Smith (2002) dan Yazid Saleh et al. (2011) adalah disebabkan oleh bandar mempunyai daya dinamik yang tinggi kerana terdapat campur tangan manusia. Malah, teori-teori di atas memperlihatkan bahawa konsep rebakan bandar berlaku dari pendekatan monosentrik kepada polisentrik yang akhirnya menjadikan sesebuah bandar berkembang. Bandar yang berkembang pesat dan membentuk rebakan meluas boleh menyebabkan pelbagai masalah seperti yang dibincangkan sebelum ini, sekiranya tidak mempunyai sistem pengurusan yang sangat cekap. Aspek yang penting diberikan perhatian adalah kesan terhadap gaya hidup masyarakat bandar kerana perkembangan sesebuah bandar adalah bagi memenuhi kepentingan kepada kehidupan organisma (terutamanya manusia) di dalamnya. Sekiranya gaya hidup masyarakat (manusia) gagal dijaga berdasarkan prinsip kebersamaan (seperti

digariskan dalam G1M) akan melahirkan persoalan “untuk apa sesebuah bandar diwujudkan atau dibenarkan merebak sekiranya ia mewujudkan kesan buruk?”.

Walau bagaimanapun, terdapat juga pengkaji yang melihat isu rebakan bandar dari perspektif positif seperti Carruthers dan Ulfarsson (2008), Ding dan Bingham (2000), Harvey dan Clark (1965), Ottensmann (1977) serta Siebert (2003). Bagi mereka, rebakan bandar tidak boleh dilihat hanya sekadar kesan negatif terhadap masyarakat semata-mata kerana kesannya juga mampu memberikan peluang pekerjaan yang lebih meluas, pemilikan harta yang lebih murah bagi mereka yang kurang berkemampuan di kawasan pinggir bandar, mengurangkan tumpuan penduduk dalam kawasan bandar, menyebarkan kemudahan asas ke kawasan luar dengan lebih cekap dan memberikan suasana baharu dalam kehidupan masyarakat selain daripada kawasan tepu bina bandar. Namun demikian, kajian rebakan bandar ini hanya melihat khusus terhadap aspek gaya hidup.

2.6 Senario Rebakan Bandar, Faktor dan Kesannya

Sejarah rebakan bandar sukar untuk dikenal pasti permulaannya menerusi penulisan terdahulu kerana masing-masing bandar di dunia mempunyai proses rebakan tersendiri. Walau bagaimanapun, Boatwright (2000), Starr (1974) dan Taagepera (1979) berpendapat rebakan bandar mungkin bermula seawal Empayar Roman sekitar tahun 600 Sebelum Masihi hingga 600 Masihi. Masyarakat ketika itu berada dalam kota yang penuh dengan kemudahan asas untuk kehidupan lebih selesa dan selamat. Namun demikian, rebakan bandar yang berlaku pada masa tersebut lebih kepada peluasan empayar untuk peluasan kuasa, pengaruh dan bandar taklukan. Kajian ini berpendirian cara rebakan bandar seperti peringkat awal ini yang dinyatakan di atas

bukanlah menjadi sebahagian daripada teori rebakan bandar sebenar-benarnya kerana menjajah bandar atau kota lain untuk dijadikan sebahagian daripada taklukan. Justeru, pandangan penulis-penulis tersebut boleh diperdebat kerana asas bagi konsep rebakan bandar kurang tepat dan agak kabur bersandarkan kepada teori sedia ada (yang dibincangkan dalam Bahagian 2.5).

Aspek yang biasa terdapat dalam karya terdahulu tentang konsep rebakan bandar lebih merujuk kepada peluasan sempadan sesebuah bandar. Hal ini berlaku kerana setiap bandar mempunyai proses peluasan sempadan yang tersendiri serta mempunyai implikasi terhadap masyarakat yang berbeza. Oleh itu, rebakan bandar pada pandangan pengkaji perlu melihat dalam dua belahan utama dunia berbeza iaitu negara maju dan sedang membangun kerana kedua-dua belahan dunia ini memiliki pola atau proses pembangunan tersendiri. Kaedah ini dianggap bersesuaian sebagaimana pendapat Anthony (2004), Byun dan Esparza (2005), Costley (2006) serta Kumar et al. (2011) kerana setiap wilayah perbandaran dunia berbeza budaya dan keutamaannya dalam membentuk masyarakat (Kropf & Malfroy 2017; (Oliveria, Monteiro & Partanen 2015).

Kawasan bandar bagi wilayah maju seperti Amerika Syarikat telah mengalami situasi rebakan sehingga menjejaskan gaya hidup atau nilai kehidupan penghuninya pada suatu ketika dahulu. Menurut Lewyn (2000), pada tahun 1900 setiap bandar di Amerika Syarikat mengalami pertambahan penduduk yang ketara. Sehingga penghujung Perang Dunia Kedua mendapati jumlah penduduk yang tinggal dalam kawasan metropolitan mencecah 70 peratus. Pada pandangan Razin (1998), Razin dan Rosentraub (2000) serta Resnik (2010), kesesakan dalam bandar dan keterjejasan nilai

hidup memaksa masyarakat bandar secara perlahan-lahan keluar ke kawasan pinggiran untuk menikmati kehidupan lebih baik. Dalam tempoh kira-kira 40 tahun, jumlah penduduk dalam bandar menyusut sehingga 60 peratus. Umpamanya, St. Louis mencatatkan pengurangan jumlah penduduk sehingga 60 peratus, Buffalo sebanyak 45 peratus dan Cleveland sebanyak 45 peratus sehingga penghujung tahun 1950. Penduduk yang tinggal dalam kawasan bandar kebiasaannya terdiri daripada pendatang asing yang berhijrah untuk mencari rezeki seperti berlaku di New York dan Los Angeles. Pada tahun 1990, sebanyak 31 daripada 37 bandar besar di Amerika Syarikat mempunyai masyarakat miskin bawah daripada garis kemiskinan negara (Dibble et al., 2016).

Malah, pada tahun 1960 pusat-pusat bandar di Amerika Syarikat meliputi satu per tiga daripada penduduk miskin negara. Hal sedemikian pada pandangan Resnik (2010) telah mendapat perhatian daripada Timbalan Presiden Amerika Syarikat ke-45 pada masa tersebut iaitu Albert Arnold (Al) Gore, Jr. (20 Januari 1993 hingga 20 Januari 2001) serta kumpulan pencinta alam sekitar. Beliau mengkritik tentang kejadian rebakan bandar kerana mempunyai pelbagai masalah seperti kemudahan asas yang semakin lemah, masalah kewangan kerana peningkatan kos pengangkutan, hubungan kekeluargaan yang semakin renggang dan sebagainya berkaitan gaya hidup masyarakat (Dibble et al., 2016).

Menurut Couch et al. (2005), pada tahun 1980an negara Britain memiliki purata kadar tepu bina sehingga 38 peratus dan meningkat kepada 55 peratus pada tahun 2000. Rebakan bandar ini merupakan kesan dasar kerajaan yang mendasarkan pertumbuhan kawasan bandar sehingga 60 peratus. Akibatnya, bandar-bandar bagi kawasan barat

daya Britain yang dahulunya merupakan zon industri dijadikan perumahan bagi menampung permintaan kediaman penduduk bandar. Bahkan, pada tahun 1960 sehingga awal 1970an banyak kawasan baharu dibuka daripada petempatan setinggian. Pembukaan kawasan baharu bagi perumahan dilakukan seperti di Liverpool menjadikan sasaran kerajaan 60 peratus pembangunan bandar termasuk perumahan tercapai pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, sekitar tahun 2001 juga memperlihatkan lebih 90 peratus perumahan baharu dibina serta diduduki oleh penghuni bandar. Ini menjelaskan bahawa, permintaan yang tinggi terhadap perumahan menjadikan sesebuah bandar diserak ke kawasan luar dari pusat bandar sehingga menjadikan bandar terlibat semakin besar. Masalah rebakan bandar ini seterusnya mendapat perhatian daripada kerajaan kerana telah menyebabkan masalah dalam sistem pengurusan bandar, terhapusnya kawasan pertanian dan berlaku kemerosotan nilai masyarakat ekoran daripada pelbagai masalah sosial, hilang pekerjaan, masalah alam sekitar dan pelbagai isu kejuranan (Khan & Siddiqui 2017).

Bagi negara sedang membangun juga tidak ketinggalan dalam isu rebakan bandar seperti di India, China dan Malaysia. Di negara India, proses pembangunan yang pesat banyak disumbangkan oleh sektor perniagaan dan perindustrian. Menurut Dutta (2012), laporan banci di India mendapati pembangunan yang pesat berlaku adalah di luar daripada jangkaan sebenar unjuran pembangunan negara. Bermula sejak India mencapai kemerdekaan pada 1947 sehingga tahun 2001, jumlah penduduk yang tinggal dalam bandar adalah seramai 377 juta dan pada tahun 2011 telah meningkat sebanyak 27.81 peratus. Pertambahan penduduk sama ada secara semulajadi atau kemasukan dari luar kawasan menyebabkan bandar begitu sesak, pembangunan semakin meluas dan rebakan bandar semakin melebar. Hal demikian pada pandangan

Kumar et al. (2011) telah menimbulkan pelbagai masalah dalam sistem pengurusan bandar seperti kekurangan infrastruktur, kekurangan ruang, peluang ekonomi, pemilikan hartanah dan lain-lain keperluan masyarakat. Umpamanya, di Uttar Pradesh telah mengalami masalah kekurangan tanah, kehilangan litupan hutan, kekurangan kemudahan asas dan penggunaan ruang yang sensitif kepada alam sekitar. Hal-hal sedemikian merupakan isu yang perlu dihayati kerana rebakan bandar mampu menyebabkan kemerosotan nilai masyarakat dan pelbagai perkara berkaitannya (Siva Kumar & Tuan Pah Rokiah Syed Hussain 2019a; 2019b).

Begitu juga dengan Negara China, Ke et al. (2009) dan Tong et al. (2010) berpendapat ekonomi Negara China pada tahun 1979 sehingga 2004 telah mengekalkan pertumbuhannya sebanyak 10 peratus setiap tahun yang disumbangkan oleh pelbagai sektor dalam bandar. Pertumbuhan pesat dalam ekonomi dan diikuti oleh fizikal bandar itu sendiri telah menyebabkan penggunaan tanah yang begitu signifikan sehingga tiga kali ganda bagi tempoh tiga dekad. Perkembangan gunatanah melonjak dari tahun 1984 seluas 8,842 km persegi bagi 295 bandar kepada 23,943 km persegi bagi 287 bandar pada tahun 2004. Walaupun terdapat kawasan yang tidak sesuai diduduki, namun begitu rebakan bandar yang berlaku akhirnya mewujudkan masalah keselamatan, jati diri dan alam sekitar bagi setiap bandar terlibat. Hal ini bertambah serius apabila permintaan terhadap perumahan semakin meningkat yang memaksa kerajaan menyediakan ruang bandar bagi kediaman masyarakat. Rebakan bandar ini menyaksikan telah berlaku pelbagai masalah yang berhubungan dengan kehidupan masyarakat. Umpamanya, dari aspek keselesaan, peluang pekerjaan yang menyusut dalam sektor tertentu (seperti pertanian dan penternakan), masalah kejiranan dan sebagainya berkaitan dengan gaya hidup penghuni bandar (Khan & Siddiqui 2017).

Perkembangan bandar-bandar di Malaysia juga memiliki sejarah tersendiri dan tujuan rebakan bandar juga memiliki falsafah hampir sama dengan negara maju, mahu pun sedang membangun lain iaitu untuk menampung keperluan pertambahan penduduk dan kepesatan pembangunan gunatanah bandar. Menurut Abdul Samad Hadi (2010) dan Abdul Samad Hadi et al. (2009), proses perbandaran di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga fasa iaitu perbandaran awal (*nascent*), perbandaran *pseudo* dan perbandaran mega. Fasa perbandaran awal ini lebih menekankan kepada penubuhan bandar-bandar secara kecil-kecilan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi setempat berupa bijih timah, perladangan, keperluan hidup masyarakat setempat dan pusat pentadbiran Inggeris. Bandar Kota (*City State*) yang terkenal pada era tersebut seperti Melaka bukan diwujudkan sebagai asas membangunkan masyarakat, sebaliknya lebih kepada pentadbiran kerajaan dan berperanan dalam hubungan luar negara. Menurut Khoo Kay Kim (1972), masyarakat hanya terdiri daripada petani, nelayan, pekerja ladang dan pelombong yang tinggal kebiasaannya di tebing sungai. Justeru, perbandaran peringkat awal ini lebih kepada mencetus kewujudan bandar berbentuk perkhidmatan dan bukannya menampakkan rebakan bandar (Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Menurut Abdul Samad Hadi (2010), situasi bandar semakin berubah apabila memasuki fasa kedua perbandaran yang dikenali sebagai *pseudo* atau berlaku selepas Perang Dunia Kedua (1947-1970an). Selepas Jepun berundur dari Tanah Melayu, kerajaan Inggeris kembali menguasai pentadbiran dengan merangka dan melaksana sistem pengurusan bandar yang lebih baik. Bermula dari tempoh Jepun berundur itulah, maka kerajaan Inggeris mendirikan kilang pemprosesan bijih timah dan getah untuk membangunkan Tanah Melayu dan bandar-bandar mula berkembang secara

perlahan-lahan. Penduduk juga digambarkan mula terlibat dalam pelbagai sektor pekerjaan seperti pentadbiran kerajaan, perkilangan, buruh ladang, pekerja lombong, nelayan, petani, peniaga dan sebagainya. Justeru, sosioekonomi masyarakat pelbagai kaum menjadi lebih terarah kepada sesuatu sektor atau pengkhususan berasaskan bidang ekonomi. Kesan perbandaran *pseudo* ini akhirnya mencetuskan bandar-bandar di luar kota Kuala Lumpur seperti Petaling Jaya pada tahun 1950an dan sepanjang jalan menghubungkan Pelabuhan Kelang sekitar tahun 1960an dan awal tahun 1970an. (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Begitu juga dengan bandar-bandar bagi negeri lain, selain daripada kawasan Lembah Klang mempunyai sejarah tersendiri berdasarkan susunan yang ditentukan oleh kepentingan Inggeris pada masa tersebut iaitu sebagai tempat pentadbiran. Walau bagaimanapun, Bandar Johor Bahru kelihatan berbeza kerana peranan raja pada zaman penjajahan Inggeris bersifat keserakanan (kekawanan) yang akhirnya negeri ini tidak dijajah sepertimana negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Sebahagian besar daripada kemakmuran Johor boleh dilihat secara langsung menerusi kejayaan Sultan Abu Bakar. Baginda berusaha memujuk pengusaha-pengusaha British dan Cina melabur dalam bidang pertanian. Malah, baginda menunjukkan kecenderungan yang tinggi dalam sistem perancangan kerajaan sehingga negeri ini sinonim dengan jasa yang disumbangkannya. Malah, Bandar Johor Bahru semakin maju dan berkembang setelah *United Malays National Organization* (UMNO) ditubuhkan pada tahun 1946 dengan pelbagai program pembangunan dilaksanakan selaras prinsip kesedaran membangunkan bangsa dan negara (Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Peringkat atau fasa ketiga pula pada pendapat Abdul Samad Hadi (2010) merupakan kemunculan kawasan perbandaran mega sekitar tahun 1970an hingga kini. Bermula pada dekad ini, pembangunan negara disusun dengan baik di seluruh negara, terutamanya melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Dasar ini menekankan kepada perpaduan negara melalui serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan mengstruktur kembali sosioekonomi semua kaum demi membentuk negara yang stabil, harmoni dan maju. Malah, kemajuan ekonomi dan pembangunan masyarakat yang dinikmati pada hari ini merupakan antara jasa yang disumbangkan oleh DEB. Ekoran daripada dasar ini juga lahirnya industri pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan sebagainya yang menampakkan pembangunan meluas berbanding dengan fasa pertama dan kedua (Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Bandar-bandar seluruh negara berkembang pesat bagi menampung kepesatan ekonomi, peningkatan penduduk, permintaan perumahan dan keperluan perniagaan untuk memenuhi permintaan masyarakat. Rebakan bandar berlaku dalam pelbagai keadaan sama ada secara koridor mengikut laluan pengangkutan, koridor wilayah, perkembangan saiz bandar, pembukaan bandar baharu yang bercantum dengan bandar sedia ada dan sebagainya. Hal sedemikian juga turut berlaku terhadap Bandaraya Johor Bahru iaitu bermula dari sebuah bandar kecil sebagai pusat pentadbiran kerajaan negeri dan ibu negeri pada 1 Januari 1896 berkembang menjadi Majlis Bandaran pada tahun 1950. Seterusnya, pada April 1977 diangkat menjadi Majlis Perbandaran Johor Bahru dan sehinggalah pada 1 Januari 1994, ia diangkat menjadi Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana fungsinya yang bukan lagi sekadar sebuah bandar pentadbiran.

Berdasarkan kepada perbincangan tentang rebakan bandar menerusi beberapa buah bandar dalam konteks negara maju dan sedang membangun, kelihatannya memberikan kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat. Menurut Atkinson dan Oleson (1996), Bier (2001), Cinyabuguma dan McConnell (2013), Hortas-Rico dan Sole-Olle (2010) serta Ding dan Bingham (2000), pengakhiran kepada rebakan bandar ini adalah keterjejasan hidup masyarakat kerana boleh mengurangkan kecekapan sistem pengangkutan, kemudahan asas, kawalan sosial, kemusnahan ekosistem, kejadian banjir, pencemaran udara, pencemaran air dan sebagainya. Justeru, Daniels (2001) dan Goetz (2013) mencadangkan agar kajian berkaitan dengan kesan kepada hidup masyarakat bandar perlu dilakukan memandangkan aspek ini merupakan suatu yang penting dalam menentukan keharmonian hidup masyarakat ekoran daripada rebakan bandar (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

2.7 Perbincangan Mengenai Dasar Perbandaran dan Dasar Sosial Negara

Dalam kajian ini antara dasar utama yang perlu dibincangkan adalah berkaitan dengan Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Sosial Negara. Dua dasar ini dianggap penting kerana menekankan halatuju aspek perbandaran dan matlamat sosial negara.

2.7.1 Tumpuan Dasar Perbandaran Negara

Bahagian ini membincangkan dua perkara pokok yang terkandung dalam DPN iaitu berkaitan kandungan utama dan rumusan dasar yang dikaitkan dengan kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat setempat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru. Menurut Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2013), DPN adalah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Ogos 2006 dan

Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-6/2006 pada 8 Ogos 2006. Keperluan tentang DPN bagi memandu perancangan bandar adalah ditekankan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) dan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9).

Secara umumnya, DPN bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan kualiti perkhidmatan bandar ke arah mewujudkan bandar yang selamat, bersistematik, moden dan menarik. DPN juga merupakan suatu pernyataan bertulis yang menggariskan perkara-perkara teras, dasar-dasar dan langkah-langkah bagi memandu, mengurus dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan sistematik. Melalui peruntukan Bahagian IIB, Seksyen 6B(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) yang dipinda pada tahun 2001 (Akta A1129) juga menyatakan bahawa keperluan bagi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa menimbang DPN atau dasar lain yang serupa dalam menyediakan Draf Rancangan Fizikal Negara (RFN). Pada akhirnya, DPN diharap mencapai matlamat "Mewujudkan bandar berwawasan dengan komuniti dan kehidupan yang sejahtera menerusi pembangunan perbandaran yang mapan".

Berdasarkan kepada matlamat di atas, sebanyak enam objektif dikenal pasti bagi membentuk sebuah bandar yang baik iaitu:

- i. membangun bandar yang terancang, berkualiti, progresif dan mapan;
- ii. membangun dan memperkukuh ekonomi bandar yang berdaya saing;
- iii. mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggalakkan pembangunan sosial;
- iv. membasmi kemiskinan bandar;
- v. memperkukuh sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan; dan
- vi. memantap institusi pentadbiran dan pengurusan bandar.

Dari segi falsafahnya pula ia merangkumi sejumlah sembilan asas yang terkandung dalam DPN iaitu:

- i. menjana pembangunan ekonomi bagi kemakmuran negara yang boleh dikongsi dan dinikmati bersama;
- ii. menyediakan perkhidmatan bandar, kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti untuk keselesaan dan kesejahteraan penduduk;
- iii. menekankan aspek keselamatan di dalam bandar;
- iv. memastikan keindahan rekabentuk dan kualiti fabrik bandar berasaskan kebudayaan tempatan negara;
- v. memberi fokus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
- vi. menggalakkan pembangunan sosial dan perpaduan nasional;
- vii. menggalakkan penduduk untuk melibatkan diri dalam membangunkan komuniti masing-masing dengan peningkatan tadbir urus yang lebih efisien dan berkesan;
- viii. membasmi kemiskinan bandar; dan
- ix. sensitif dan inovatif kepada perkembangan dan kemajuan teknologi.

Bagi mencapai objektif DPN, pelaksanaannya memerlukan pelan tindakan yang sesuai dengan persekitaran semasa atau negara. Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia adalah bertanggungjawab menyediakan dan memastikan pelaksanaan DPN. Tanggungjawab pelaksanaan dasar ini perlu dilakukan bersama oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang bertanggungjawab dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran. Justeru, terdapat keperluan untuk mengadakan hubungan kerjasama bagi melaksanakan langkah-langkah yang menjadi tanggungjawab bersama antara pelbagai kementerian, jabatan dan

agensi terbabit. Agensi yang dikenal pasti bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar dan langkah-langkah dalam DPN perlu menterjemahkannya ke dalam program dan projek masing-masing. Cadangan program dan projek ini akan memberi implikasi kewangan yang perlu diserap oleh pelbagai agensi pelaksana dan dijadikan sebagai asas untuk mendapat bajet tahunan dalam Rancangan Malaysia (Rancangan Lima Tahun). Oleh kerana itu, pelaksanaan DPN melibatkan sebanyak enam teras penting bagi mencapai objektifnya iaitu:

i. Teras 1: Pembangunan perbandaran yang efisien dan mampan

Berikut adalah sembilan pernyataan dasar dalam Teras 1 yang digariskan dalam DPN dan perlu dilaksanakan oleh agensi kerajaan terlibat.

1. DPN menjadi rangka kerja asas pembangunan bandar-bandar di Malaysia.
2. Pembangunan bandar-bandar perlu berdasarkan kepada sistem hierarki bandar DPN.
3. Setiap pembangunan bandar perlu berdasarkan kepada Rancangan Pembangunan dan Pemajuan yang disediakan.
4. Had pembangunan bandar ditentukan berasaskan daya tampungan bagi setiap bandar di seluruh negara.
5. Perancangan gunatanah yang optima dan seimbang perlu diberi penekanan dalam pembangunan bandar.
6. Pembangunan bandar perlu memberi keutamaan kepada pembangunan semula di dalam kawasan bandar.
7. Pembangunan kampung di dalam bandar perlu diintegrasikan dengan pembangunan bandar.

8. Kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan pertanian utama perlu dipulihara.
 9. Kawasan lapang dan rekreasi yang mencukupi perlu disediakan mengikut keperluan penduduk.
- ii. *Teras 2: Pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing***

Berikut adalah lima pernyataan dasar dalam Teras 2 yang digariskan dalam DPN dan perlu dilaksana oleh agensi kerajaan terlibat.

1. Pembangunan aktiviti ekonomi bandar yang bernilai tambah dan berintensifkan pengetahuan (k-ekonomi) di semua konurbasi digalakkan.
2. Pembangunan ekonomi Pusat Petempatan Utama dan Kecil perlu digiatkan untuk menyokong peranannya dalam pembangunan wilayah.
3. Bandar-bandar yang mempunyai fungsi dan ciri-ciri khas dibangunkan mengikut potensi dan keistimewaan masing-masing.
4. Peluang pekerjaan terutama kepada kumpulan yang berpendapatan rendah dipertingkatkan dan dipelbagaikan tanpa mengira kaum.
5. Pembangunan kawasan perbandaran akan mengambil kira identiti Malaysia yang melibatkan pelbagai kaum. Penglibatan golongan Bumiputera dan mereka yang berpendapatan rendah dalam sektor ekonomi bandar akan dipertingkatkan. Pada masa yang sama juga kepentingan dan peluang serta potensi masa depan kaum lain yang sedia ada tidak terjejas atau disekat.

iii. *Teras 3: Sistem pengangkutan bandar yang bersepadu dan efisien*

Berikut adalah tiga pernyataan dasar dalam Teras 3 yang digariskan dalam DPN dan perlu dilaksana oleh agensi kerajaan terlibat.

1. Sistem pengangkutan awam yang bersepadu, efisien dan mesra pengguna dibangunkan.
2. Sistem pengurusan lalulintas yang lebih menyeluruh dilaksanakan untuk memastikan pergerakan lalulintas yang lebih cekap dan berkesan.
3. Rangkaian jalan raya yang lebih menyeluruh dibangunkan bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti di dalam dan di antara bandar.

iv. Teras 4: Penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti

Berikut adalah tiga pernyataan dasar dalam Teras 4 yang digariskan dalam DPN dan perlu dilaksanakan oleh agensi kerajaan terlibat.

1. Penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti dipertingkatkan serta memastikan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.
2. Sistem pengurusan sisa pepejal dan toksik yang terancang, berkesan dan mampan perlu dilaksanakan.
3. Kualiti perkhidmatan bandar dipertingkatkan untuk mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa dan sejahtera.

v. Teras 5: Pewujudan persekitaran kehidupan bandar yang sejahtera dan beridentiti

Berikut adalah enam pernyataan dasar dalam Teras 5 yang digariskan dalam DPN dan perlu dilaksanakan oleh agensi kerajaan terlibat.

1. Kemudahan perumahan yang mencukupi disediakan berasaskan keperluan penduduk.
2. Kemudahan awam yang mencukupi, lengkap serta mesra pengguna disediakan dengan pengurusan dan penyelenggaraan yang berterusan.

3. Persekitaran bandar yang selamat perlu diwujudkan.
4. Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang bernilai sejarah, mempunyai warisan budaya dan senibina unik dipulihara dan diwartakan.
5. Kawasan-kawasan dan bangunan-bangunan yang bernilai sejarah, mempunyai warisan budaya dan senibina unik dipulihara dan diwartakan.
6. Pembangunan mapan dan mesra alam dijadikan asas kepada pemuliharaan alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup bandar.

vi. Teras 6: Tadbir urus bandar yang efektif

Berikut adalah empat pernyataan dasar dalam Teras 6 yang digariskan dalam DPN dan perlu dilaksana oleh agensi kerajaan terlibat.

1. Keupayaan institusi perlu diperkukuhkan untuk melaksanakan pentadbiran dan pengurusan bandar yang lebih cekap dan berkesan.
2. Amalan tadbir urus korporat yang baik untuk menggalakkan budaya pengurusan yang terbuka, berintegriti dan bertanggungjawab.
3. Penglibatan masyarakat digalakkan dalam perancangan dan tadbir urus bandar.
4. Penggunaan teknologi inovatif dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan bandar.

Secara umumnya, kajian kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat setempat boleh memberikan input pemantapan kepada DPN. Penelitian terhadap DPN mendapati ia mementingkan kepada pembangunan fizikal dan sosial. Dari segi tujuan DPN adalah baik iaitu untuk meningkatkan keberkesanan kualiti perkhidmatan bandar ke arah mewujudkan bandar yang selamat, bersistematik, moden dan menarik. Malah, DPN juga menggariskan perkara-perkara teras, dasar-dasar dan langkah-langkah bagi

memandu, mengurus dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan sistematik. Begitu juga dengan matlamatnya untuk mewujudkan bandar berwawasan dengan komuniti dan kehidupan yang sejahtera menerusi pembangunan perbandaran yang mampan. Hal sedemikian menggambarkan bahawa DPN adalah baik dalam merangka sistem pengurusan bandar pada masa kini dan akan datang kerana mempertimbangkan kepentingan pembangunan dan kesejahteraan masyarakat atau pembangunan sosial. Walaupun kelihatan DPN memberikan penekanan kepada pembangunan bandar dan kesejahteraan masyarakat atau pembangunan sosial, namun begitu dari sudut kesan rebakan bandar tentang gaya hidup masyarakat setempat kelihatan masih samar. Kesamaran yang dimaksudkan adalah dalam konteks tujuan, matlamat, falsafah mahupun dalam kesemua teras DPN. Dalam keseluruhan buku garis panduan DPN, aspek kepentingan mewujudkan gaya hidup masyarakat yang berteraskan dasar umum sosial iaitu G1M masih memerlukan penelitian kembali. Justeru, sumbangan dasar dalam konteks DPN bagi kajian ini dilihat relevan kerana gaya hidup masyarakat berteraskan hasrat negara adalah perlu dalam melakar pembangunan berpaksikan hasrat negara sebagaimana dijelaskan dalam G1M.

2.7.2 Dasar Sosial Negara

Di Malaysia, pembangunan sosial bergerak selari dengan pembangunan politik sejak 50 tahun lalu. Sejak itu, Malaysia telah melalui proses transformasi sosial yang pesat dan membanggakan. Diletakkan di bawah pemantauan kerajaan, perubahan sosial dan pembangunan telah menyerlahkan perubahan yang besar ke atas kehidupan masyarakat (Mohamad Zahir Zainuridin et al., 2015).

Selepas beberapa tahun mendapat kemerdekaan dari Britain dalam tahun 1957, Bank

Dunia menempatkan Malaysia sebagai negara berpendapatan menengah. Semenjak itu, negara ini terus menikmati kemakmuran ekonomi. Bermula sebagai negara pengekspor komoditi seperti getah, timah, minyak sawit dan petroleum, kini Malaysia meningkatkan jumlah pendapatan sehingga tujuh peratus sejak tahun 1970 hingga 2000.

Dari 2001 hingga 2010, pembangunan turun dan naik di antara empat hingga 5 peratus setahun kerana iklim ekonomi yang kurang memberangsangkan. Kesan besar peningkatan pendapatan ini ialah pengurangan kadar kemiskinan (2.5 peratus 2010) berbanding dengan separuh penduduk negara yang miskin pada 1970 (49.3 peratus). Peningkatan per kapita penduduk yang meningkat kepada US\$14,700 dalam 2010, menokok daripada US\$13,900 pada 2009. Pencapaian ini menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan menengah atas, suatu keadaan yang menggambarkan pertumbuhan ekonomi yang pesat telah dialami sejak kerajaan memperkenalkan beberapa dasar yang menyokong usaha ke arah pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Malaysia adalah sebuah negara yang meraikan masyarakat majmuk dengan penduduk Melayu dan bumiputera membentuk 66 peratus, Cina (26 peratus) dan India (8 peratus). Bagaimanapun, rusuhan kaum yang paling buruk dalam sejarah negara ini telah mengubah strategi dan pendekatan kerajaan untuk memakmurkan ekonomi. Dalam tindakan pantas dan tegas, kerajaan telah merumuskan bahawa dasar ekonomi dan sosial harus mengambil kira pendapatan setiap kaum dan mengagihkan kekayaan yang sama rata kepada semua rakyat. Usaha-usaha yang berterusan selepas itu telah

berjaya membendung jurang perbezaan pendapatan yang ketara dan peningkatan ekuiti Melayu dan bumiputera dapat digandakan (Abdul Aziz Rahman et al., 2016).

Ketika merdeka, Malaysia mempunyai jumlah penduduk sebanyak 7.4 juta namun pertambahan penduduk semakin pesat sehingga mencecah 27.6 juta orang pada 2010. Peningkatan penduduk bumiputera lebih besar kerana kadar kesuburan kelompok itu lebih tinggi.

Sebelum 1957, kegiatan utama ekonomi rakyat ialah penanaman getah dan pengeluaran timah. Perusahaan lain ialah industri berskala kecil dan sebahagian besarnya berasaskan keluarga. Kerajaan menggalakkan kepelbagaian ekonomi dengan memberi perhatian kepada sektor industri dan perkhidmatan yang memberi pendapatan lebih besar dan membuka peluang pekerjaan kepada penduduk. Perbandaran yang pesat telah menggalakkan pembukaan kawasan perumahan dan bandar-bandar baru. Pada 2005, dianggarkan sebanyak 63 peratus penduduk negara ini tinggal di kawasan bandar berbanding hanya satu perempat dalam 1957. Walaupun penghijrahan ke bandar lebih pesat pada hari ini, dari segi sejarahnya, masyarakat Melayu dan bumiputera masih dianggap sebagai penduduk luar bandar, manakala kaum Cina lebih ramai di bandar (Jazimin Zakaria1 & Sity Daud 2018).

Sejak 1970, Malaysia telah merangka strategi pembangunan ekonomi kepada tiga fasa pembangunan jangka panjang iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970–90, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 1990–2000 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) 2001-10. Walaupun penekanan dalam dasar pembangunan jangka panjang ini

mempunyai impak ke atas pertumbuhan ekonomi, pembangunan yang dirancang itu telah memberi manfaat kepada semua kaum dan dilihat adil dalam agihan kekayaan ekonomi. Objektif DEB terus dibawa dalam dua dasar seterusnya dengan usaha pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Selepas merdeka, pertumbuhan ekonomi Malaysia dapat dibahagikan kepada empat peringkat.

Pertama, dari 1957 hingga 1970, iaitu meneruskan tradisi sebagai pengeluar getah dan timah. Pembangunan pada ketika ini lebih menekankan kepada pembangunan infrastruktur dan pertumbuhan ekonomi yang tinggi. Rancangan Malaya Pertama hingga Rancangan Malaysia Pertama menggariskan aspirasi nasional iaitu meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, mempelbagaikan perusahaan serta memperbanyakkan kemudahan infrastruktur dan sosial. Dasar perancangan di peringkat ini ialah menggalakkan penyertaan rakyat di luar bandar dalam program pembangunan kerajaan. Rancangan kerajaan pada ketika ini juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui perkembangan sektor industri domestik diharap dapat melimpahkan ruang untuk orang miskin turut serta dalam ekonomi negara.

Kedua, dari 1971 hingga 1990 iaitu langkah menstrukturkan semula ekonomi dan dianggap sebagai permulaan pembangunan dalam sejarah Malaysia moden. Ketika ini diperkenalkan Rancangan Malaysia Kedua. Kepincangan dasar kerajaan yang sebelum ini telah dikaji dan diberi nafas baru melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang menekankan aspek kemiskinan dan usaha untuk penyusunan masyarakat. Sepanjang tempoh ini, Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima telah

mempunyai matlamat yang konsisten iaitu ke arah pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Ini dicapai melalui rancangan yang lebih giat dalam pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar, penggembleran sumber manusia secara lebih berkesan dan pengagihan kemudahan pembangunan secara sama rata antara wilayah dan strata penduduk.

Dasar baru dalam era ini menekankan elemen-elemen, 1) pembangunan luar bandar yang lebih intensif, 2) penyertaan rakyat dalam perancangan dan pembangunan, 3) peluang kemudahan pelajaran, kesihatan, perumahan yang sama rata, 4) peluang pekerjaan ditingkatkan dalam sektor swasta dan kerajaan, 5) kewujudan agensi berasaskan komoditi, penerima dan wilayah dengan kumpulan sasar yang telah ditetapkan, dan 6) peningkatan pertumbuhan ekonomi melalui perdagangan dan perindustrian.

Ketiga, dari tahun 1991 hingga 2010 iaitu fasa pertumbuhan yang sukar kerana berlakunya krisis kewangan Asia pengenalan kawalan pertukaran mata wang. Peringkat ini juga dianggap sebagai tempoh persediaan untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020. Iklim ekonomi global dilihat mengganggu rentak Malaysia ke arah status negara maju tersebut. Pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) Kedua iaitu Dasar Pembangunan Nasional telah digubal untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 dan ianya adalah susulan daripada RRJP Pertama iaitu Dasar Ekonomi Baru yang lebih menjurus kepada matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan fungsi ekonomi mengikut kaum (Jazimin Zakaria1 & Sity Daud 2018).

DEB berakhir pada tahun 1990. Ia digantikan dengan DPN. DPN sebenarnya adalah DEB dalam bentuk yang baru iaitu ia telah digubal dengan iktibar DEB. DPN dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun seperti yang direncanakan dalam RRJP2 (1991-2000). Ia merupakan satu pertiga daripada wawasan 2020 (1991-2020) yang sebenarnya mencakupi Rancangan Malaysia Ke-6 hingga Rancangan Malaysia Ke-11.

Keempat, pengenalan Penekanan pembangunan abad ke 21 ini diteruskan dalam Rancangan Rangka Jangka Panjang RRJP ketiga meliputi tahun 2001-2010. RRJP 3 merangkumi Dasar Pembangunan Nasional yang telah menggariskan beberapa strategi untuk membawa Malaysia ke arah negara maju pada abad ke 21. Ia di bantu oleh Rancangan Malaysia Kelapan RMK 8 dengan matlamat mencapai objektif DPN ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan dan teguh disertai dengan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu dan saksama menikmati pembangunan. Rangka kerja RMK-9 dibuat atas kesedaran untuk mencapai status negara maju berasaskan acuan dan kemampuan sendiri bagi membolehkan keupayaan bersaing di peringkat global, mengukuhkan perpaduan dan mengurangkan polarisasi kaum serta mewujudkan keseimbangan pendapatan dan kekayaan.

Mencapai Agenda Wawasan 2020 ke arah Negara Maju. Rangka kerja RMK-9 dibuat atas kesedaran untuk mencapai status negara maju berasaskan acuan dan kemampuan sendiri bagi membolehkan keupayaan bersaing di peringkat global, mengukuhkan perpaduan dan mengurangkan polarisasi kaum serta mewujudkan keseimbangan pendapatan dan kekayaan. Aspek penting dalam dalam RMK-9 adalah pembangunan modal insan iaitu, 1) memerlukan keupayaan dan keperibadian masyarakat, 2) tidak

hanya memiliki “infrastruktur Kelas Pertama tetapi `Mentaliti Kelas Ketiga”, 3) melahirkan masyarakat `Mentaliti Kelas Pertama”, 4) menekankan kepada modal insan yang menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi, nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi.

Lima teras Rancangan Malaysia Kesembilan ialah 1) meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi (KDNK 6-6.5 setahun), 2) meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta “memupuk minda kelas pertama”, 3) menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, 4) meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup, dan 5) mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan Abdul Aziz Rahman et al., 2016; Jazimin Zakaria¹ & Sity Daud (2018).

2.8 Kajian Lepas Tentang Rebanan Bandar dan Sumbangan Keilmuan

Berdasarkan kepada fokus kajian terdahulu tentang rebanan bandar memperlihatkan bahawa terdapat pelbagai isu yang pernah diteliti iaitu dari sudut pengurusan, punca rebanan, motivasi masyarakat, indeks rebanan, pembinaan model, kecukupan bandar, rupa bentuk dan kesan ke atas pelbagai aspek dalam ekosistem bandar, kecuali kesan rebanan bandar terhadap gaya hidup masyarakat yang tinggal dalam lingkungan bandar. Aspek yang paling banyak diteliti oleh pengkaji terdahulu adalah kesan rebanan bandar terhadap pelbagai sudut iaitu sosial, ekonomi, politik, pengurusan sehingga kepada alam sekitar.

Menurut Terzi dan Bolen (2009), rebanan bandar memberikan kesan terhadap kemerosotan kualiti dan kuantiti sumber alam disebabkan oleh perubahan guna tanah semata-mata untuk menampung peningkatan penduduk. Malah, Stone Jr. (2008),

Torres et al. (2007); Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018 dan Mohd Fadzil Abdul Rashid 2016), juga mendapati rebakan bandar cenderung meningkatkan darjah kemerosotan kualiti alam sekitar terutamanya kualiti udara kesan daripada peningkatan jumlah kenderaan bermotor dan penyusutan kadar litupan hijau. Isu alam sekitar ini juga turut dibincangkan oleh Abdul Samad Hadi (2010) dan Samruhaizad Samian @ Samion et al. (2014) yang menyatakan alam sekitar bandar boleh menjadi musnah disebabkan oleh pembangunan sesebuah bandar yang semakin meluas. Malah, dari aspek pengangkutan juga, Nam et al. (2012) berpendapat ia boleh meningkatkan kesesakan jalan raya dan penggunaan bahan api akibat kawasan bandar yang semakin luas.

Menurut Ewing et al. (2003), rebakan bandar cenderung mewujudkan masalah kepada lalulintas dan pejalan kaki yang akhirnya meningkatkan kadar kematian pengguna jalan raya dan risiko kepada mereka yang berjalan. Lambert dan Meyer (2006) berpendapat bertambah buruk lagi apabila kesesakan lalulintas mengurangkan kecekapan dalam sistem menyelamatkan kerana mengambil masa yang lebih lama untuk sampai ke sesuatu tempat. Perkara ini suatu yang mendukacitakan kerana kajian oleh Lambert et al. (2012) mendapati tempoh masa yang lama boleh menyebabkan kehilangan nyawa sekiranya kebakaran berlaku. Dalam konteks lalulintas juga, kajian pernah dilakukan oleh Su dan DeSalvo (2008) terhadap aspek subsidi pengangkutan yang dilihat turut terkesan dengan rebakan bandar. Hal ini berlaku disebabkan oleh penggunaan bahanapi yang banyak menyebabkan kos pengangkutan meningkat yang akhirnya pengangkutan awam dan persendirian memerlukan subsidi bahanapi untuk menampung beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Hal ini juga berkaitan dengan kajian Sultana dan Weber (2014) iaitu menyatakan bahawa masyarakat yang

tinggal dalam bandar semakin merebak memerlukan kenderaan persendirian bagi memudahkan pergerakan seharian, sekaligus turut meningkatkan jumlah penggunaan dan kos bahanapi (Sharif Shofirun Sharif Ali et al., 2019).

Kesan daripada aspek perbelanjaan kerajaan terhadap pengurusan bandar pernah dikaji oleh Carruthers dan Ulfarsson (2008) serta Hortas-Rico dan Sole-Olle (2010) mendapati bahawa rebakan bandar yang berdensiti rendah menyebabkan kos penyediaan kemudahan awam atau prasarana bandar semakin meningkat. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Pirotte dan Madre (2011) mendapati rebakan bandar dalam satu sudut lain mampu meningkatkan kutipan cukai pintu, manakala Song dan Zenou (2008) berpendapat ia juga dapat meningkatkan cukai harta selain daripada kediaman kerana kawasan litupan bandar semakin meluas. Pada masa yang sama juga, Cho dan Roberts (2007), Livanis et al. (2006) serta Ottensmann (1977) berpendapat walaupun kutipan cukai menjadi lebih berkesan tetapi pada sudut nilai hartanah menjadi semakin tinggi disebabkan tanah kawasan ini menjadi terbandar. Dari satu sudut, ia menguntungkan pemilik tanah dan dari sudut lain menyusahkan kepada mereka yang memerlukan tanah kerana peningkatan harga berlaku dengan mendadak (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Dari aspek peluang pekerjaan pula pernah dikaji oleh Carruthers dan Vias (2005) serta Gilli (2009), hasil kajian mereka mendapati rebakan bandar memberikan kesan baik kepada masyarakat disebabkan peningkatan jumlah lot perniagaan, perkilangan dan sebagainya. Hal ini ada kaitan dengan kajian yang dijalankan oleh Ding dan Bingham

(2000) serta Prud'homme dan Lee (1999) yang menyatakan serakan bandar adalah suatu bentuk peluasan fungsi bandar ke kawasan pinggiran yang menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat. Peluang-peluang pekerjaan ini merupakan kesan baik yang harus diterima dan sebilangan pendapat yang menyatakan terdapat kesan negatif hasil rebakan bandar.

Rebakan bandar dari aspek kesihatan berkenaan fenomena kegemukan seseorang pula pernah dikaji oleh beberapa pengkaji lepas seperti Eid et al. (2006), James et al. (2013), Lathey et al. (2009), Lopez (2004) serta Platinga dan Bernell (2007a; 2007b). Kajian mereka mendapati fenomena kegemukan berlaku disebabkan oleh kurangnya berjalan kaki atau sering menggunakan kenderaan walau ke mana sahaja mereka pergi, sama ada jauh atau dekat. Malah, mereka lebih suka berada dalam kawasan tertutup untuk melindungi diri daripada bahang atau panas matahari disebabkan oleh suhu bandar yang tidak selesa apabila semakin meluasnya rebakan bandar. Oleh itu, rebakan bandar pada pandangan mereka boleh memberikan kesan negatif kepada kesihatan yang perlu diatasi dengan suatu sistem pengurusan bandar lebih baik.

Dari aspek kesan sosial pula, kajian pernah dilakukan oleh Sandow (2014) yang menyatakan bahawa aktiviti sosial masyarakat akan merosot terutamanya kaum lelaki berbanding wanita kerana tempoh masa dan jarak ulang-alik ke sesuatu lokasi adalah memakan masa. Begitu juga dari aspek sosiobudaya, kajian oleh Power (2001) mendapati kesibukan seharian masyarakat di atas jalan turut menghadapi pelbagai masalah lain seperti kewangan, tekanan perasaan dan alam sekitar yang kurang bersih. Dari aspek kejiranan pula, kajian pernah dilakukan oleh Cinyabuguma dan McConnell (2013) mendapati isu kejiranan yang merosot akibat rebakan bandar berlaku yang

memerlukan kerajaan memandang serius akan hal ini kerana ia suatu penyakit masyarakat bandar yang berlarutan sehingga kini (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Kajian berkaitan dengan punca berlakunya rebakan bandar dan kesan terhadap kepadatan rebakan pernah dikaji oleh Tsai (2005) dan hasil kajian mendapati kepadatan sesebuah bandar adalah bergantung kepada tahap, saiz, kepadatan aktiviti dan taburan aktiviti bandar. Kajian oleh Wassmer (2008) terhadap punca rebakan bandar pula mendapati darjah rebakan bandar bergantung kepada penggunaan kenderaan iaitu semakin banyak menggunakan kenderaan maka semakin meluas kawasan rebakan berlaku. Bagi Ke et al. (2009) pula berbeza kerana punca rebakan bandar bergantung kepada faktor jumlah penduduk, pendapatan, kos ulang-alik dan harga tanah. Semakin meningkat keempat-empat perkara tersebut, maka semakin besar kecenderungan berlakunya rebakan bandar kerana penduduk meningkat, pendapatan meningkat membolehkan pembangunan bergerak dengan pantas, kemampuan berulang-alik dan kemampuan memiliki hartanah juga meningkat.

Lain-lain kajian terdahulu adalah berkenaan dengan kesan rebakan bandar terhadap sistem politik dan pengaruhnya terhadap pola pengundian. Kajian oleh Williamson (2008) mendapati rebakan bandar memberi kesan terhadap pengundi dari segi pemikiran. Kesan yang jelas kelihatan adalah lebih sokongan kepada kumpulan lawan berbanding dengan pemerintah disebabkan oleh perbezaan gaya hidup. Kajian lain pula dijalankan oleh Wiewel dan Schaffer (2001) berkaitan dengan motivasi masyarakat bagi memastikan hidup mereka lebih baik dalam konteks rebakan bandar.

Mereka mengambil kaedah mempedulikan alam sekitar, menitikberatkan kualiti hidup, mengutamakan kecekapan pemerintah, meningkatkan daya saing ekonomi dan mengekalkan kesamarataan status atau kepentingan dalam masyarakat.

Malah, Heim (2001) mendapati rebakan bandar biasa berlaku dalam bentuk *leapfrog* kerana pembangunan yang berlaku dalam kawasan luas cenderung untuk membangunkan sesuatu kawasan tertentu berdasarkan tarikan tersendiri seperti estetik, nilai hartanah, kepentingan kawasan dan sebagainya. Oleh itu, semakin jauh dari kawasan CBD, maka semakin rendah kepadatan pembangunan. Hal ini turut disokong dalam kajian oleh Kumar et al. (2011) yang menyatakan bentuk rebakan bandar ini semakin longgar ke arah pinggir (sebagaimana perbincangan tentang konsep dan teori rebakan bandar dalam bab berikutnya).

Dari aspek pengurusan pula, kajian terdahulu meneliti dalam skop dasar, undang-undang, mekanisma struktural, model dan pembentukan indeks rebakan bandar. Aspek peranan kerajaan dalam mengatasi masalah rebakan bandar ini pernah dikaji oleh Katz (2000) dan beliau mendapati pengubahsuaian serta desentralisasi lokasi perumahan serta pekerjaan mampu menangani kesan terhadap ekonomi bandar, alam sekitar, kebajikan awam juga kualiti hidup. Terzi dan Bolen (2012) pula mengkaji tentang dasar pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah daripada rebakan bandar. Mereka berpendapat, langkah perancangan bandar tidak berjaya disebabkan oleh dasar sedia ada tidak mengawal penggunaan atau pembangunan tanah secara tegas. Sekiranya dilakukan dengan tegas atau sistematik, dasar tersebut boleh menyelesaikan masalah rebakan bandar (Brody et al., 2006; Razin, 1998). Menurut Anthony (2004), Lichtenberg dan Hardie (2007) serta Razin (1998), adalah lebih baik sekiranya

terdapat undang-undang khas bagi antirebakan bandar yang membawa kesan negatif sebagai gabungan bersama-sama dengan dasar berkaitan rebakan bandar. Malah, usaha secara struktural seperti kajian Chong dan Chang (2013) dengan mereka bentuk bangunan bertingkat dilihat kurang berjaya dalam mengatasi masalah kesan rebakan bandar kerana tidak begitu mendapat sambutan pelbagai pihak (Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).

Page et al. (2003) pula mencadangkan langkah pengurusan rebakan bandar dengan menggunakan model teknologi berasaskan digital iaitu dengan memasukkan segala maklumat dalam sistem komputer bagi memudahkan perancangan dan pemantauan. Bagi Daniels (2001) dan Gainborough (2002), mereka mencadangkan model cukai dan harga tinggi terhadap pembangunan dan guna tanah baharu agar dapat memperlambatkan rebakan bandar, malah pada masa yang sama dapat meningkatkan cukai kerajaan. Kajian oleh Tong et al. (2010) pula lebih kepada pemetaan rebakan bandar bagi menghasilkan ciri-ciri tertentu untuk penghasilan model yang dapat membantu pengurusan rebakan bandar.

Berbeza pula dengan Salvati (2014) kerana beliau menyumbangkan hasil kajian terhadap penghasilan Indeks Rebakan Bandar. Penunjuk indeks yang diguna pakai adalah morfologi bandar, ciri-ciri petempatan dan kedinamikan demografi kerana sesebuah bandar umumnya merangkumi perkara-perkara asas tersebut. Bagi Frenkel dan Ashkenazi (2008), penunjuk indeks yang digunakan adalah berbeza kerana berdasarkan kediaman, industri, institusi, guna tanah bercampur bagi Daerah Pusat

Perniagaan (CBD), kawasan lapang, pertanian, kegunaan khas, tempat membeli-belah dan tanah tidak digunakan.

Kajian oleh Rosniza Aznie Che Rose et al. (2002) ke atas Bandaraya Johor Bahru berkaitan kesan rebakan bandar adalah melibatkan hierarki kepentingan konflik tertinggi yang dialami oleh penduduk di kawasan kajian. Berdasarkan jumlah 90 responden yang terpilih, kajian mendapati konflik tertinggi ialah berkaitan ruang parkir (32%), diikuti konflik ruang halaman rumah (29%), keselamatan anak (19%), konflik antara dan dengan warga asing (8%) serta keselamatan harta benda (2%). Ini menunjukkan bahawa semakin meluas bandar, maka isu-isu sedemikian akan wujud.

Satu-satunya pengkaji dapat mengesan kajian tentang gaya hidup dan kaitannya dengan rebakan bandar atau disebut sebagai perbandaran Bandaraya Johor Bahru adalah daripada Er Ah Choy et al. (2002). Kajian mereka mendapati 41 peratus bersetuju dan 33 peratus lagi sangat bersetuju bahawa peluasan kawasan bandar di Bandaraya Johor Bahru memberikan pengaruh kepada perubahan gaya hidup masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak pula memperincikan konstruk ukuran secara jelas bagi menentukan gaya hidup.

Kajian mereka hanya menyatakan bahawa rebakan bandar ini meninggalkan kesan ketara kepada perubahan aspek gaya hidup secara umum, walau bagaimanapun kajian ini tanpa menyatakan konstruk ukurannya secara jelas dan memfokuskan pula kepada Wilayah Pembangunan Iskandar. Beliau berpendapat bahawa kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup adalah paling utama kerana masalah gaya hidup berpunca daripada pendatang atau lain-lain pengaruh semasa merupakan cetus daripada faktor

pemandangan yang semakin besar. Lantas, akhirnya mewujudkan pelbagai masalah seperti pecah rumah, kecurian, pergaduhan sesama mereka dan pengamalan gaya hidup yang tidak selaras dengan gaya hidup rakyat Malaysia. Contohnya, terdapat sebilangan warga Vietnam di Johor Bahru yang menjadikan anjing dan kucing peliharaan penduduk tempatan sebagai makanan mereka (Utusan Melayu, 25 Februari 2007; Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun 2018; Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016).


Berdasarkan kepada perbincangan kajian lepas tentang rebakan bandar mendapati terdapat dua perspektif kesan bertentangan iaitu rebakan membawa kesan negatif dan satu pandangan lain membawa kesan positif kepada masyarakat. Penulisan tentang rebakan bandar ternyata menyebelahi kesan negatif terhadap masyarakat dan kerajaan dalam pelbagai sudut. Walau bagaimanapun, bukan kesan positif atau negatif yang perlu dibahaskan di sini kerana tujuan ulasan kajian lepas adalah bagi meneliti skop atau perkara yang pernah dikaji oleh sarjana sebelumnya berkaitan dengan rebakan bandar. Hasil penelitian mendapati bahawa satu aspek dalam kesan rebakan bandar adalah berkaitan sosial menjadi tarikan kepada pengkaji iaitu gaya hidup. Namun begitu, kajian oleh Er Ah Choy et al. (2002) kelihatan masih gagal menentukan konstruk ukuran yang dikatakan maksud gaya hidup masyarakat akibat rebakan bandar di Bandaraya Johor Bahru. Sedangkan, Berzano dan Genova (2015) berpendapat bahawa gaya hidup seseorang penting dilihat dalam konteks masyarakat kerana ia berkaitan dengan kepribadian individu dari sudut psikologi seperti sikap, nilai, aktiviti, minat dan pandangan. Gaya hidup yang menyimpang daripada norma asal masyarakat dibimbangi boleh menghakis pegangan asal dan menyalahi tatacara kehidupan berbudaya setempat. Justeru, sumbangan keilmuan bagi kajian ini adalah

dalam konteks kesan rebakan bandar terhadap aspek sosial iaitu gaya hidup masyarakat setempat dengan memfokuskan kepada satu daripada bandaraya di Malaysia iaitu Johor Bahru menggunakan konstruk ukuran berdasarkan psikologi dan alat ukuran terlibat adalah psikografik gaya hidup.

2.9 Kerangka Konseptual Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengukur kesan rebakan Bandaraya Johor Bahru (dalam kawasan MJB) berdasarkan kepada dua zon atau kawasan perkembangan bandar terhadap gaya hidup masyarakat dalam kawasannya. Oleh kerana itu, kerangka konseptual kajian meletakkan bahawa Pemboleh ubah Bebas (X atau *Independent Variable* atau IV) adalah melibatkan dua zon rebakan bandar iaitu Zon 1 dan Zon 2, sementara Pemboleh ubah Bersandar (Y atau *Dependent Variable* atau DV) adalah kesan gaya hidup melalui pengukuran secara psikografik gaya hidup (Rajah 2.10).

Berdasarkan kepada perbincangan tentang pengukuran psikografik gaya hidup menerusi Bahagian 2.3 (Jadual 2.2) sebelumnya, kajian mendapati terdapat sebanyak tujuh perkara (konstruk) iaitu nilai, sikap, pandangan, minat, kehendak, kepercayaan serta aktiviti dan rutin harian hidup yang perlu diukur kepada masyarakat setempat. Pengukuran ini melibatkan gaya hidup sebelum dan semasa berlakunya rebakan bandar bagi kawasan Zon 1 dan Zon 2. Secara umumnya, kajian menghujahkan bahawa perubahan dalam rebakan bandaraya memberikan kesan terhadap gaya hidup masyarakat yang mendiami kawasan terlibat.



Rajah 2.10. Kerangka konseptual kajian

Keseluruhan harapan negara tentang nilai murni acuan negara berkaitan gaya hidup masyarakat dimuatkan dalam G1M kerana gagasan ini adalah dasar umum negara yang akan memandu perancangan negara untuk masyarakat ke arah menuju sebuah negara maju, sama ada Wawasan 2020 atau Transformasi Negara 2050 (TN50). G1M

pada asasnya diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak pada April 2009 untuk mewujudkan perpaduan kaum atau kesatuan bangsa dan budaya. Menurut Ismail Ibrahim (2010) dan MAMPU (2009), gagasan ini menyarankan agar pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggung jawab demi kepentingan rakyat sepertimana slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Kerajaan akan mengambil tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik atau kaum dalam negara. Ini bukan bererti untuk menolong kaum bumiputera semata-mata, tetapi turut menjaga kepentingan semua kaum di Malaysia secara adil dan saksama.

Berdasarkan Malaysia (2012), gagasan ini memerlukan setiap warganegara dan pemimpin memainkan peranan masing-masing agar hasrat kerajaan mencapai status negara maju dapat digapai dengan mudah. Dengan kata lain, G1M merupakan konsep menyatukan kaum untuk menuju matlamat negara maju pada tahun 2020. Setiap kaum perlu berfikir bukan hanya untuk kaum masing-masing, sebaliknya pemikiran mereka ke arah kesejahteraan dan kemajuan bersama. Oleh itu, Asrizal Mohamed Radzi (2013) berpendapat perasaan hormat antara satu sama lain perlu dipupuk agar penghayatan nilai-nilai murni dalam gagasan ini dapat membentuk perpaduan kaum pada masa kini dan akan datang. Menurut Malaysia (2012), nilai-nilai murni paling penting dalam sesebuah masyarakat walau zaman berubah yang digariskan dalam G1M adalah: pertama, perasaan hormat-menghormati; kedua, rendah hati; ketiga, kesederhanaan; dan keempat, berbudi-bahasa. Bagi Ismail Ibrahim (2009; 2010), gaya hidup sedemikian (berasaskan nilai-nilai murni dalam G1M) mempunyai

keistimewaannya dalam pembentukan bangsa yang berbilang kaum dan hidup dalam sesebuah komuniti.

Dari segi konseptualnya, setiap item nilai-nilai murni yang dimaksudkan dalam G1M adalah seperti berikut:

- a. hormat-menghormati antara semua kaum termasuk menghormati adat resam serta budaya kaum lain. Rasa hormat ini juga menuntut agar tidak mengeluarkan kata-kata kesat tentang kaum lain dan juga tidak mempersoalkan peruntukan-peruntukan undang-undang yang menyentuh sensitiviti kaum.
- b. rendah hati (tawadhu) adalah perasaan insaf bahawa semua adalah rakyat dalam satu negara yang sama (seperti dalam sebuah kawasan bandar) perlu hidup bersama secara harmoni. Ia juga merangkumi pengertian bahawa setiap kaum, malah setiap individu ada kelemahan dan kelebihan yang tersendiri dan seharusnya memanfaatkan kelebihan masing-masing demi untuk memperkukuh masyarakat dan negara.
- c. kesederhanaan adalah pendekatan sederhana dalam apa jua isu yang berbangkit. Dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, tindakan atau tutur kata bersifat ekstrim tidak boleh diterima kerana boleh membawa kepada masalah ketidakstabilan sosial.
- d. berbudi-bahasa ialah tutur kata dan tingkah laku yang tertib dan berpaksikan kesantunan dalam segala interaksi atau perhubungan dengan pihak lain bagi menjana kerjasama dan permuafakatan yang lebih erat.

Keempat-empat nilai murni dalam G1M sekiranya diperhalusi ia mampu mengikat kesemua tujuh konstruk psikografik iaitu nilai baik, sikap positif, pandangan baik, minat baik, kehendak positif, kepercayaan betul serta aktiviti dan rutin harian yang baik. Dengan kata lain, kesemua konstruk psikografik gaya hidup perlu berpaksikan kepada keempat-empat nilai murni G1M agar masyarakat di Bandaraya Johor Bahru dapat hidup dalam keadaan selesa dan harmoni, sekalipun berlaku rebakan bandar yang menimpa persekitaran gaya hidup mereka.

Justeru, dalam konteks definisi konsep dan operasi setiap konstruk psikografik gaya hidup ia memerlukan sebuah takrifan yang jelas iaitu bagi nilai baik, sikap positif, pandangan baik, minat baik, kehendak positif, kepercayaan betul serta aktiviti dan rutin harian yang baik. Takrifan konseptual dan operasional bagi setiap konstruk psikografik gaya hidup adalah sebagaimana dibincangkan dalam Bahagian 2.3 (Model Psikografik).

2.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang pembentukan kerangka konseptual kajian. Justeru, perkara penting dibincangkan adalah soal teori rebakan bandar dan asas teori bagi pembentukan penunjuk psikografik. Malah, turut dibincangkan adalah tentang DPN yang menjadi asas kepada perancangan bandar dan komuniti bandar di Malaysia pada masa kini dan akan datang. Bab Tiga seterusnya pula membincangkan tentang kerangka persampelan, pembentukan instrumen kajian dan cadangan analisis bagi menjawab setiap objektif kajian.

BAB TIGA

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan


Bab ini membincangkan tentang beberapa perkara iaitu: pertama, latar belakang kawasan kajian; kedua, pembentukan instrumen kajian; ketiga, proses persampelan; dan keempat, analisis kajian. Bab ini penting kerana ia adalah kaedah berkaitan proses mendapatkan maklumat, pembinaan instrumen dan akhirnya menetapkan analisis yang perlu digunakan untuk menjawab kesemua persoalan atau mencapai objektif kajian.

3.2 Latar Belakang Kawasan

Anuar Amir (2004) berpendapat Bandaraya Johor Bahru secara umumnya telah mengalami proses rebakan bandar menjadi sebuah metropolitan di Malaysia sehingga mencetuskan pelbagai impak pembangunan terhadap persekitaran geografi sama ada fizikal mahupun manusia. Secara keseluruhannya juga kawasan Bandaraya Johor Bahru yang ditadbir oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) melalui evolusi perkembangan tersendiri. Berdasarkan kepada laporan daripada pihak MBJB (2017), evolusi ini bermula daripada sebuah Lembaga Bandaran pada tahun 1933 yang hanya seluas 12.12 kilometer persegi menjadi Majlis Bandaran pada tahun 1956 dengan keluasan keseluruhan 80.53 kilometer persegi.

Seterusnya, pentadbiran Majlis Bandaran dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran pada tahun 1977 dengan keluasan keseluruhannya sebanyak 119.50 kilometer persegi.

Era pentadbiran MBBJ bermula pada tahun 1994 dengan keluasan 186 kilometer persegi dan keluasannya bertambah pada tahun 2000 kepada 220 kilometer persegi. Oleh kerana itu, jumlah luas keseluruhan bagi kawasan MBBJ sehingga kini adalah 220 kilometer persegi. Rajah 3.1 merupakan lakaran sebenar mengenai perubahan kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah mengalami pembangunan mengikut fasa tertentu (Rajah 3.1).




Nota: Draf peta kawasan MBBJ adalah lakaran kasar dan tidak menggunakan ukuran tepat

Rajah 3.1. Perkembangan Kawasan MBBJ Sehingga Tahun 2000 Dan Masa Kini

Sumber: MBBJ (2017)

Malah, sehingga pada masa kini kawasan MBBJ memperlihatkan kepesatan pembangunan yang begitu nyata, di mana pihak berkuasa MBBJ membahagikannya kepada 21 Blok Perancangan (BP) bagi memudahkan susun atur dan kawalan pembangunan (Rajah 3.2).



Rajah 3.2. Kawasan Bandaraya Johor Bahru di bawah pentadbiran pihak berkuasa MBBJ pada masa kini

Sumber: MBBJ (2017)

Berdasarkan kepada maklumat perkembangan atau rebakan bandar di atas (Rajah 3.1) menunjukkan bahawa evolusi bandar yang berlaku mengambil masa yang lama. Proses yang diambil dalam tempoh masa sekian lama kemungkinan besar boleh

mengubah persekitaran hidup masyarakat dari generasi ke generasi. Kajian oleh Atkinson dan Oleson (1996) mendapati bahawa perubahan yang berlaku terhadap sesebuah bandar mampu mengubah persekitaran sosial sama ada secara sedar atau tidak. Malah, Berger (1978) serta Byun dan Esparza (2005) berpendapat rebakan sesebuah bandar tidak mempunyai kesan yang sama kerana proses perkembangan adalah berbeza dan ia turut dipengaruhi oleh persekitaran hidup masyarakat itu sendiri. Malah, Anuar Amir (1990) berpendapat rebakan ini menjadikan zon peralihan (pinggiran) bertukar wajah menjadi sebuah kawasan bandar sekalipun tidaklah sama dengan zon pusat bandar.

Oleh kerana persekitaran hidup masyarakat memainkan fungsi penting dalam membentuk warganya, maka agak sukar untuk menentukan kesan rebakan bandar kepada masyarakat dengan hanya merujuk kepada lain-lain bandar. Justeru, kajian kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat tempatan adalah wajar kerana ia berkait dengan persekitaran hidup. Malah, rasional pemilihan Bandaraya Johor Bahru berbanding dengan lain-lain bandaraya adalah kerana bandar ini merupakan terawal membangun, maju dan pesat berkembang bagi kawasan selatan Semenanjung Malaysia, malah bersempadan dengan negara luar iaitu Singapura serta menjadi pintu masuk utama dari arah selatan yang pastinya mempunyai pelbagai pengaruh dalam konteks sosial.

3.3 Pembentukan Instrumen Kajian

Bahagian ini membincangkan tentang dua perkara bersangkutan dengan pembentukan instrumen kajian iaitu melibatkan kaji selidik bagi mendapatkan gambaran

menyeluruh dalam isu kesan rebakan bandar terhadap gaya hidup masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru.

Kajian ini menetapkan bahawa Pemboleh ubah X (Pemboleh ubah Bebas atau *Independent Variable* [IV]) terdiri daripada rebakan bandar. Di mana, Zon 1 (kawasan gabungan Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran dan Majlis Perbandaran) merupakan sub-IV pertama (X_1), sementara Zon 2 (kawasan Majlis Bandaraya) adalah sub-IV kedua (X_2). Dalam hal ini, IV akan menggambarkan kesan ke atas Pemboleh ubah Y (psikografik gaya hidup) melibatkan nilai (Y_1), sikap (Y_2), pandangan (Y_3), minat (Y_4), kehendak (Y_5), kepercayaan (Y_6) serta aktiviti atau rutin harian (Y_7) (Lampiran 1).

Bagi pembentukan instrumen kaji selidik, ia diolah daripada Plog (1991) tentang kajian psikografik gaya hidup. Justeru, instrumen ini dibahagikan kepada lapan bahagian berdasarkan tema iaitu: Bahagian A tentang latar belakang responden; Bahagian B, nilai mewakili Pemboleh ubah Y_1 ; Bahagian C, sikap mewakili Pemboleh ubah Y_2 ; Bahagian D, pandangan mewakili Pemboleh ubah Y_3 ; Bahagian E, minat mewakili Pemboleh ubah Y_4 ; Bahagian F, kehendak mewakili Pemboleh ubah Y_5 ; Bahagian G, kepercayaan mewakili Pemboleh ubah Y_6 ; serta Bahagian H, aktiviti dan rutin harian mewakili Pemboleh ubah Y_7 . Bermula daripada Bahagian B hingga H melibatkan dua keadaan gaya hidup iaitu: pertama, imbasan masa lampau pada zaman Majlis Bandaran atau Perbandaran; dan kedua, pada masa kini (semasa MBBJ). Jenis soalan yang digubal adalah sebagaimana idea cadangan penulis asal iaitu Plog (1991) dan turut digunakan dan diubah suai oleh lain-lain pengkaji seperti Griffith dan Albanese (1996) serta Merritt et al. (2016). Bentuk soalan yang

digunakan adalah berasaskan Skala Likert tiga tahap iaitu: Skala 0 (Tidak Baik), Skala 1 (Memuaskan) dan Skala 2 (Baik) (Lampiran 1).

3.4 Proses Persampelan

Berdasarkan kepada perbincangan terdahulu tentang latar belakang sosial penduduk dalam kawasan MBBJ, kajian mendapati terdapat seramai 1,226,294 orang yang mendiami kawasan bandaraya ini sehingga laporan banci 2010 melibatkan kaum-kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India, tidak termasuk kaum minoriti dan warganegara asing (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011). Daripada jumlah tersebut, saiz sampel keseluruhan bagi penduduk kawasan MBBJ adalah seramai 384 responden dengan aras keyakinan 95 peratus dan darjah ketepatan setinggi 0.05 ($\alpha=0.05$) iaitu ralat kurang daripada 0.05 (kurang daripada 5%) melalui template pengiraan oleh The Research Advisors (2006) yang berasaskan kepada formula Krejcie dan Morgan (1970).

Aras keyakinan ini dipilih kerana ia telah memadai iaitu ralatnya tidak melebihi paras minimum lima peratus, malah ia juga berdasarkan kemampuan penyelidik untuk menjalankan kajian lapangan. Walau bagaimanapun, memandangkan kawasan MBBJ adalah luas, maka lebih baik jumlah sampel ditingkatkan untuk mengurangkan masalah kualiti data sekiranya berlaku ralat persampelan. Justeru, bagi meningkatkan jumlah sampel, maka Sekaran (2003) berpendapat ia sebaiknya tidak melebihi 500 sampel kerana sekiranya mengambil lebih akan menghasilkan keputusan tidak berbeza. Oleh kerana itu, kajian ini mengambil pendapat Sekaran (2003) dengan jumlah sampel populasi sebanyak 500 responden sekitar kawasan MBBJ dan dibahagikan berdasarkan zon rebakan bandar.

Persampelan kaji selidik terhadap masyarakat atau populasi yang mendiami kawasan MBBJ pula adalah berasaskan kepada beberapa pertimbangan iaitu zon rebakan bandar, komposisi kaum, umur dan jantina bagi menggambarkan populasi sampel agar lebih menyeluruh. Bagi zon rebakan bandar, kajian menetapkan sebanyak dua kawasan berasaskan perkembangan status bandar itu sendiri sepertimana dijelaskan dalam Skop Kajian (Bab Satu). Pertama, Zon 1 melibatkan gabungan Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran dan Majlis Perbandaran yang melibatkan beberapa BP iaitu 1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 11 dan 13. Kedua, Zon 2 yang terdiri daripada kawasan Majlis Bandaraya merangkumi BP 5, 9, 10, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 (Jadual 3.1).

Jadual 3.1.
Zon rebakan, status bandar dan BP bagi MBBJ

Zon rebakan	Status bandar*	BP**
Zon 1	Lembaga Bandaran, Majlis Bandaran dan Majlis Perbandaran	1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 11 dan 13
Zon 2	Majlis Bandaraya	5, 9, 10, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20 dan 21

* Sila rujuk Rajah 3.1

** Sila rujuk Rajah 3.2

Memandangkan tiada sumber rasmi berkenaan taburan penduduk mengikut zon rebakan bandar, BP, komposisi kaum, umur dan jantina, maka proses persampelan adalah berasaskan taburan sampel sekata. Bagi memastikan borang kaji selidik diagih secara sekata, sampel responden seramai 500 orang perlu berasaskan kepada pertimbangan setiap zon, BP, komposisi kaum, umur dan jantina melalui teknik agihan sekata. Agihan sampel dilakukan melalui peringkat-peringkat berikut:

- i. sejumlah 500 sampel dipecahkan kepada dua zon iaitu masing-masing zon mempunyai taburan sampel seramai 250 orang;

- ii. jumlah sampel setiap zon seramai 250 orang dibahagikan kepada BP. Umpamanya dengan mengambil Zon 1 dan BP 1 iaitu:
- Zon 1 dan BP 1 mempunyai seramai 27 sampel, namun begitu terdapat sesetengah BP mendapat agihan sampel sebanyak 28 orang kerana proses menggenapkan jumlah sampel supaya tidak kurang atau lebih daripada jumlah keseluruhan saiz sampel Zon 1 (250 responden).
 - Setelah mengetahui saiz sampel bagi BP 1 hingga 13, maka langkah berikutnya adalah dibahagikan mengikut tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India.
 - Berikutnya, dibahagikan mengikut jantina dengan anggaran taburan sekata. Akhirnya, menghasilkan jumlah yang akan digunakan untuk pungutan data kaji selidik lapangan.
- iii. Semua proses agihan sampel yang dibincangkan di atas dirumuskan menerusi Jadual 3.2.

Jadual 3.2.
Proses agihan sampel

Zon	BP	Kaum utama	Umur	Jantina	Jumlah
1 (250 sampel)	1 (27 sampel)	Melayu (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2	
			Perempuan	1	
		Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1

		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
2 (27 sampel)	Melayu (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
3 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
4 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
6 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
7 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
8 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
11 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
13 (28 sampel)	Melayu (10 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
			Perempuan	1
	Cina (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

			63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
				Perempuan	1
		India (9 sampel)	45 - 50 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			63 dan ke atas (3)	Lelaki	2
				Perempuan	1
2 (250 sampel)	5 (20 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
				Perempuan	0
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
		Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	0
				Perempuan	1
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
		India (6 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
				Perempuan	0
			51 - 56 tahun (1)	Lelaki	1
				Perempuan	0
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
	9 (20 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
				Perempuan	0
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
		Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
				Perempuan	0
			51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1
			57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
				Perempuan	1

		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (6 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
10 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
12 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
14 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
15 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
16 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
17 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
18 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
19 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
20 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
21 (21 sampel)	Melayu (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
	Cina (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
			Perempuan	0
		51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1
		57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
			Perempuan	1

	63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
		Perempuan	1
India (7 sampel)	45 - 50 tahun (1)	Lelaki	1
		Perempuan	0
	51 - 56 tahun (2)	Lelaki	1
		Perempuan	1
	57 - 62 tahun (2)	Lelaki	1
		Perempuan	1
	63 dan ke atas (2)	Lelaki	1
		Perempuan	1
Jumlah keseluruhan sampel:			500

Setelah menetapkan saiz sampel, proses berikutnya adalah menentukan responden yang akan diambil bagi menjawab borang kaji selidik. Sebagaimana dibincangkan sebelumnya dalam Skop Kajian, responden terlibat adalah penduduk setempat yang berada dalam kawasan MBBJ (iaitu dalam kawasan sempadan MBBJ pada masa kini). Mereka terdiri daripada ketua isi rumah dengan umur minimum 45 tahun kerana paling kurang telah melalui proses perbandaran bermula pada peringkat Majlis Perbandaran (tahun 1977) sehingga membawa kepada Majlis Bandaraya (tahun 1994) serta perubahan sempadannya (tahun 2000). Ketua isi rumah terlibat dalam kajian ini diambil atau ditentukan melalui kaedah *purposive sampling* kerana kedudukan atau taburan mereka tidak tersusun dalam suatu kawasan luas sehingga menyukarkan proses pengambilan sampel secara rawak, malah sasaran kajian juga mempunyai had umur yang telah ditentukan iaitu 45 tahun dan ke atas.

Proses mengambil sampel secara *purposive sampling* dijalankan adalah dengan cara pengkaji bersama pembantu-pembantu penyelidik yang sudah dilatih turun ke lapangan dan mencari responden berdasarkan kriteria ditetapkan sebagaimana Jadual 3.2. Syarat menjadi sampel juga adalah responden wajib merupakan penduduk tetap atau anak kelahiran kawasan MBBJ bagi membolehkan mereka mampu menjelaskan

pengalaman kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup. Persampelan juga melibatkan dua perspektif iaitu pada masa kini dan ingatan semula responden tentang gaya hidup zaman awal kewujudan Majlis Bandaran atau setidak-tidaknya pada masa Majlis Perbandaran. Ia kelihatan agak mencabar, tetapi perlu dijalankan untuk menjelaskan persoalan kajian yang digariskan. Oleh kerana itu, pembantu penyelidik adalah perlu bagi membantu pengkaji agar proses mendapatkan responden berjalan dengan lancar dalam satu kawasan yang luas. Kajian ini dijalankan bermula dari 1 September 2018 hingga 25 Disember 2018.

3.5 Analisis Kajian

Perbincangan dalam bahagian ini melibatkan empat aspek iaitu kajian rintis (*pre-test*), analisis deskriptif, Ujian t dan analisis ANOVA sehalu.

3.5.1 Kajian Rintis

Sebelum kaji selidik sebenar dijalankan, suatu usaha kajian rintis terlebih dahulu dilakukan dengan mengambil sampel sebanyak 43 responden daripada Zon 1, BP 1 sebagaimana dalam Jadual 3.2 [iaitu melebihi sedikit daripada 30 sampel, namun begitu ia tidak bersalahan bagi menjaga kualiti data (Abd Rahim Md Nor, 2009)] bagi memastikan set instrumen kaji selidik berada pada aras keyakinan yang baik. Responden adalah terdiri daripada masyarakat yang mendiami kawasan MBBJ.

Langkah pertama dilakukan adalah dengan menentukan kebolehpercayaan (*reliability test*) set kaji selidik daripada adaptasi beberapa kaji selidik oleh pengkaji terdahulu iaitu Griffith dan Albanese (1996), Merritt et al. (2016) serta Plog (1991). Hasil nilai *Cronbach Alpha* (α) bagi kebolehpercayaan dipastikan agar tidak kurang daripada

0.70 (Abd Rahim Md Nor, 2009; Erzerberger & Prein, 1997). Kajian mendapati nilai α bagi kajian rintis adalah setinggi 0.886, manakala selepas kajian sebenar secara menyeluruh didapati tidak banyak perbezaan iaitu 0.887. Justeru, dari segi kebolehpercayaan borang kaji selidik dan item ujian dalamnya adalah baik.

Langkah kedua, dari segi taburan normaliti data pula, kajian rintis perlu memastikan nilai Kolmogorov-Smirnov (K-S) dan Shapiro-Wilks (S-W) tidak kurang daripada 0.05 atau ralat tidak melebihi lima peratus bagi membolehkan ujian statistik inferensi digunakan iaitu Ujian t dan ANOVA sehalu. Ujian normaliti bagi kajian rintis mendapati nilai K-S secara keseluruhan instrumen adalah 0.01 dan S-W adalah 0.02; manakala selepas kajian sebenar secara menyeluruh didapati nilai K-S dan S-W meningkat menjadi lebih baik atau normal iaitu 0.000. Oleh itu, dari segi taburan normal bagi data adalah baik dan berkeadaan normal untuk analisis statistik iaitu Ujian t dan ANOVA sehalu.

3.5.2 Analisis Deskriptif

Perbincangan menerusi bahagian analisis deskriptif ini dibahagikan kepada dua iaitu tentang latar belakang responden dan kedua berkaitan analisis untuk menjawab persoalan (atau objektif) kajian pertama dan kedua.

i. Latar belakang responden

Analisis deskriptif bagi bahagian ini adalah bagi menjelaskan tentang senario latar belakang responden atau ciri-ciri responden yang terlibat dalam kajian. Perbincangan terhadap ciri-ciri atau pola latar belakang responden berkaitan zon rebakan bandar dan BP serta kategori bangsa, umur, jantina, tahap pendidikan, agama, pekerjaan dan

pendapatan isi rumah. Analisis yang digunakan adalah terdiri daripada unit statistik mudah dan biasa digunakan iaitu kekerapan dan peratusan. Min, median dan mod tidak digunakan kerana jenis data adalah terdiri daripada jenis kategori. Abd Rahim Md Nor (2009) menjelaskan bahawa data jenis kategori adalah perlu bagi tujuan analisis statistik bersifat inferensi seperti ANOVA sehala serta Ujian t jenis berpasangan dan bebas.

ii. Objektif Kajian Pertama dan Kedua

Analisis deskriptif juga digunakan bagi menjawab Objektif Kajian Pertama iaitu “menganalisis tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat sebelum rebakan bandar” dan Objektif Kajian Kedua iaitu “mengenal pasti tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik gaya hidup masyarakat setempat masa kini”. Bagi melihat dapatan keseluruhan hasil kajian untuk Objektif Kajian Pertama dan Kedua, unit statistik min dan peratusan digunakan untuk setiap konstruk psikografik kajian iaitu sikap (Y_1), pandangan (Y_2), minat (Y_3), kehendak (Y_4), kepercayaan (Y_5) serta aktiviti atau rutin harian (Y_6). Analisis hanya dilakukan terhadap Pemboleh ubah Bersandar (Y) kerana aspek rebakan bandar (Pemboleh Ubah X) adalah penentu kepada perubahan nilai kepada Pemboleh ubah Y . Malah, rebakan bandar yang telah dan sedang berlaku adalah penentu kepada gaya masyarakat di Bandaraya Johor Bahru pada masa kini. Oleh kerana itu, ukuran nilai bagi Pemboleh ubah Y adalah suatu keperluan berbanding dengan rebakan bandar atau Pemboleh ubah X selaras dengan keperluan untuk melihat kesan semasa rebakan bandar itu sendiri.

Analisis yang digunakan bagi menjawab objektif-objektif kajian ini adalah berdasarkan kepada nilai min kerana biasa digunakan oleh pengkaji terdahulu seperti Griffith dan Albanese (1996), Merritt et al. (2016) serta Plog (1991). Walau bagaimanapun, bagi tujuan perbincangan juga turut memasukkan unit statistik peratusan bagi menggambarkan keseluruhan taburan jawapan responden untuk setiap item ujian kaji selidik. Namun begitu, hanya nilai min sebagai penentu kepada sesuatu tahap berkaitan setiap objektif kajian.

Pembahagian tahap ini pada pandangan pengkaji terdahulu seperti Bourguignon dan Chakravarty (2003), mahupun penulis bidang statistik seperti Mohd Majid Konting (1990) boleh dilakukan secara bebas untuk menunjukkan julat yang sesuai berdasarkan kajian masing-masing. Oleh kerana itu, pengkaji membahagikannya kepada tiga tahap iaitu tidak baik, memuaskan dan baik (bagi tahap gaya hidup sebelum rebakan bandar dan kesan daripada rebakan bandar pada masa kini). Kaedah pembahagian tahap adalah sepertimana berikut:

- i. Jumlah Skala Likert (sebanyak tiga tahap [Skala 0 hingga 2] dengan min penuh adalah 2.00 dan paling rendah adalah 0.00);
- ii. Jumlah julat daripada tiga tahap adalah sebanyak dua selang (iaitu: $0 > 1 = 1$; $1 > 2 = 1$);
- iii. Oleh itu, jumlah julat sebanyak dua dibahagikan dengan sasaran jumlah tahap dikehendaki sebanyak tiga tahap (Tidak Baik; Memuaskan; dan Baik) menghasilkan nilai min pengganda sebanyak 0.67;
- iv. Justeru, pembentukan skala (Tidak Baik; Memuaskan; dan Baik) adalah perlu bermula dengan Skala 0 iaitu min penuh minimum sebanyak 0.00.

- v. Langkah terakhir adalah menambahkan min penuh minimum sebanyak 0.00 dengan min penganda sebanyak 0.67 dan menjadikan tahap min rendah maksimum (Tidak Baik) sebanyak 0.67; proses ini dilakukan sehingga kepada tahap min baik (Baik).
- vi. Akhirnya, pengkaji menetapkan bahawa min rendah (Tidak Baik) adalah sebanyak antara 0.00-0.67; min memuaskan (Memuaskan) adalah sebanyak 0.68-1.33; dan min baik (Baik) adalah sebanyak 1.34-2.00. Nilai min paling rendah adalah 0.00 dan paling tinggi adalah 2.00 kerana skala minimum dan maksimum Skala Likert yang digubal adalah antara 0-2.

3.5.3 Ujian t

Analisis uni adalah untuk menjawab Objektif Kajian Ketiga iaitu “menentukan perbezaan psikografik gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru kesan daripada rebakan bandar”. Terdapat dua teknik Ujian t dalam konteks menentukan perbezaan atau perbandingan yang digunakan iaitu Ujian t berpasangan (*paired-sample t-test*) dan Ujian t bebas (*independent sample t-test*). Bagi Ujian t berpasangan ia merupakan antara teknik analisis min yang melibatkan dua situasi berasingan (sebelum dan pada masa kini atau selepas) secara berpasangan. Sementara itu, bagi Ujian t bebas pula melibatkan perbandingan min antara dua kumpulan yang berasingan seperti Zon 1 dan 2 rebakan bandar berkaitan gaya hidup sebelum dan pada masa kini.

Menurut Abd Rahim Md Nor (2009) Ujian ini juga memerlukan data bersifat normal sebagaimana ujian statistik inferensi lain. Peraturannya, data wajib dalam bentuk numerik. Sekiranya nilai signifikan dibawah $p \leq 0.05$ (boleh ditentukan aras

kesignifikanan yang diperlukan, tetapi bagi ujian bersifat sains sosial memadai sehingga tahap signifikan 0.05), maka ia menunjukkan terdapat perbezaan antara nilai min kumpulan. Dalam hal ini, kesignifikanan di bawah $p \leq 0.05$ adalah perlu menerima Hipotesis Alternatif (H_1 atau H_a) atau tidak menerima Hipotesis Nul atau Nol (H_0). Ujian t akan didapati signifikan sekiranya nilai min, sisihan piawai (SD), t dan *differential* (df) mempunyai perbezaan yang meluas atau melebar antara taburan min dua pemboleh ubah atau set data kumpulan. Justeru, bagi kajian ini pengkaji menetapkan H_1 adalah sepertimana berikut:

H ₁	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup sebelum berbanding gaya hidup pada masa kini kesan daripada rebakan bandar.
H ₂	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup sebelum berbanding gaya hidup pada masa kini mengikut blok perancangan bandar.
H ₃	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup sebelum berbanding gaya hidup pada masa kini mengikut zon rebakan bandar.

3.5.4 ANOVA sehala

Bagi menjawab Objektif Kajian Keempat iaitu “menentukan perbezaan psikografik gaya hidup pada masa kini berdasarkan latar belakang masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru.”, pengkaji menggunakan analisis ANOVA sehala. Walau bagaimanapun, satu bahagian dalam perbincangan Objektif Kajian Ketiga iaitu Perkara 4.4.2 berkaitan dalam Bab Empat berkenaan topik “perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut blok perancangan bandar” pengkaji menggunakan analisis ANOVA sehala disebabkan data terlibat tidak sesuai untuk menggunakan Ujian t disebabkan kumpulan data melebihi daripada dua kumpulan iaitu BP yang mempunyai 21 kumpulan. Ini kerana, fungsi statistik ANOVA sehala paling baik bagi menentukan perbezaan atau tujuan melakukan perbandingan antara

pemboleh ubah berdasarkan jenis data tertentu iaitu bersifat norminal, ordinal atau berkategori melebihi tiga kumpulan atau peringkat (seperti Skala Likert 3 tahap). Kajian adalah menggunakan ANOVA sehalu bagi melihat pola atau tren perbandingan min antara tiga kumpulan atau lebih. Kelebihan analisis ini adalah mampu menentukan perbezaan sekiranya terdapat item ujian melebihi daripada dua min kumpulan. Dengan kata lain, ujian ANOVA sehalu adalah pilihan kepada jenis data yang sama dengan Ujian t, namun jumlah sampel melebihi daripada dua. Penggunaan statistik ini melibatkan pemboleh ubah bebas berskala norminal iaitu sebagai faktor penyebab (pemboleh ubah penentu) dan pemboleh ubah bersandar juga jenis data ordinal (pemboleh ubah Y). Umpamanya, aspek kategori taraf pendidikan adalah pemboleh ubah penentu yang terdiri daripada data norminal, manakala aspek gaya hidup masyarakat sebagai pemboleh ubah Y (bersandar) dari jenis data numerik atau ordinal. Sekiranya hasil kajian adalah signifikan pada aras kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$), maka H_0 ditolak dan menerima H_1 atau H_a .

Penggunaan ujian ANOVA sehalu bukan penamat analisis kerana ia memerlukan pengkaji meneliti satu peringkat analisis lagi iaitu ujian *Post-Hoc* dan ujian yang digunakan adalah *Least Significant Difference* (LSD) bagi tujuan perbandingan antara pemboleh ubah yang memiliki perbezaan. Berikut adalah H_1 hingga H_6 yang dimaksudkan:

H_1	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks bangsa kesan rebakan bandar.
H_2	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks umur kesan rebakan bandar.
H_3	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pendapatan kesan rebakan bandar.

H ₄	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pekerjaan kesan rebakan bandar.
H ₅	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks agama kesan rebakan bandar.
H ₆	Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pendidikan kesan rebakan bandar.

3.6 Kesimpulan

Perbincangan dalam bab ini memfokuskan kepada beberapa perkara asas bagi mencorakkan pelan arah tuju kajian. Ia bermula daripada proses kutipan data melalui kaji selidik, pembentukan instrumen kaji selidik sehingga membawa kepada analisis data. Proses-proses sedemikian dirancang dengan teliti agar maklumat atau dapatan kajian boleh menggambarkan keseluruhan populasi atau menjawab isu serta objektif kajian. Oleh kerana itu, bermula daripada kutipan data kaji selidik sehingga kepada analisis dipastikan ia bersesuaian dengan Objektif Kajian Pertama hingga Keempat.

Bab berikutnya adalah tentang analisis data yang melibatkan analisis kajian bagi menjawab Objektif Kajian Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat. Walau bagaimanapun, rumusan dan perbincangan kajian pula khusus dimuatkan dalam Bab Lima iaitu Rumusan dan Perbincangan Kajian.

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Perbincangan tentang analisis dalam bab ini memfokuskan kepada empat perkara iaitu: pertama, latar belakang responden; kedua, tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat; ketiga, tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik gaya hidup masyarakat setempat masa kini; Keempat, perbezaan psikografik gaya hidup masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru kesan rebakan bandar; dan kelima perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar berdasarkan latar belakang responden. Perbincangan kajian ini dimulakan dengan secara umum tentang latar belakang responden dan diikuti dengan pencapaian hasil kajian berdasarkan kepada Objektif Kajian Pertama hingga Keempat.

4.2 Latar Belakang Responden

Dalam bahagian ini perbincangan memfokuskan kepada hal yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti kategori bangsa, jantina, umur, pendapatan, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan sebagainya. Teknik analisis yang digunakan dalam bahagian ini adalah berbentuk statistik deskriptif melibatkan dua unit statistik penting iaitu kekerapan dan peratusan sebagaimana dijelaskan dalam Bab Tiga.

Responden kajian ini melibatkan 172 orang berbangsa Melayu (34.4%), Cina seramai 165 orang (33.0%) dan seramai 163 orang lagi berbangsa India (32.6%) (Jadula 4.1).

Dalam hal ini, taburan kategori responden mengikut bangsa adalah agak sekata dengan Melayu sedikit lebih tinggi. Seterusnya, bagi kategori agama responden pula seramai 172 orang (34.4%) adalah beragama Islam, 165 orang (33%) beragama Buddha, manakala selebihnya iaitu 163 orang (32.6%) adalah beragama Hindu (Jadual 4.2).

Jadual 4.1.
Kategori Bangsa Responden

Bangsa	Kekerapan	Peratusan
Melayu	172	34.4
Cina	165	33.0
India	163	32.6
Jumlah	500	100.0

Jadual 4.2.
Kategori Agama Responden

Agama	Kekerapan	Peratusan
Islam	172	34.4
Buddha	165	33.0
Hindu	163	32.6
Jumlah	500	100.0

Melalui Jadual 4.56 daripada analisis *Post-Hoc* yang ditunjukkan dalam matriks LSD mendapati wujud perbezaan kehendak diri masyarakat berdasarkan kategori agama. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang beragama Budha dengan Hindu sahaja. Oleh kerana itu, perbezaan ini membawa maksud bahawa kehendak diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara agama yang dinyatakan di atas kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.56.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Kehendak Diri Berdasarkan Kategori Agama

Kategori Agama	Islam	Budha	Hindu
Islam	-		
Budha	0.143	-	
Hindu	0.094	0.002	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Kajian juga mendapati bahawa melalui analisis *Post-Hoc* yang dilakukan dan dipaparkan dalam bentuk matriks LSD perbandingan menerusi Jadual 4.57 menunjukkan wujud perbezaan antara kepercayaan diri masyarakat berdasarkan kategori agama. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang beragama Islam dengan Budha serta Budha dengan Hindu. Ini bermaksud bahawa kepercayaan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara agama yang dinyatakan di atas kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.57.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Kepercayaan Diri Berdasarkan Kategori Agama

Kategori Agama	Islam	Budha	Hindu
Islam	-		
Budha	0.002	-	
Hindu	0.735	0.007	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Melalui analisis *Post-Hoc* dan matriks perbandingan LSD dalam Jadual 4.58 menunjukkan bahawa perbezaan wujud antara aktiviti diri masyarakat berdasarkan kategori agama. Perbezaan ini hanya dalam kalangan responden yang beragama Budha dengan Hindu. Perbezaan ini bermaksud bahawa aktiviti diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara agama yang dinyatakan di atas kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.58.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Aktiviti Diri Berdasarkan Kategori Agama

Kategori Agama	Islam	Budha	Hindu
Islam	-		
Budha	0.159	-	
Hindu	0.239	0.010	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Berdasarkan kepada analisis keseluruhan bagi aspek gaya hidup masyarakat yang dipaparkan oleh analisis *Post-Hoc* dan matriks LSD dalam Jadual 4.59, kajian mendapati ia adalah berbeza mengikut kategori agama. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang beragama Islam dengan Budha serta Budha dengan Hindu. Justeru, perbezaan ini membawa maksud bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara agama yang dinyatakan di atas kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.59.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Gaya Hidup Keseluruhan Berdasarkan Kategori Agama

Kategori Agama	Islam	Budha	Hindu
Islam	-		
Budha	0.036	-	
Hindu	0.160	0.001	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

4.5.6 Kesan Rebakan Bandar Berdasarkan Kategori Taraf Pendidikan

Kajian yang dijalankan melalui analisis ANOVA sehala ke atas gaya hidup masyarakat dalam konteks taraf pendidikan kesan daripada rebakan bandar mendapati secara keseluruhan serta kesemua konstruk gaya hidup adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ dengan nilai taburan F adalah melebar antara min jawapan responden (Jadual 4.60). Hal ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Baharu adalah berbeza mengikut tara pendidikan. Justeru, analisis *Post-Hoc LSD* perlu dilakukan bagi menentukan perbezaan antara taraf pendidikan berdasarkan kepada setiap konstruk gaya hidup. Memandangkan secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam konteks kategori taraf pendidikan responden adalah signifikan (0.000), maka kajian ini menerima H_6 iaitu:

H_6 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pendidikan kesan rebakan bandar.

Jadual 4.60.

Nilai Taburan F dan Signifikan Mengikut Konstruk Gaya Hidup Berdasarkan Taraf Pendidikan

Gaya Hidup	F	Sig.
Nilai diri	8.533	0.000*
Sikap diri	14.989	0.000*
Pandangan diri	15.409	0.000*
Minat diri	11.674	0.000*
Kehendak diri	13.744	0.000*
Kepercayaan diri	10.138	0.000*
Aktiviti diri	12.296	0.000*
Keseluruhan GAYA HIDUP	16.052	0.000*

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Kajian mendapati bahawa melalui analisis *Post-Hoc* yang dijalankan dan dibuat perbandingan menggunakan matriks LSD menerusi Jadual 4.61 menunjukkan wujud

perbezaan antara nilai diri masyarakat berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS serta SM dengan PS. Ini bermaksud, nilai diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.61.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Nilai Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.735	-				
MA	0.490	0.404	-			
STPM	0.386	0.183	0.473	-		
SM	0.292	0.066	0.121	0.297	-	
PS	0.003	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

TB = Tidak bersekolah

MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)

MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)

STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf

SM = Sarjanamuda

PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Analisis *Post-Hoc* menerusi matriks LSD dalam Jadual 4.62 yang dijalankan dan dibuat perbandingan menunjukkan wujud perbezaan antara sikap diri masyarakat berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS serta SM dengan PS. Ini bererti, sikap diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.62.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Sikap Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.694	-				
MA	0.549	0.640	-			
STPM	0.510	0.523	0.820	-		
SM	0.352	0.173	0.156	0.130	-	
PS	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

TB = Tidak bersekolah

MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)

MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)

STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf

SM = Sarjanamuda

PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Berdasarkan kepada analisis *Post-Hoc* serta matriks LSD dalam Jadual 4.63 pengkaji mendapati bahawa ia wujud perbezaan antara pandangan diri masyarakat berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini juga adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS serta SM dengan PS. Justeru, pandangan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.63.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Pandangan Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.395	-				
MA	0.420	0.841	-			
STPM	0.342	0.887	0.563	-		
SM	0.312	0.762	0.392	0.737	-	
PS	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

TB = Tidak bersekolah

MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)

MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)

STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf
 SM = Sarjanamuda
 PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Kajian ini dalam konteks analisis perbezaan yang menggunakan *Post-Hoc* melalui jadual matriks perbandingan LSD (Jadual 4.64) menunjukkan bahawa ia wujud perbezaan antara minat diri masyarakat berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS serta SM dengan PS. Oleh yang demikian, kajian menegaskan bahawa minat diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.64.
 Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Minat Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.341	-				
MA	0.274	0.804	-			
STPM	0.287	0.874	0.862	-		
SM	0.369	0.775	0.360	0.345	-	
PS	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (angka tebal)

Nota Ringkasan:

TB = Tidak bersekolah
 MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)
 MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)
 STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf
 SM = Sarjanamuda
 PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Perbincangan dalam konteks analisis perbezaan yang menggunakan *Post-Hoc* berdasarkan matriks LSD menerusi Jadual 4.65 mendapati wujud perbezaan antara kehendak diri masyarakat merujuk kepada kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini

adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS, SM dengan PS serta STPM dengan SM. Oleh yang demikian, kajian merumuskan bahawa kehendak diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.65.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Kehendak Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.280	-				
MA	0.227	0.839	-			
STPM	0.126	0.303	0.186	-		
SM	0.336	0.638	0.255	0.001	-	
PS	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

TB = Tidak bersekolah

MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)

MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)

STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf

SM = Sarjanamuda

PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Dalam soal perbandingan ini analisis *Post-Hoc* melalui matriks LSD dalam Jadual 4.66, pengkaji dapat merumuskan bahawa ia wujud perbezaan antara kepercayaan diri masyarakat berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini juga adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS, SM dengan PS serta STPM dengan SM. Oleh yang demikian, kepercayaan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.66.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Kepercayaan Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.435	-				
MA	0.306	0.605	-			
STPM	0.218	0.282	0.395	-		
SM	0.425	0.942	0.297	0.014	-	
PS	0.001	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

TB = Tidak bersekolah

MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)

MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)

STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf

SM = Sarjanamuda

PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Perbandingan menerusi analisis *Post-Hoc* melalui matriks LSD dalam Jadual 4.67, juga pengkaji mendapati ia wujud perbezaan antara aktiviti diri masyarakat berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini juga adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS, SM dengan PS serta STPM dengan SM. Oleh itu, aktiviti diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.67.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Aktiviti Diri Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.159	-				
MA	0.178	0.762	-			
STPM	0.087	0.554	0.138	-		
SM	0.264	0.328	0.282	0.001	-	
PS	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

- TB = Tidak bersekolah
MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)
MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)
STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf
SM = Sarjanamuda
PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

Secara keseluruhan dalam konteks analisis perbezaan gaya hidup, pengkaji meneliti analisis *Post-Hoc* melalui jadual matriks perbandingan LSD (Jadual 4.68) menunjukkan bahawa ia wujud perbezaan berdasarkan kategori taraf pendidikan. Perbezaan ini adalah dalam kalangan responden yang TB dengan PS, MR dengan PS, MA dengan PS, STPM dengan PS serta SM dengan PS. Justeru, kajian menegaskan bahawa keseluruhan gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah tidak sama antara taraf pendidikan seseorang yang dinyatakan kesan daripada rebakan bandar.

Jadual 4.68.

Matriks LSD bagi Ujian Perbezaan Gaya Hidup Keseluruhan Berdasarkan Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	TB	MR	MA	STPM	SM	PS
TB	-					
MR	0.335	-				
MA	0.257	0.753	-			
STPM	0.181	0.401	0.413	-		
SM	0.249	0.720	0.976	0.299	-	
PS	0.000	0.000	0.000	0.000	0.000	-

* Min adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ (**angka tebal**)

Nota Ringkasan:

- TB = Tidak bersekolah
MR = Menengah Rendah dan ke bawah (hingga Tingkatan 3)
MA = Menengah Atas (Tingkatan 4 dan 5)
STPM = STPM (Tingkatan 6 Rendah dan Atas)/Diploma/Matrikulasi/setaraf
SM = Sarjanamuda
PS = Pascasiswazah (Sarjana atau Doktor Falsafah)

4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini merupakan bahagian analisis data berkaitan kesemua empat objektif kajian melibatkan tiga jenis analisis iaitu deskriptif, Ujian t dan ANOVA sehala. Walau bagaimanapun, rumusan secara keseluruhan kepada hasil kajian dalam bab ini akan dibincangkan menerusi Bab Lima berikutnya dalam konteks pencapaian objektif atau menjawab soalan kajian, menjawab pernyataan masalah, implikasi kajian.



BAB LIMA

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan rumusan keseluruhan kepada hasil analisis dalam Bab Empat yang dikaitkan kembali dengan objektif dan pernyataan masalah kajian. Perbincangan menerusi bab ini melibatkan tiga topik utama iaitu rumusan keseluruhan tentang rebakan bandar bersama pencapaian objektif dan pernyataan masalah kajian, implikasi kajian serta cadangan kajian akan datang.

5.2 Rumusan Keseluruhan tentang Rebakan Bandar dan Pencapaian Objektif serta Pernyataan Masalah Kajian

Bahagian ini adalah bertujuan untuk merumuskan dapatan analisis bagi mencapai **Objektif Kajian Pertama** iaitu “menganalisis tahap psikografik gaya hidup masyarakat setempat sebelum rebakan bandar”. Rumusan analisis kajian untuk keadaan psikografik gaya hidup masyarakat di Johor Bahru sebelum berlakunya rebakan bandar, secara umumnya mendapati bahawa keseluruhannya adalah baik dengan nilai min 1.47. Malah, kesemua nilai min bagi konstruk gaya hidup juga adalah baik iaitu min antara 1.45 hingga 1.49 iaitu berada dalam julat min 1.34 hingga 2.00 (tahap baik) (Jadual 5.1). Ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat secara keseluruhan di Johor Bahru sebelum berlakunya rebakan bandar secara meluas adalah dalam keadaan baik berdasarkan kajian terhadap responden.

Jadual 5.1.

Rumusan Min Gaya Hidup Sebelum Rebakan Bandar

Bil.	Konstruk Gaya Hidup	Min Sebelum
1.	Nilai diri	1.45
2.	Sikap diri	1.47
3.	Pandangan diri	1.48
4.	Minat diri	1.46
5.	Kehendak diri	1.48
6.	Kepercayaan diri	1.48
7.	Aktiviti diri	1.49
8.	Keseluruhan GAYA HIDUP	1.47

Malah, bagi tujuan untuk merumuskan dapatan analisis bagi mencapai **Objektif Kajian Kedua** pula iaitu “mengenal pasti tahap kesan rebakan bandar berkaitan senario psikografik gaya hidup masyarakat setempat masa kini”, pengkaji mendapati wujud dua kesan iaitu kekal baik dan sedikit kemerosotan dalam gaya hidup. Rumusan bagi kesan rebakan bandar berkaitan gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru pada masa kini pula kajian mendapati ia memberikan kesan secara positif dan juga negatif. Kesan positif adalah masih lagi mengekalkan budaya dan gaya hidup sebelum rebakan bandar, manakala kesan negatif adalah telah menurunkan tahap gaya hidup terdahulu. Nilai min psikografi gaya hidup pada masa kini secara keseluruhannya adalah bernilai 1.39 iaitu pada tahap baik atau masih berada pada dalam julat 1.34 hingga 2.00. Dalam konteks setiap konstruk gaya hidup pula terdapat dua bentuk tahap min iaitu: pertama, dalam julat 1.34 hingga 2.00 (tahap baik); dan kedua, dalam julat 0.68 hingga 1.33 (tahap memuaskan). Konstruk yang berada dalam julat min pertama adalah nilai dan minat diri min setinggi 1.35, kehendak diri min setinggi 1.48, kepercayaan diri min setinggi 1.45, aktiviti diri min setinggi 1.44 dan keseluruhan psikografik gaya hidup min setinggi 1.39. Walau bagaimanapun, bagi

konstruk sikap dan pandangan diri (tulisan condong) masing-masing berkongsi tahap nilai min setinggi 1.32 (Jadual 5.2).

Jadual 5.2.

Rumusan Min Gaya Hidup Masa Kini Kesan Rebakan Bandar

Bil.	Konstruk Gaya Hidup	Min Masa Kini
1.	Nilai diri	1.35
2.	<i>Sikap diri</i>	<i>1.32</i>
3.	<i>Pandangan diri</i>	<i>1.32</i>
4.	Minat diri	1.35
5.	Kehendak diri	1.48
6.	Kepercayaan diri	1.45
7.	Aktiviti diri	1.44
8.	Keseluruhan GAYA HIDUP	1.39

Secara perbandingannya keseluruhan bagi Objektif Kajian Pertama dan Kedua, perbincangan boleh dibahagikan kepada dua keadaan iaitu: pertama, gaya hidup kekal baik; dan kedua, gaya hidup sedikit merosot. Bagi keadaan gaya hidup pada masa kini yang kekal baik melibatkan konstruk nilai, minat, kehendak, kepercayaan, aktiviti dan keseluruhan psikografik gaya hidup. Sementara itu, konstruk gaya hidup yang sedikit merosot berlaku terhadap konstruk sikap dan pandangan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru (Jadual 5.3). Walau bagaimanapun, sekalipun gaya hidup keseluruhan serta setiap konstruk gaya hidup pada masa kini masih kekal pada tahap baik, namun begitu ia berlaku sedikit penyusutan tahap melalui nilai min berbanding dengan sebelum rebakan bandar. Penyusutan ini berlaku pada pandangan Samruhaizad Samian @ Samion et al. (2014) adalah disebabkan rebakan bandar menjejaskan kualiti hidup masyarakat. Hal ini juga selari dengan pendapat Er Ah Choy et al. (2002; (Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil 2017; Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., 2016). Di mana melalui kajian mereka yang mendapati rebakan bandar telah merendahkan kualiti gaya hidup masyarakat berbanding sebelum berlaku. Seterusnya,

jangkaan pada masa akan datang terhadap aspek kualiti gaya hidup adalah turut mengalami penurunan kualiti gaya hidup secara berterusan. Ini kerana menurut Razin (1998), (Razin dan Roseentraub 2000) serta Resnik (2010) berpendapat bahawa kesan rebakan bandar akan menjejaskan gaya hidup atau nilai kehidupan penghuni pada masa akan datang. Situasi ini wujud kerana pertambahan penduduk secara mendadak, pertambahan jumlah kenderaan yang boleh mewujudkan kesesakan dalam bandar, pencemaran alam sekitar (air, udara, sisa pepejal) turut terjejas akibat pelbagai aktiviti penduduk (Mohd Hairy Ibrahim et al., 2016). Selain itu, akibat kemerosotan kualiti gaya hidup pastinya akan memaksa masyarakat bandar secara perlahan-lahan keluar ke kawasan pinggiran bagi menikmati kehidupan yang lebih baik.

Jadual 5.3.

Rumusan Bandingan Keseluruhan Min Gaya Hidup Sebelum dan Pada Masa Kini Kesan Rebakan Bandar di Bandaraya Johor Bahru

Bil.	Konstruk Pembentuk Gaya Hidup	Min Sebelum	Min Masa Kini
1.	Nilai diri	1.45	1.35
2.	Sikap diri	1.47	1.32
3.	Pandangan diri	1.48	1.32
4.	Minat diri	1.46	1.35
5.	Kehendak diri	1.48	1.48
6.	Kepercayaan diri	1.48	1.45
7.	Aktiviti diri	1.49	1.44
Keseluruhan GAYA HIDUP		1.47	1.39

Bagi pencapaian **Objektif Kajian Ketiga** iaitu “menentukan perbezaan psikografik gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru kesan daripada rebakan bandar”, secara keseluruhannya kajian merumuskan dan membahagikan perbincangan kepada tiga aspek. Pertama, perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar berdasarkan konstruk ukuran gaya hidup itu sendiri (dapatkan utama kajian untuk menjawab Objektif Kajian Ketiga); kedua, perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara

keseluruhan mengikut blok perancangan bandar; dan ketiga, perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut zon rebakan bandar. Walau bagaimanapun, bagi menjawab objektif kajian ini, aspek utama perlu dibincangkan adalah berkenaan konstruk ukuran gaya hidup itu sendiri kerana ia adalah secara terus berkaitan dengan objektif kajian. Sebaliknya, untuk lain-lain aspek boleh menjadi nilai tambah kepada hasil kajian utama.

i. Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar berdasarkan konstruk ukuran gaya hidup (dapatan utama kajian untuk menjawab Objektif Kajian Ketiga)

Dalam konteks gaya hidup keseluruhan masyarakat Bandaraya Johor Bahru menunjukkan berlaku perbezaan bandingan sebelum dengan pada masa kini kesan rebakan bandar untuk kesemua konstruk gaya hidup dan keseluruhan aspek gaya hidup itu sendiri. Ini dapat dibuktikan melalui analisis Ujian t berpasangan yang menunjukkan aras kesignifikan adalah $p \leq 0.05$ dengan tahap signifikansi bernilai 0.000 serta nilai SD (87.92) dan taburan t (3.673) adalah meluas yang menunjukkan berlaku perbezaan secara signifikan. Dalam hal ini, pengkaji perlu menerima H_1 iaitu:

H_1 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup sebelum berbanding gaya hidup pada masa kini kesan daripada rebakan bandar.

ii. Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut blok perancangan bandar

Perbezaan gaya hidup berdasarkan blok perancangan bandar melalui analisis ANOVA sehala pula mendapati ia adalah jelas tidak wujud perbezaan yang signifikan. Ujian perbezaan antara pemboleh ubah gaya hidup dengan BP bandar (BP 1 hingga 21) mendapati nilai serakan F adalah sekata atau tidak melebar. Oleh kerana itu, nilai

bacaan aras kesignifikan adalah melebihi daripada 0.05 atau $p \geq 0.05$. Justeru, kajian merumuskan bahawa rebakan bandar tidak mewujudkan perbezaan dalam aspek gaya hidup secara keseluruhannya serta bersama-sama konstruknya berdasarkan konteks BP di Bandaraya Johor Bahru. Oleh yang demikian, kajian ini menerima Hipotesis Null berikut:

H_0 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup dengan blok perancangan bandar

iii. *Perbezaan gaya hidup kesan rebakan bandar secara keseluruhan mengikut zon rebakan bandar*

Ujian t bebas pula mendapati aspek gaya hidup secara keseluruhan pada masa kini berbanding sebelum rebakan bandar bagi masyarakat di Bandaraya Johor Bahru mengikut zon (Zon 1 dan 2) adalah mengalami perubahan. Ini kerana, analisis mendapati nilai signifikan adalah pada aras 0.032 atau $p \leq 0.05$ dengan nilai SD bagi min adalah berbeza, taburan F adalah bebas dan meluas serta taburan t juga agak berbeza antara min jawapan responden. Kesemua perbezaan yang wujud pada nilai SD, F dan t menjadikan nilai sig. adalah kurang daripada $p \leq 0.05$ dengan tahap signifikan 0.000. Ini menunjukkan bahawa, gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru adalah berbeza berbanding sebelumnya untuk kedua-dua zon kawasan kajian, sama ada kawasan bandar asal atau pinggir bandar pada masa kini kesan rebakan bandar. Oleh kerana itu, kajian perlu menerima H_3 iaitu:

H_3 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup sebelum berbanding gaya hidup pada masa kini mengikut zon rebakan bandar.

Justeru, rumusan keseluruhan berkaitan pencapaian Objektif Kajian Ketiga adalah aspek gaya hidup keseluruhan masyarakat Bandaraya Johor Bahru menunjukkan berlaku perbezaan bandingan sebelum dengan pada masa kini kesan rebakan bandar untuk kesemua konstruk gaya hidup dan keseluruhan aspek gaya hidup itu sendiri dengan aras kesignifikan adalah $p \leq 0.05$. Hal ini diskong oleh atau selari dengan dapatan kajian terdahulu oleh Anuar Amir (1990; 2004) dalam kajiannya di Johor Bahru dan beberapa sarjana barat seperti Hortas-Rico dan Sole-Olle (2010), James et al. (2013) serta Wiewel dan Schaffer (2001) iaitu pernah berlaku masalah berkaitan masyarakat dan pengurusan di bandar-bandar kajian mereka.

Bagi tujuan untuk mencapai **Objektif Kajian Keempat** pula iaitu “menentukan perbezaan psikografik gaya hidup pada masa kini berdasarkan latar belakang masyarakat kawasan Bandaraya Johor Bahru”, secara keseluruhannya pengkaji membahagikan perbincangan kepada enam item latar belakang responden iaitu kategori bangsa, umur, pendapatan, pekerjaan, agama dan taraf pendidikan serta dipadankan dengan aspek gaya hidup keseluruhan berserta setiap konstruk gaya hidup.

i. Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori bangsa

Analisis ANOVA sehala yang dijalankan ke atas gaya hidup masyarakat dalam konteks bangsa kesan daripada rebakan bandar mendapati aspek gaya hidup secara keseluruhan serta kesemua konstruk gaya hidup adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$, kecuali bagi konstruk nilai diri yang tidak signifikan atau tiada perbezaan antara bangsa. Memandangkan secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam konteks kategori bangsa responden adalah signifikan (0.003), maka kajian ini menerima H_1 iaitu:

H₁ Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks bangsa kesan rebakan bandar.

ii. Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori umur

Analisis ANOVA sehalu yang dilakukan untuk aspek gaya hidup masyarakat bersama konstruknya dalam konteks umur kesan daripada rebakan bandar mendapati aspek gaya hidup secara keseluruhan serta kesemua konstruk gaya hidup adalah tidak signifikan pada aras $p \leq 0.05$ dengan nilai taburan F adalah tidak melebar antara min jawapan responden. Ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Baharu adalah tiada perbezaan mengikut kategori umur. Memandangkan secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam konteks kategori umur responden adalah tidak signifikan (0.405), maka kajian ini menerima Hipotesis Null berikut iaitu:

H₀ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks umur kesan rebakan bandar.

iii. Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori pendapatan

Melalui analisis ANOVA sehalu yang dijalankan ke atas gaya hidup masyarakat dalam konteks kategori pendapatan kesan daripada rebakan bandar pula pengkaji mendapati aspek gaya hidup secara keseluruhan serta kesemua konstruk gaya hidup adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ dengan nilai taburan F adalah melebar antara min jawapan responden, kecuali bagi konstruk nilai dan kehendak diri yang tidak signifikan atau tiada perbezaan antara kategori pendapatan. Hal ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Baharu adalah berbeza mengikut kategori pendapatan. Memandangkan secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam

konteks kategori pendapatan responden adalah signifikan (0.009), maka kajian ini menerima H_3 iaitu:

H_3 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pendapatan kesan rebakan bandar.

iv. Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori pekerjaan

Analisis ANOVA sehala yang dijalankan ke atas gaya hidup masyarakat dalam konteks kategori pekerjaan pula kesan daripada rebakan bandar pengkaji mendapati secara keseluruhan serta kesemua konstruk gaya hidup adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ dengan nilai taburan F adalah melebar antara min jawapan responden. Ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Baharu adalah berbeza mengikut kategori pekerjaan. Memandangkan secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam konteks kategori pekerjaan responden adalah signifikan (0.003), maka kajian ini perlu menerima H_4 iaitu:

H_4 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pekerjaan kesan rebakan bandar.

v. Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori agama

Analisis ANOVA sehala yang dijalankan ke atas responden yang berada dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru berkaitan gaya hidup masyarakat dalam konteks kategori agama kesan daripada rebakan bandar mendapati gaya hidup secara keseluruhannya serta kesemua konstruk gaya hidup adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ dengan nilai taburan F adalah melebar antara min jawapan responden. Hal yang demikian menjelaskan bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor

Baharu adalah berbeza mengikut kategori agama kesan daripada rebakan bandar. Kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam konteks kategori agama responden adalah signifikan (0.002), maka kajian ini menerima H_5 iaitu:

H_5 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks agama kesan rebakan bandar.

vi. Kesan rebakan bandar berdasarkan kategori taraf pendidikan

Kajian yang dijalankan melalui analisis ANOVA sehala ke atas gaya hidup masyarakat dalam konteks taraf pendidikan kesan daripada rebakan bandar mendapati secara keseluruhan serta kesemua konstruk gaya hidup adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ dengan nilai taburan F adalah melebar antara min jawapan responden. Hal ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Baharu adalah berbeza mengikut taraf pendidikan. Memandangkan secara keseluruhan aspek gaya hidup dalam konteks kategori taraf pendidikan responden adalah signifikan (0.000), maka kajian ini menerima H_6 iaitu:

H_6 Terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya hidup masyarakat dalam konteks pendidikan kesan rebakan bandar.

Justeru, pencapaian Objektif Kajian Keempat melalui analisis ANOVA sehala berkaitan kategori bangsa, umur, pendapatan, pekerjaan, agama dan taraf pendidikan dengan aspek gaya hidup secara keseluruhannya pengkaji mendapati kesemuanya adalah signifikan pada aras $p \leq 0.05$ atau wujud perbezaan, kecuali faktor kategori umur. Ini menunjukkan bahawa rebakan bandar dari aspek bangsa, pendapatan,

pekerjaan, agama dan taraf pendidikan menentukan perbezaan terhadap aspek gaya hidup. Atau dengan kata lain, faktor aspek bangsa, pendapatan, pekerjaan, agama dan taraf pendidikan yang berbeza telah menyebabkan berlakunya perbezaan dalam gaya hidup dan tidak pula terhadap usia atau umur seseorang.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada perbincangan berkenaan dengan dapatan utama mengikut objektif kajian di atas (Objektif Kajian Pertama hingga Keempat), pengkaji mendapati bahawa keadaan gaya hidup pada masa kini yang kekal baik melibatkan konstruk nilai, minat, kehendak, kepercayaan, aktiviti dan keseluruhan psikografik gaya hidup. Namun begitu, konstruk gaya hidup yang sedikit merosot berlaku terhadap konstruk sikap dan pandangan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru. Walau bagaimanapun, sekalipun gaya hidup keseluruhan serta setiap konstruk gaya hidup pada masa kini masih kekal pada tahap baik, tetapi ia berlaku sedikit berlaku penyusutan kepada tahap memuaskan melalui nilai min berbanding dengan sebelum rebakan bandar.

Ini dibuktikan melalui analisis secara statistik inferensi iaitu Ujian t yang turut mendapati aspek gaya hidup keseluruhan masyarakat Bandaraya Johor Bahru menunjukkan berlaku perbezaan bandingan sebelum dengan pada masa kini kesan rebakan bandar untuk kesemua konstruk gaya hidup dan keseluruhan aspek gaya hidup itu sendiri. Dalam konteks diri atau latar belakang responden itu sendiri pula, kajian mendapati secara umumnya faktor aspek bangsa, pendapatan, pekerjaan, agama dan taraf pendidikan yang berbeza telah menyebabkan berlakunya perbezaan dalam gaya hidup dan tidak pula terhadap usia atau umur seseorang.

Dapatan kajian di atas menggambarkan bahawa rebakan bandar menyebabkan perubahan berbentuk negatif atau berlaku kemerosotan nilai psikografik gaya hidup, sekalipun secara keseluruhannya masih dalam keadaan baik. Dapatan kajian ini juga adalah sejajar dengan hasil kajian oleh Anuar Amir (1990; 2004) yang menyatakan bahawa rebakan bandar memberi impak kepada masyarakat pada masa kini dengan 18 isu penting, termasuklah gaya hidup. Begitu juga dengan kajian oleh Rosniza Aznie Che Rose et al. (2002), (Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil (2017), Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., (2016), dalam konteks kesan rebakan bandar mendapati berlaku dalam pelbagai aspek seperti ruang parkir, gaya hidup diikuti konflik ruang halaman, konflik warga asing dan keselamatan harta benda. Begitu juga dengan kajian oleh Er Ah Choy et al. (2002), Razin (1998), Razin dan Roseentraub (2000), Resnik (2010) mendapati responden bersetuju bahawa peluasan kawasan bandar di Bandaraya Johor Bahru memberikan pengaruh kepada perubahan gaya hidup masyarakat setempat.

Akhirnya, bagi menjawab **penyataan masalah** kajian iaitu “kurang jelasnya soal kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru”, pengkaji dapat merumuskan sebagaimana berikut. “Kesan rebakan bandar telah menjadikan psikografik gaya hidup masyarakat pada masa kini di Bandaraya Johor Bahru masih baik sepertimana sebelum rebakan bandar iaitu melibatkan konstruk nilai, minat, kehendak, kepercayaan, aktiviti dan keseluruhan psikografik gaya hidup. Namun begitu, konstruk gaya hidup sedikit merosot berlaku terhadap konstruk sikap dan pandangan diri masyarakat di Bandaraya Johor Bahru. Walau bagaimanapun, sekalipun gaya hidup keseluruhan serta setiap konstruk gaya hidup pada masa kini masih kekal pada tahap baik, tetapi ia berlaku sedikit

penyusutan kepada tahap memuaskan melalui nilai min berbanding dengan sebelum rebakan bandar”. Oleh kerana itu, “tesis” kajian adalah “walaupun rebakan bandar berlaku, gaya hidup masyarakat secara keseluruhannya pada masa kini di Bandaraya Johor Bahru masih baik”.

5.3 Implikasi Kajian

Perbincangan menerusi bahagian implikasi kajian melibatkan tiga konteks iaitu: pertama, implikasi kepada perspektif ilmu dan psikografik gaya hidup; kedua, implikasi dasar berkaitan perbandaran; serta ketiga, implikasi kepada masyarakat di Bandaraya Johor Bahru.

5.3.1 Implikasi kepada Perspektif Ilmu dan Psikografik Gaya Hidup

Perbincangan berbaitan dengan rumusan kajian sebagaimana di atas telah mencapai Objektif Kajian Pertama hingga Keempat serta menyelesaikan masalah berakaitan dengan kurang jelasnya soal kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru. Dalam hal ini, penyelesaian kepada masalah kajian telah dicapai dengan mengisi lompong keilmuan. Malah, dari segi kerangka konseptual kajian juga menunjukkan cadangan yang dirangka berdasarkan kepada psikografik gaya hidup boleh digunakan untuk tujuan kajian ini. Sekiranya kajian terdahulu oleh Anuar Amir (1990; 2004), Er Ah Choy et al. (2002) dan Rosniza Aznie Che Rose et al. (2002) gagal menyentuh konstruk ukuran secara bermodel atau teori berkaitan gaya hidup, maka kajian ini telah mengisi lompong kajian berkaitannya. Malah, kajian ini juga mendapati selari dengan kajian mereka sekalipun menggunakan pendekatan ukuran berbeza iaitu berdasarkan psikografik gaya hidup. Oleh kerana itu, penggunaan model psikografik gaya hidup oleh pengkaji

terdahulu seperti Gladwell (1990), Litvin dan Smith (2015), Pearce et al. (1998), Plog (1991), Reisinger dan Mavondo (2003) dalam pelbagai bidang, tidaklah menghalang kajian ini berkaitan dengan bidang perancangan bandar turut menggunakannya menerusi kajian rebakan bandar.

5.3.2 Implikasi kepada Dasar Perbandaran Negara

Tujuan DPN adalah untuk meningkatkan keberkesanan kualiti perkhidmatan bandar ke arah mewujudkan bandar yang selamat, sistematik, moden dan menarik. Tujuan dasar ini pada hakikatnya adalah baik untuk matlamat mencapai sebuah bandar yang moden, selamat, menarik dan baik sistem pengurusan. Walau bagaimanapun, melalui kajian lepas seperti yang disebut di atas iaitu oleh Anuar Amir (1990; 2004), Er Ah Choy et al. (2002), Rosniza Aznie Che Rose et al. (2002), (Siti Norlizaiha Harun & Rusamah Abdul Jalil (2017), Mohd Fadzil Abdul Rashid et al., (2016) dan Syahidah Amni Mohamed & Nor Zalina Harun (2018), yang khusus mengkaji Bandaraya Johor Bahru mendapati kualiti hidup dan gaya hidup masyarakat bandar merosot ekoran daripada rebakan bandar. Begitu juga dengan kajian ini yang mendapati gaya hidup walaupun masih baik secara keseluruhannya, tetapi sedikit menurun berbanding sebelum berlakunya rebakan bandar.

Oleh kerana itu, DPN disaran supaya disemak kembali dengan memberikan perhatian kepada pengekalan gaya hidup yang baik sebagaimana sedia ada dalam masyarakat terdahulu. Hal ini penting kerana bukan sahaja masalah gaya hidup di Bandaraya Johor Bahru sahaja merosot, malah lain-lain bandar di luar negara juga turut merosot dalam aspek terutamanya hubungan sosial, budaya baik, tradisi dan sistem pengurusan bandar keseluruhan sebagaimana kajian oleh Ke et al. (2009), Kumar et al. (2011) dan

Tong et al. (2010). Menurut Atkinson dan Oleson (1996), Bier (2001), Cinyabuguma dan McConnell (2013), Ding dan Bingham (2000) serta Hortas-Rico dan Sole-Olle (2010), menjadi malang sekiranya rebakan bandar tidak diatasi kerana ia boleh menjejaskan kualiti hidup dalam setiap perkara. Sekalipun terdapat pandangan lebih positif yang dikemukakan oleh Carruthers dan Vias (2005), Ding dan Bingham (2000), Gilli (2009) serta Prud'homme dan Lee (1999) bahawa rebakan bandar mendatangkan manfaat kepada masyarakat dalam aspek peluang pekerjaan, peningkatan harga hartanah, kemudahan aksesibiliti dan sebagainya, namun kesan negatif juga perlu diberikan perhatian. Hal ini penting agar rebakan bandar tidak menjejaskan tamadun manusia dan pada masa yang sama mendapat manfaat darinya.

5.3.3 Implikasi kepada Masyarakat di Bandaraya Johor Bahru

Dapatan kajian ini secara umumnya adalah mendapati gaya hidup masyarakat di Bandaraya Johor Bahru masih baik secara keseluruhannya, tetapi sedikit menurun berbanding dengan keadaan sebelum rebakan bandar. Hal ini pastinya menyentuh soal masyarakat asal yang telah lama menetap di bandaraya ini. Kajian ini mencadangkan agar masyarakat asal yang telah lama menetap di bandaraya bersama meningkatkan nilai baik berkaitan gaya hidup iaitu melibatkan nilai diri, minat diri, kehendak diri, kepercayaan diri, aktiviti diri atau rutin harian dan keseluruhan psikografik gaya hidup. Sementara itu, bagi sikap dan pandangan diri masyarakat pula perlu lebih diberikan perhatian kerana merosot hingga ke tahap memuaskan. Keperluan peningkatan kepada tahap gaya hidup sedia ada pada masa kini ke arah lebih baik adalah penting kerana Cinyabuguma dan McConnell (2013) serta Kumar et al. (2011) menyatakan ia boleh menjadikan masyarakat dalam sesebuah bandar yang sedang

merebak memiliki identiti dan mampu menyeimbangkan masalah semasa sama ada masyarakat atau pengurusan bandar.

5.4 Cadangan Kajian Akan datang

Secara umumnya, kajian ini adalah berkaitan dengan keperluan mengisi lompong keilmuan dari sudut “kurang jelasnya soal kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru”. Kajian yang dijalankan sepenuhnya menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah kaji selidik di lapangan terhadap masyarakat di Bandaraya Johor Bahru. Teknik analisis yang digunakan adalah secara statistik iaitu deskriptif, Ujian t dan ANOVA sehalu. Dalam proses menyelidik dan membuat analisis, pengkaji menemui beberapa aspek yang memerlukan kajian lanjutan untuk menutup lompong ilmu lain berkaitan kajian ini iaitu:

- i. tahap kepuasan masyarakat di Bandaraya Johor Bahru berkaitan pembangunan bandar masa kini;
- ii. perbandingan gaya hidup masyarakat antara bandaraya di Malaysia;
- iii. keberkesanan sistem pengurusan Bandaraya Johor Bahru dalam konteks mengurus gaya hidup baik masyarakat pada masa kini; dan
- iv. pengekalan nilai murni sedia ada masyarakat dalam menghadapi rebakan bandar di Bandaraya Johor Bahru.

5.5 Penutup

Hasil kajian, perbincangan dan rumusan kajian ini secara keseluruhannya telah mencapai setiap objektif kajian dan memberikan jawapan untuk pengisian lompong keilmuan melalui penyelesaian kepada masalah kajian. Permasalahan kajian berkaitan dengan “kurang jelasnya soal kesan rebakan bandar terhadap psikografik gaya hidup masyarakat dalam kawasan Bandaraya Johor Bahru” telah menghasilkan tesis kepada kajian ini iaitu “walaupun rebakan bandar berlaku, gaya hidup masyarakat secara keseluruhannya pada masa kini di Bandaraya Johor Bahru masih baik”. Namun begitu, kajian ini masih memerlukan kajian selanjutnya dalam beberapa perkara sebagaimana dijelaskan dalam cadangan kajian akan datang kepada pengkaji berikutnya. Ini penting kerana, tiada kajian yang lengkap dan tiada kajian yang mampu menjelaskan segala perkara berkaitan dengan sesuatu masalah atau isu yang berlaku. Justeru, kemampuan pengkaji dalam mengoperasikan dan membincangkan masalah kajian ini pastinya terbatas yang pastinya memiliki kelemahan supaya pengkaji pada masa akan datang dapat menutupi kelemahan yang ada.

RUJUKAN

- Abd Rahim Md. Nor. (2009). *Statistical methods in research*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Abdul Samad Hadi. (2010). Urbanisasi di Malaysia: mengaitkan kepelbagaian proses ke bentuk perbandaran. *Malaysian Journal of Environmental Management* 11(2), 21-31.
- Abdul Samad Hadi, Shahrudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. (2009). Malaysian urbanization transition: from nascent, pseudo to livable mega-urban region. International Symposium on Sustainable Living: Articulating the Faces of Urbanization. Anjuran Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia pada 4 Jun, bertempat di Seremban, Negeri Sembilan.
- Abdul Aziz Rahman , Abdul Razaq Ahmad, Jalaluddin Abdul Malek & Mohd Mahzan Awang. (2016). Social Participation And Values Culturalisation Through Non-Formal Learning Among Urban Residents of Putrajaya. *Kajian Malaysia, Vol. 34, No. 2*, 75–100.
- Anastasia Sri Mendari. (2010). Aplikasi Teori Hierarki Kebutuhan Maslow dalam meningkatkan motivasi belajar mahasiswa. *Widya Warta* 1, 82-91.
- Ansbacher, H.L. (1967). Life style: a historical and systematic review. *Journal of Individual Psychology* 23(2), 191–212.
- Anthony, J. (2004). Do state growth management regulations reduce sprawl? *Urban Affairs Review* 39(3), 376-397.
- Anuar Amir. (1990). Pembentukan konsep dan ciri-ciri kawasan pinggir bandar. M.Phil Thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Sekudai.
- Anuar Amir. (2004). Merentasi dikotomi bandar desa: ke arah pewilayahan petempatan luar bandar yang mengalami tekanan limpahan pempandaran. *Jurnal Alam Bina* 2(6), 25-36.
- Asiah Ismail, Abdul Rahim Razani & Khadijah Hassan. (2016) *Implikasi Urbanisasi dan setinggan*. Project Report. UTM. (Unpublished).
- Asrizal Mohamed Radzi. (2013). Sejarah pembentukan negara bangsa dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara* 1, 67-82.
- Atkinson, G. & Oleson, T. (1996). Urban sprawl as a path dependent process. *Journal of Economic Issues* 2, 609-615.

- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, Hamdan Kadir, Noordin Yahaya. (2018), Discipline Problems Among Secondary School Students in Johor Baru. *European Journal of Social Science. Volume 11, Number ,4* 14-22..
- Azizi yahaya & Jamaludin Ramli. (2009) The Relationship Between Self-Concept And Communication Skills Towards Academic Achievement Among Secondary School Students in Johor Bahru International Journal of Psychological Studies Vol. 1 No 2, 18-24.
- Bairoch, P. (1988). *Cities and economic development: from the dawn of history to the present*. Chicago: University of Chicago Press.
- Bell, D. & Hollows, J. (2006). *Historicizing lifestyle: mediating taste, consumption and identity from the 1900s to 1970s*. Aldershot-Burlington: Asghate.
- Berger, A.S. (1978). *The city: urban communities and their problems*. Iowa: William C. Brown.
- Berzano, L. & Genova, C. (2015). *Lifestyles and subcultures: history and a new perspective*. London: Routledge.
- Bier, T. (2001). Urban sprawl and decline: prospects for change. *Public Works Management Policy* 6(2), 83-87.
- Black, J.T. (1996). The economics of sprawl. *Urban Land* 55(3), 52-53.
- Blazek, J., Csank, P., Maceskova, M., Sykorova, I. & Zizalova, P. (2008). Regional development of Prague and application of the four capital model to the issues of urban sprawl. *European Environment* 18, 96-109.
- Boatwright, M.T. (2000). *Hadrian and the cities of the Roman Empire*. Princeton: Princeton University Press.
- Bonaiuto, M., Aiello, A., Perugini, M., Bonnes, M. & Ercolani, A.P. (1999). Multidimensional perception of residential environmental quality and neighbourhood attachment in the urban environment. *Journal of Environmental Psychology* 19(4), 331-352.
- Bourguignon, F. & Chakravarty, S. (2003). The measurement of multidimensional poverty. *Journal of Economic Inequality* 1(1), 25-49.
- Brody, S.D., Carrasco, V. & Highfield, W.E. (2006). Measuring the adoption of local sprawl: reduction planning policies in Florida. *Journal of Planning Education and Research* 25, 294-310.
- Bryant, C.R. & Johnson, T.R.R. (1992). *Agriculture in the city's countryside*. London: Belhaven Press.

- Brueckner, J.K. & Fansler, D.A. (2001). The economics of urban sprawl: theory and evidence on the spatial sizes of cities. Dlm. *The Review of Economics and Statistics*, hlm. 479-482. New York: MIT Press.
